

**KAJIAN PELAKSANAAN *AL-QARD AL-HASAN*
DI *BAITUL MAL WAT TAMWIL AL-KHAIRAT*
PAMEKASAN MADURA INDONESIA**

ROFIHH

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2011**

**KAJIAN PELAKSANAAN *AL-QARD AL-HASAN*
DI *BAITUL MAL WAT TAMWIL AL-KHAIRAT*
PAMEKASAN MADURA INDONESIA**

ROFIIH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH DAN EKONOMI
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2011**

ABSTRAK

Keadaan ekonomi Islam di Indonesia semakin mendapat perhatian di kalangan masyarakat. Hal ini dibuktikan semakin banyak ditubuhkan institusi kewangan yang berasaskan syariah, sama ada institusi kewangan berbentuk bank ataupun bukan bank, seperti Baitul Mal Wattamwil (BMT). Apatah lagi majority masyarakat Indonesia adalah beragama Islam, sehingga tidak dapat dinafikan lagi kesempatan pasar kewangan syariah sangatlah luas. Dari segi hukum, BMT sebagai institusi kewangan mikro Islam berasaskan pada undang-undang republic Indonesia no. 10 tahun 1998 dan no. 23 tahun 1999 yang membolehkan bank konvensional menggunakan sistem dua fungsi, konvensional dan syariah, maka BMT al-Khairat mengambil kesempatan untuk menjalankan pelaksanaan al-Qard al-Hasan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti pelaksanaan al-Qard al-Hasan di BMT al-Khairat Pamekasan Indonesia ditinjau perspektif syariah. Kajian ini dimulakan dengan menjelaskan pengertian al-Qard al-Hasan, konsep dan fungsi al-Qard al-Hasan. Seterusnya, penulis menghuraikan pelaksanaan al-Qard al-Hasan, prinsip syariah yang digunapakai, dan aplikasinya dalam al-Qard al-Hasan di BMT al-Khairat Pamekasan Indonesia. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang berasal dari buku-buku, risalah-risalah, kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, akhbar dan data-data yang berkaitan dengan rujukan dan tajuk kajian, manakala kajian lapangan iaitu dengan melakukan kunjungan, temubual, mengamati dan meninjau institusi yang dijadikan tempat kajian. Dalam proses analisis data, penulis menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Kajian ini mendapati bahawa al-Qard al-Hasan dilaksanakan sesuai dengan prinsip-prinsip syariah. Dengan menggunakan dua jenis Pinjaman yang menjadi asas pelaksanaannya yang terdiri dari : Pinjaman produktif (pinjaman untuk modal usaha), Pinjaman Konsumtif (pinjaman untuk keperluan asas keluarga), mampu bersaing dengan institusi kewangan syariah lainnya Walaupun dalam pelaksanaannya masih terdapat beberapa permasalahan yang ada, namun permasalahan ini tidak memberikan kesan yang nampak terhadap pelaksanaan al-Qard al-Hasan.

ABSTRACT

In Indonesia, people are paying more attention to the so-called Islamic economy. This is seen to arise from their increasing need to the establishment of financial institutions that are based on Shariah (Islamic law) and regardless of whether or not the institution uses a banking system, such as Baitul Mal Wattamwil (BMT). Moreover as the majority of Indonesian people are Muslim, the opportunity for a financial market that is based on Shariah is far-reaching. From a legal perspective, BMT is an Islamic micro financial institution that is based on the rules of the Republic of Indonesia-no. 10, 1998 and no. 2, 1999 which allows conventional banks to use a dual function, that includes both conventional and Shariah compliant banking. Therefore, BMT is able implement the so-called al-Qard al-Hasan scheme. This study analyzes the implementation of Islamic al-Qard al-Hasan in BMT al-Khairat, Indonesia and begins by explaining the definition of al-Qard al-Hasan, and its concept and function. Moreover, the researcher elaborates in detail upon the implementation of al-Qard al-Hasan based on Islamic principles and how they applied in al-Qard al-Hasan, in BMT al-Khairat, Indonesia. The process of this research included library research and field research. The library research was conducted to obtain information from books, pamphlets, papers, journals, newspapers and the data associated with reference and research topic, while the field research used, interviews, observation and a review of the institutions being studied. In the analyzing process, the researcher used three methods inductive, deductive and comparative. This study determined that al-Qard al-Hasan is being implemented in accordance with Islamic principles. By conducting two loan schemes, with cash debt as the fundamental validity ; Productive al-Qard al-Hasan scheme (benevolent loan for financial capital facility) and Consumptive al-Qard al-Hasan scheme (benevolent loan for financial family needed facility), al-Qard al-Hasan is able to compete with other Islamic banking institutions. Even though al-Qard al-Hasan faces several difficulties in its operation, this does not decrease the performance of al-Qard al-Hasan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah rabbi al-'alam in

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada Dr. Asmak Ab Rahman sebagai penyelia dan pembimbing kepada penulisan disertasi ini yang telah banyak memberikan tunjuk ajar bagi usaha menyiapkan penulisan ini.

Terima kasih juga ditujukan kepada seluruh kakitangan pejabat Am Akademi Pengajian Islam khususnya kakitangan Jabatan Syariah dan Ekonomi dan kakitangan Ijazah Pengajian Tinggi Akademi Pengajian Islam di atas pelayanan mesra terhadap saya selama membuat penulisan ini. Terima kasih juga penulis ditujukan kepada pengerusi dan kakitangan pejabat BMT al-Khairat diatas bantuan data-data, informasi-informasi yang diperlukan bagi memudahkan penulisan ini dijalankan.

Kepada Universiti Malaya yang telah memberikan bantuan geran penyelidikan pascasiswazah dengan no akaun P0069/2008A.

Kepad ibu saya Hj. Siti Mailah yang selalu mendukung keberhasilan study saya. Juga kepada ayah saya H. Ahmad Baidawi(*al-Marhum*) yang menjadi idola dan motivator hidup saya. *Allahumma irhamhum a kam a rabbayan i sawiran.*

Kepada istri tercinta Faiqatun Nuroniah yang selalu mendukung untuk membangkitkan semangat menyelesaikan disertasi dan juga anak tercinta Ahmad Alzam Hibbany yang selalu muncul dalam senyuman di setiap kerja penulisan ini. Kepada kalian berdua, disertasi ini saya persembahkan.

Semua kawan-kawan seperjuangan, khasnya di Indonesian Student and Worker Assosiation (ISTAWA), kak Shila yang selalu membantu dan memberikan informasi penting terhadap perkembangan penulisan dan yang tak dapat disebutkan satu persatu, bantuan dan sokongan kalian tak akan dilupakan sepanjang masa.

Terimakasih

Rofiih

Jln. Kawi

No.10 Pancakarya Ajung Jember Jawa Timur – Indonesia

Email: al_rafie@yahoo.com

ISI KANDUNGAN

Abstrak	iv
Penghargaan	vi
Isi Kandungan.....	vii
Transliterasi.....	xi
Indeks	xii

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan.....	1
1.2. Latar Belakang Kajian.....	4
1.3. Permasalahan Kajian.....	8
1.4. Objektif Kajian	9
1.5. Kepentingan Kajian.....	9
1.6. Skop Kajian	10
1.7. Kajian Lepas	11
1.8. Metodologi Kajian	16
1.9. Sistematik Penulisan	18
1.10. Kesimpulan	19

BAB DUA KONSEP AL-QARD AL-HASAN DALAM ISLAM

2.1. Pendahuluan.....	21
2.2. Pengertian	22
2.2.1. Pengertian dari sudut bahasa.....	22
2.2.2. Pengertian dari sudut istilah syara'	26
2.2.3. Pengertian dari sudut istilah syara' mengikut mazhab	28
2.3. Landasan Hukum	30
2.3.1. Al-Qur'an.....	30
2.3.2. Al-hadith	37
2.3.3. Pandangan ulama Fiqh.....	39
2.4. Rukun <i>al-Qard al-Hasan</i>	43
2.5. Syarat-syarat <i>al-Qard al-Hasan</i>	46

2.6. Masa dan Kadar Pembayaran	48
2.6.1. Pandangan Mazhab tentang lebih pembayaran dalam <i>al-Qard al-Hasan</i>	50
2.7. Aplikasi <i>al-Qard al-Hasan</i>	53
2.7.1. Karakteristik <i>al-Qard al-Hasan</i>	54
2.7.2. Sifat pemberian pinjaman kebajikan <i>al-Qard al-Hasan</i>	55
2.7.3. Perbezaan <i>al-Qard al-Hasan</i>	55
2.8. Manfaat <i>al-Qard al-Hasan</i>	56
2.8.1. Manfaat secara umum.....	56
2.8.2. Manfaat secara khusus.....	56
2.8.3. kelebihan memberi pinjaman <i>al-Qard al-Hasan</i>	57
2.9. Kesimpulan	59

BAB TIGA

SEJARAH BMT DAN PROSEDUR PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN BMT AL-KHAIRAT PAMEKASAN

3.1. Pendahuluan.....	61
3.2. Sejarah dan perkembangan BMT Al-Khairat Pamekasan.....	62
3.2.1. Pengenalan	62
3.2.2. Sejarah Penubuhan	65
3.2.3. Badan Hukum BMT	66
3.2.4. Visi dan Misi.....	67
3.2.5. Struktur Organisasi BMT	68
3.2.6. Produk-produk yang ditawarkan BMT.....	70
3.2.6.1. Produk Penghimpunan Dana (<i>Funding</i>).....	70
3.2.6.2. Produk Penyaluran Dana (<i>Financing</i>)	71
3.3. Prosedur pelaksanaan <i>al-Qard al-Hasan</i> sebagai instrumen pembiayaan	77
3.3.1. Pengelolaan Dana <i>al-Qard al-Hasan</i>	77
3.3.1.1. Sumber-sumber Dana <i>al-Qard al-Hasan</i>	78
3.3.1.2. Bentuk-bentuk Pemberian Kemudahan <i>al-Qard al-Hasan</i>	79
3.3.2. Golongan Pelanggan penerima kemudahan <i>al-Qard al-Hasan</i>	82
3.3.3. Peminjaman dana <i>al-Qard al-Hasan</i>	83
3.3.3.1. Persyaratan dan prosedur peminjaman <i>al-Qard al-Hasan</i>	83
3.3.3.2. Studi kelayakan dan Administrsi penyaluran dana <i>al-Qard al-Hasan</i>	84

3.3.3.3. Jumlah Pembiayaan <i>al-Qard al-Hasan</i>	86
3.3.4. Sistem Pengembalian <i>al-Qard al-Hasan</i>	87
3.3.4.1 Jaminan dalam Pembiayaan	87
3.3.4.2 Ingkar janji yang dilakukan oleh pelanggan	88
3.4. Permasalahan yang dihadapi serta kebijakan yang diambil pihak BMT	92
3.5. Faktor penghalang dan penyokong keberhasilan pelaksanaan <i>al-Qard al-Hasan</i>	93
3.6. Kesimpulan	94

BAB EMPAT

ANALISIS AL-QARD AL-HASAN SEBAGAI INSTRUMEN PEMBIAYAAN DATA DAN PEMBAHASAN

4.1. Pendahuluan	96
4.2. Analisis terhadap Penubuhan BMT	97
4.2.1. Pengenalan	97
4.2.2. Posisi dan Fungsi <i>Bayt Mal</i> dan <i>Bayt Tamwil</i>	101
4.2.3. Analisis terhadap Produk penghimpunan Dana	103
4.2.3.1. Penghimpunan dengan akad <i>al-Wadiah</i>	104
4.2.3.2. Penghimpunan Dana dengan akad <i>al-mudharabah</i>	107
4.2.4. Analisis terhadap Produk Penyaluran Dana	111
4.2.4.1. Prinsip Perkongsian Untung (<i>Profit-Sharing</i>)	112
4.2.4.2. Prinsip Jual Beli (<i>al-Bay'</i>)	114
4.2.4.3. Prinsip Sewa (<i>Ijarah</i>)	114
4.2.4.4. Pinjaman Kebajikan (<i>al-Qard al-Hasan</i>)	115
4.3. Analisis terhadap pelaksanaan <i>al-Qard al-Hasan</i>	116
4.3.1. Posisi dan Fungsi <i>al-Qard al-Hasan</i>	117
4.3.2. Analisis terhadap pengelolaan <i>al-Qard al-Hasan</i>	120
4.3.2.1. Pelembagaan dana zakat (infaq dan sedekah)	122
4.3.2.2. Pinjaman dari dana zakat, infaq dan sedekah	124
4.3.3. Analisis terhadap jenis golongan penerima <i>al-Qard al-Hasan</i>	127
4.3.3.1. <i>al-Qard al-Hasan</i> (dana zakat) yang tidak disamaratakan bagi lapan asnaf	128
4.3.3.2. <i>al-Qard al-Hasan</i> (dana zakat) yang diperuntukkan bagi pihak selain lapan asnaf	130

4.3.4. Analisis terhadap peminjaman dana <i>al-Qard al-Hasan</i>	135
4.3.4.1. Syarat dan prosedur peminjaman	135
4.3.4.2. Kajian kelayakan dan pembiayaan administrasi serta penyaluran dana	137
4.3.5. Analisis terhadap pengembalian pinjaman dan kebajikan yang diambil pihak BMT	140
4.3.5.1. Pemberian kelonggaran waktu kepada pelanggan bermasalah	140
4.3.5.2. Kelebihan yang diberikan oleh pelanggan dalam pengembalian pinjaman <i>al-Qard al-Hasan</i>	142
4.4. Kesimpulan	145

BAB LIMA

KESIMPULAN, SARAN DAN PENUTUP

5.1. Pendahuluan.....	147
5.2. Kesimpulan	147
5.2.1. Penilaian Terhadap BMT.....	147
5.2.2. Penilaian terhadap pelaksanaan al-Qard al-Hasan	149
5.3. Saranan dan Cadangan	151
5.3.1. Kepada Pihak BMT al-Khairat	151
5.3.2. Kepada Institusi Agama dan Para Ilmuwan Islam	152
5.3.3. Kepada Penyelidik Yang Akan Datang.....	153
5.4. Penutup.....	153
 BIBLIOGRAFI.....	 154

PANDUAN TRANSLITERASI

I. KONSONAN

Huruf Arab	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ء	'	مؤمن	Mu'min
ب	B	بحث	Bahth
ت	T	تقليد	Taqlid
ث	Th	ثقافة	Thaqafah
ج	J	إجماع	Ijma'
ح	H	تحليل	Tahlil
خ	Kh	خبير	Khabir
د	D	مدينة	Madinah
ذ	Dh	ذوق	Dhawq
ر	R	سريع	Sari'
ز	Z	غريزي	Gharizi
س	S	فلسفة	Falsafah
ش	Sh	كشف	Kashf
ص	S	صوفي	Sufi
ض	D	ضوء	Daw'
ط	T	خطأ	Khata'
ظ	Z	محفوظ	Mahfuz
ع	'	معنى	Ma'na
غ	Gh	غطاء	Ghita'
ف	F	فيلسوف	Failusuf
ق	Q	عقل	'Aql
ك	K	تفكير	Tafakkur
ل	L	لمس	Lams
م	M	علم	'Ilm
ن	N	كون	Kawn
هـ	H	كنه	Kunh
و	W	مواقف	Mawaqif
ي	Y	يقين	Yaqin
ة	H	ملكة	Malakah

II. VOKAL

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
آ	Ā	هيولاني	Hayulani
و	Ū	سلوك	Suluk
ى	Ī	غريزي	Gharizi

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
_____	A	خبر	Khabar
_____	U	مريد	Murid
_____	I	معرفة	Ma'rifah

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
أو	Aw	أولياء	Awliya'
أى	Ay	شيطان	Shaytan
يـ	iy/ī	تاريخ	Tarikh
وـ	Uww	قوة	Quwwah

Sumber : Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi

INDEKS

RAJAH

Rajah 2.1	Kerja Prinsip <i>Al-Qard Hasan</i>	54
Rajah 3.1	Kondisi infrastruktur dan kelembagaan institusi kewangan mikro	64
Rajah 3.2	Pengelolaan dana zakat oleh BMT al-Khairat	78
Rajah 3.3	Perkembangan <i>al-Qard al-Hasan</i> BMT al-Khairat (2007-2009)	81
Rajah 4.1	Aplikasi kombinasi Prinsip <i>al-Wadiah</i> dan Prinsip <i>al-Mudarabah</i>	107
Rajah 4.2	Analisis pelaksanaan al-Qard al-Hasan oleh BMT al-Khairat	117

JADUAL

Jadual 3.1	Profil pembiayaan <i>al-Qard al-Hasan</i> oleh Pelanggan BMT al-Khairat	90
Jadual 4.1	Produk-produk bank syariah/institusi kewangan Islam	116

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN

Keadaan ekonomi Islam di Indonesia semakin hari semakin mendapat perhatian yang semakin serius di kalangan masyarakat. Hal ini dibuktikan dengan semakin banyak tertubuhnya institusi-institusi kewangan yang berasaskan pada prinsip-prinsip syariah, sama ada institusi kewangan berbentuk bank umum ataupun institusi kewangan bukan bank, seperti insurans syariah, pegadaian syariah dan Baitul Mal Wattamwil (BMT).

Penubuhan Bank Syariah di Indonesia bermula pada tahun 1991, bermula dengan penubuhan Bank Muamalat Indonesia (BMI) yang kemudian menjadi pelopor tertubuhnya institusi-institusi kewangan syariah yang lain iaitu bank-bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS/*Syariah People's Credit Bank*). Namun, dalam tempoh masa tahun 1991-1998, perkembangan bank syariah boleh dianggap agak perlahan, kerana hanya BMI satu-satunya bank Islam di Indonesia. Ini disebabkan faktor perundangan, sebelum wujudnya Undang-undang (UU) No. 10 tahun 1998 tentang perbankan, tidak ada peraturan perundangan yang mendukung sistem bank syariah, kecuali UU No. 7 Tahun 1992 dan Peraturan Pemerintah (PP) No. 72 Tahun 1992.¹

Berdasarkan UU No 7 Tahun 1992, bank yang mengamalkan prinsip syariah disebut sebagai bank perkongsian untung. Bank syariah mesti mengikut peraturan perbankan konvensional. Oleh kerana itu, pentadbir bank syariah (BMI) cenderung untuk meniru produk dan perkhidmatan perbankan konvensional yang kemudian diislamisasikan. Hal ini menyebabkan jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BMI terhad,

¹ Iman Hilman (2003), "Transformasi Perbankan Syariah, Suatu Keharusan", dalam *Perbankan Syariah Masa Depan*. Jakarta : PT Senayan Abadi, h. 3. Lihat juga Heri Sudarsono (2004), *Bank dan Institusi Kewangan Syariah Deskripsi dan Ilustrasi*. Yogyakarta : Ekonisia, h. 32.

sebab tidak semua produk dan perkhidmatan bank konvensional boleh disyariatkan. Akibatnya tidak semua keperluan masyarakat dapat dipenuhi.

Sementara PP No.72 Tahun 1992 yang merupakan salah satu peraturan pelaksanaan dari UU No 7 Tahun 1992, fasal 6 menentukan bahawa bank umum dan BPR yang kegiatannya berasaskan prinsip perkongsian untung, tidak dibenarkan melakukan usaha yang bukan berasaskan prinsip perkongsian untung. Begitu juga sebaliknya. Ini bermakna, tidak ada peluang untuk membuka *Islamic windows*.

Peraturan itu menjadi penghalang bagi berkembangnya bank syariah, kerana jalur pertumbuhan jaringan pejabat bank syariah hanya melalui perluasan pejabat bank syariah yang telah sedia ada atau pembukaan bank baru memperlihatkan relatif besar dari sudut kosnya. Situasi demikian menjadikan BMI sebagai pemain tunggal di pasaran bank Islam.

Dengan disahkan Undang-undang No 10 tahun 1998 tentang perubahan terhadap Undang-undang No. 7 Tahun 1992 tentang perbankan, maka landasan perundangan bank syariah telah cukup jelas dan kuat baik dari segi penubuhannya mahupun landasan pelaksanaannya. Undang-undang tersebut semakin kukuh setelah didukung UU No. 23 tahun 1999 tentang Bank Indonesia Fasal 10, yang menyatakan Bank Indonesia dapat menerapkan polisi kewangan berdasarkan prinsip-prinsip syariah.

Selain mengatur bank syariah, dua Undang-Undang tersebut menjadi landasan bagi perbankan nasional mulai melaksanakan *dual banking system*, iaitu sistem perbankan konvensional dan syariah yang berjalan secara selari, di mana bank konvensional yang telah sedia ada dibenarkan membuka *syariah windows*.

Kesan dari pada itu, usaha untuk menerap prinsip Islam dalam perbankan giat dilaksanakan dengan ditubuhkan berbagai unit usaha syariah seperti Bank Syariah

Mandiri (BSM) yang menggunakan sistem syariah secara keseluruhan (1999), Bank IFI cabang usaha syariah (1999), Bank Jabar cabang usaha syariah (2000), Bank BNI 46 Syariah (2000), Bank Bukopin cabang usaha syariah (2001), Bank Rakyat Indonesia syariah (2001), Bank Danamon Syariah (2002), Bank II Syariah (2003) dan menyusul beberapa bank konvensional lainnya yang sudah berminat untuk membuka cabang syariah.²

Kini telah muncul banyak institusi perbankan syariah di Indonesia, selain yang mengamalkan prinsip-prinsip syariah sepenuhnya (*fully syariah implemented*) seperti Bank Muamalat Indonesia (BMI) dan Bank Syariah Mandiri (BSM), terdapat juga perbankan yang mengamalkan *dual banking system* seperti, Bank Jabar cabang usaha syariah, Bank Negara Indonesia 46 Syariah dan sebagainya serta BPRS (*People's Credit Bank*), dan institusi keuangan mikro Islam (*Islamic microfinance institution*) iaitu Baitul Mal Wattamwil (BMT) yang jumlahnya ribuan.

Pada dasarnya kedudukan perbankan syariah tersebut masih tertumpu pada masyarakat bandar dan lebih memenuhi kehendak golongan menengah dan atas. Institusi-institusi keuangan syariah dikembangkan kerana ia dapat berinteraksi dengan umat di desa dengan memberikan kemudahan pembiayaan usaha-usaha kecil dan mikro seperti Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS) dan Baitul Mal Wattamwil (BMT). Unit keuangan syariah kelas mikro inilah yang memberikan keunikan terhadap perkembangan institusi keuangan syariah di Indonesia berbanding dengan perkembangan di negara-negara Islam yang lain.

² Sofyan S. Harahap dan Yuswar Z. Basri (2004), "The History and Development of Islamic Banking in Indonesia 1990-2002", dalam Bala Shanmugan *et al.* (ed), *Islamic Banking: An International Perspective*. Serdang: Universti Putra Malaysia Press, h. 42. Lihat juga Heri Sudarsono (2004), *Bank dan Lembaga Keuangan Syariah; Deskripsi dan Ilustrasi*. Yogyakarta: EKONISIA, h. 28-30. Lihat juga Antonio, Muhammad Syafi'i (2001), *Bank Islam dari Teori ke Praktek*. Jakarta: Gema Insani Press, h. 25-28.

1.2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Umat Islam sebagai majoriti pelaku ekonomi di Indonesia masih belum mampu mengawal ekonomi secara signifikan, sektor non-formal yang majoritinya merupakan pengusaha kecil setiap saat mengalami kebijakan pemerintah yang memihak pada pengusaha besar yang akan mengembangkan usahanya.

Di desa, usaha umat Islam, tidak kunjung berkembang kerana tiada modal. Sikap diskriminatif daripada pihak bank untuk usaha kecil masih sangat terasa. Namun sepuluh tahun terakhir ini, dengan lahir dan berkembangnya bank syariah telah membawa angin segar yang menyejukkan bagi pengusaha kecil dengan dipermudahkan menikmati pinjaman yang diberikan daripada pihak bank.

Fenomena pertumbuhan Institusi Kewangan Syariah di Indonesia seperti BMT yang berkembang pesat, menunjukkan masyarakat berminat untuk melaksanakan transaksi-transaksi ekonomi yang sesuai dengan landasan syariah. Keinginan ini didasari oleh suatu kesedaran untuk menerapkan Islam secara utuh dan komprehensif seperti yang ditegaskan Allah SWT dalam al-Quran : al-Baqarah (02): 85.

أَفْتُومِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَاءُ مَن
يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ
الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَى أَشَدِّ الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ بِغَفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

“Apakah kalian beriman kepada sebagian al-Kitab (Taurat) dan ingkar terhadap sebagian yang lain? Tidak ada balasan bagi orang yang berbuat demikian daripada kalian, melainkan kenistaan dalam kehidupan dunia, dan pada hari kiamat mereka dikembalikan kepada seksa yang sangat berat. Allah tidak lengah dari apa yang kalian perbuat.”

Kajian ini, memfokuskan kepada salah satu institusi kewangan bukan bank yang berlandaskan kewangan syariah yang dikenali sebagai Baitul Mal Wattamwil (BMT). Secara takrifnya BMT adalah kelompok masyarakat yang mempunyai kesedaran yang berupaya mengembangkan usaha-usaha produktif dan pelaburan dengan prinsip syariah untuk meningkatkan kualiti ekonomi pengusaha kecil dalam usaha mengurangkan kemiskinan.³

Pada dataran hukum di Indonesia, undang-undang yang mengawal BMT adalah koperasi sama ada serba usaha (KSU) mahupun simpan pinjam (KSP). Namun kerana aplikasinya tidak sama dengan koperasi, maka juga berkemungkinan dibuat undang-undang dibuat sendiri menyebabkan BMT muncul sebagai institusi kewangan mikro Islam yang berasaskan pada undang-undang no. 10 tahun 1998 dan no. 23 tahun 1999 yang membolehkan bank konvensional menggunakan *dual banking system* iaitu konvensional dan syariah. Namun secara umum BMT berasaskan Pancasila dan UU 45 serta syariah Islam untuk dapat berinteraksi dengan masyarakat desa dan memberikan kemudahan pembiayaan usaha-usaha kecil .

Secara aplikasinya BMT melaksanakan dua jenis kegiatan iaitu Baitul Mal dan Baitul Tamwil. Baitul Tamwil mengembangkan usaha-usaha produktif dan pelaburan dalam meningkatkan kualiti dan perniagaan pengusaha kecil dengan mendorong kegiatan menabung dan menunjang pembiayaan ekonomi. Manakala baitul Mal menerima zakat, infak, dan sedekah serta mengagihkan sesuai dengan peraturan dan amanahnya⁴. Oleh itu, Baitul Mal mesti disokong supaya mampu secara profesional menjadi Lembaga Amil Zakat (LAZ) yang berfungsi mengumpulkan dana zakat, infak, sedekah,

³ Hal ini sangat relevan dengan kajian yang dilakukan Saad al-Harran di Malaysia yang dicetak dalam bentuk buku iaitu Saad al-Harran et. al. (1994), *Islamic Marketing Strategy Eradicating Rural Poverty in Malaysia*. Selangor: Pelanduk Publication

⁴ Tim Pinbuk (2000), *Paradigma Baru tentang Ekonomi Kerakyatan Sistem Syariah*, c. 1, Jakarta : CV Alfa Grafika, h.182

wakaf dan sumber-sumber dana sosial yang lain dalam usaha mengagihkan zakat kepada golongan yang berhak.⁵

Salah satunya adalah BMT Al-Khairat yang berada di Kabupaten Pamekasan, Madura, Propinsi⁶ Jawa Timur yang majoriti penduduknya adalah petani dan sebahagian dari mereka bergantung pada pinjaman daripada pemodal untuk melakukan aktiviti pertanian atau aktiviti ekonomi yang lain. *al-Qard al-Hasan* yang dilaksanakan oleh BMT al-Khairat sebagai salah satu instrumen pembiayaan yang sangat membantu masyarakat yang mengalami kekurangan modal dan kekurangan keperluan aktiviti ekonomi yang lain.

Pelaksanaan kontrak *al-Qard al-Hasan* dalam muamalat semasa merupakan suatu kemajuan dalam bidang kewangan meskipun pada asasnya prinsip ini bermatlamatkan kebajikan pada peminjam, namun kontrak ini diadaptasikan bagi menyelesaikan masalah urus niaga semasa yang bersifat konvensional dalam pelbagai cara.

Al-Qard al-Hasan memperoleh dana daripada sumber zakat, infaq dan sedekah serta bentuk-bentuk pemberian yang lain, dalam konsep dasarnya merupakan fasiliti bagi pelanggan yang berbentuk pinjaman tanpa bunga untuk menutupi keperluan baik keperluan konsumtif mahupun produktif. Penggunaan kemudahan ini lebih memfokuskan bagi pelanggan dari golongan bawah dalam usaha meningkatkan kesejahteraan.

Dalam aplikasinya banyak masalah yang muncul, kerana *al-Qard al-Hasan* merupakan produk pembiayaan relatif yang baru diperkenalkan kepada masyarakat. Mulai dari pengelolaan dana, pentadbiran, kelayakan pemberian pinjaman, kadar lebihan yang dikenakan kepada peminjam dengan alasan kos perkhidmatan, mekanisme

⁵ Muhammad Ridwan (2004), *Manajemen Baitul Mal Wat Tamwil*. Yogyakarta : UII Press, h. 124.

⁶ Propinsi bererti negeri bagi istilah Malaysia.

pengembalian, bahkan kriteria calon pelanggan untuk kemudahan ini masih mempunyai masalah.

Hal ini tentunya berbeza dengan perbankan konvensional dalam penyelesaiannya mengingat sumber dananya adalah dana zakat (infak dan sedekah) yang pada hakikatnya adalah menjadi hak bagi golongan ekonomi rendah, yang merupakan peminjam terbesar kemudahan ini.

Dalam memberikan pelayanan bagi masyarakat, BMT Al-Khairat sebagai institusi kewangan syariah memerlukan cara-cara khusus dalam melayani jasa pinjaman sehingga mampu bersaing dengan institusi kewangan yang lain. Hal ini diperlukan supaya nasabah tertarik kepada institusi kewangan syariah dan motivasi untuk selalu mengembangkan dan meningkatkan prestasi kerja pada masa kini dan masa yang akan datang.⁷

Berkait dengan hal tersebut, pengkaji cuba memaparkan lebih lanjut pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* oleh BMT al-Khairat terhadap pelanggan sehingga dapat mengetahui keselarasan prosedur yang telah ditetapkan dengan prinsip-prinsip syariah serta bagaimana ekonomi syariah memandang konsep tersebut.

BMT al-Khairat di pilih sebagai institusi kewangan yang menjadi objek kajian kerana BMT al-Khairat berada di tempat dimana kebanyakan masyarakat sekitar adalah orang-orang yang sememangnya memerlukan kemudahan *al-Qard al-Hasan*. Majoriti daripada masyarakat adalah petani yang mempunyai penghasilan rendah dan dari segi ekonomi keluarga adalah menengah kebawah. Hal ini menjadi dasar bagi penulis untuk memilih BMT al-Khairat sebagai institusi kewangan yang menjalankan kemudahan *al-Qard al-Hasan* dengan tujuan untuk membantu umat Islam khususnya bagi pelanggan

⁷ Muhammad (2002), *Manajemen Bank Syariah*. Yogyakarta: UPP AMP YKPN, h. 201.

dari segi pendapatan dan memberi pendidikan muamalah yang benar sesuai dengan aturan syariah.

pembiayaan *al-Qard al-Hasan* di BMT al-Khairat pamekasan merupakan kemudahan pembiayaan dari pihak BMT kepada pelanggan atas dasar kemanusiaan dan rasa tanggungjawab antar sesama dalam erti bahwa pihak BMT tanpa mengharapkan keuntungan mahupun faedah dari pelanggan. Namun, kemudahan ini tidak diberikan kepada semua pelanggan akan tetapi biasanya diberikan kepada pelanggan yang betul-betul memerlukan dan berhak menerimanya, untuk membantu pelanggan mengalami kesusahan dan memerlukan bantuan kewangan. Maka dalam hal ini pelanggan hanya diwajibkan untuk membayar kembali hutang asasnya sesuai dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan yang pada prinsipnya *al-Qard al-Hasan* diberikan kepada orang-orang tertentu : Mereka yang memerlukan pinjaman konsumtif tapi dalam jangka waktu yang relatif singkat untuk tujuan yang sangat penting dan mendesak juga para pengusaha kecil yang mempunyai prospek keusahawanan yang baik tapi tidak mempunyai modal untuk menguruskannya.

1.3. PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan latar belakang masalah, maka permasalahan kajian adalah yang berkait dengan *al-Qard al-Hasan*, keselarian pelaksanaan produk dengan prinsip syariah sebagai instrumen amalan BMT Al-Khairat di Pamekasan Madura.

Antara permasalahan tersebut ialah :

1. Bagaimana prosedur pembiayaan *al-Qard al-Hasan* yang ditetapkan BMT Al-Khairat?

2. Adakah prosedur pembiayaan *al-Qard al-Hasan* yang ditetapkan BMT Al-Khairat selari dengan prinsip-prinsip syariah serta bagaimana ekonomi syariah memandang konsep *al-Qard al-Hasan* di BMT Al-Khairat?
3. Bagaimana pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* oleh BMT Al-Khairat daripada perspektif syariah?

1.4. OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah disebutkan, pengkaji tertarik untuk menganalisis secara komprehensif pelaksanaan pembiayaan *al-Qard al-Hasan* yang diamalkan oleh BMT Al-Khairat.

Justeru itu terdapat beberapa objektif yang telah digariskan iaitu :

1. Menjelaskan prosedur pembiayaan *al-Qard al-Hasan* yang ditetapkan BMT Al-Khairat sebagai instrumen pembiayaan.
2. Mengenal pasti ketepatan prosedur pembiayaan *al-Qard al-Hasan* yang ditetapkan BMT Al-Khairat dengan prinsip-prinsip syariah serta bagaimana pandangan para ulama fiqh terhadap prosedur berkenaan.
3. Menganalisis pelaksanaan prosedur *al-Qard al-Hasan* di lapangan sebagai instrumen pembiayaan oleh BMT Al-Khairat dari perspektif syariah.

1.5. KEPENTINGAN KAJIAN

Secara umum, kajian tentang pembiayaan di bawah prinsip *al-Qard al-Hasan* di BMT adalah penting memandangkan aktiviti ekonomi sektor sebenar di Indonesia merupakan

isu utama dalam pemulihan ekonomi pasca kegawatan ekonomi sejak tahun 1997, manakala pembiayaan *al-Qard al-Hasan* pula merupakan salah satu instrumen untuk menggerakkan aktiviti ekonomi yang mendapat sambutan daripada masyarakat.

Secara khusus, kajian berhubung pembiayaan *al-Qard al-Hasan* di BMT penting, bukan sahaja disebabkan pengguna instrumen *al-Qard al-Hasan* BMT dapat bertransaksi memenuhi tuntutan syariah Islam tetapi juga memandangkan wujudnya berbagai perkataan di kalangan masyarakat mengenai pembiayaan *al-Qard al-Hasan* yang belum dilakukan secara Islam, bahkan dikatakan sama sahaja dengan pembiayaan oleh institusi kewangan konvensional.⁸

Justeru, kajian ini cuba untuk mengenal pasti bagaimana konsep *al-Qard al-Hasan* yang sebenar dan sejauh manakah konsep tersebut dilaksanakan di lapangan terhadap masyarakat yang menggunakan produk tersebut kerana pada asasnya Institusi BMT ditubuhkan untuk mengamalkan aktiviti perniagaan secara Islam.

1. Dapat mengetahui konsep sebenar konsep *al-Qard al-Hasan*
2. Dapat mengetahui prosedur ketetapan pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* oleh BMT al-khairat
3. Dapat melihat ketepatan pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* yang dilaksanakan di lapangan dari perspektif syariah.

1.6. SKOP KAJIAN

Isu-isu yang berkaitan dengan produk pembiayaan oleh BMT meliputi pelbagai aspek.

Namun dalam kajian ini, pengkaji menumpukan aspek keselarian konsepsi dengan

⁸ Amir Muallim (2003) “*Persepsi Masyarakat terhadap Institusi Kewangan Syariah*”. Jurnal al-Mawarid, Ed. 10, 2003, p. 19.

ekonomi syariah dan pelaksanaan produk *al-Qard al-Hasan* yang diamalkan BMT al-Khairat sebagai salah satu instrumen pembiayaan terhadap pengguna.

Dalam melaksanakan kajian ini, tiga batasan telah digariskan:

- 1.6.1. Batasan jenis pembiayaan. Kajian ini tertumpu pada ketetapan konsep *al-Qard al-Hasan* menurut pandangan syariah Islam sebagai instrumen pembiayaan dan pelaksanaan oleh BMT al-Khairat sebagai institusi yang pelaksana.
- 1.6.2. Batasan institusi. Institusi yang dipilih terhad pada BMT al-Khairat sahaja.
- 1.6.3. Temu bual yang dijalankan hanya dengan pegawai-pegawai BMT al-Khairat sahaja.

1.7. KAJIAN LEPAS

Untuk mendukung persoalan yang lebih mendalam terhadap masalah yang dinyatakan di atas, pengkaji perlu melakukan penelitian terhadap literatur yang relevan terhadap masalah yang menjadi objek penelitian supaya pengkaji mengetahui posisi dalam melakukan penelitian. Kerana itu kajian-kajian banyak dilakukan, untuk menganalisa dan mencari penyelesaian yang bersesuaian termasuk mencari hasil penelitan yang telah dilakukan sabelumnya. Diantaranya adalah :

- a. Teori dan Pengurusan *al-Qard al-Hasan*

Habib Ahmed (2002)⁹ Ahmad Dahlan (2002)¹⁰ berkaitan dengan prinsip yang perlu diguna pakai dalam menjalankan kaedah pengurusan dengan melihat daripada perspektif Al-Quran atau Al-Hadis. Muhammad dan Ahmad Dahlan mendapati antara

⁹ Habib Ahmed (2002), "Financing Microenterprises: An Analytical Study of Islamic Microfinance Institution", *Islamic Economic Studies*, Vol. 9, No. 2: h. 27-64, March 2002

¹⁰ Ahmad Dahlan (2002), "Implementasi Pembiayaan Mudarabah di BMT Mentari Bina Artha Tegal (Studi Kasus tahun 1996-2001)," (Tesis MSI UII Yogyakarta).

prinsip-prinsip tersebut adalah prinsip *amar makruf nahi mungkar*, iaitu pengurusan Islam menjadi wahana untuk menegakkan kebenaran, semua aktiviti dan pengurusan mesti berasaskan semangat menegakkan keadilan dan wajib untuk menyampaikan amanah.

Manakala Habib Ahmed melihat permasalahan yang kerap dihadapi oleh institusi kewangan mikro ialah gaji yang murah, sumber kewangan yang terhad, kos yang tinggi untuk pembiayaan, dan teknologi yang agak kuno. Masalah lain ialah risiko sosial, kos pemantauan yang tinggi dan pelanggan yang berpendapatan rendah. Islam menyediakan penyelesaian permasalahan tersebut kerana Islam mempunyai konsep-konsep yang unggul, praktikal dan komprehensif, seperti institusi wakaf, sedekah, dan zakat.

Kemudian kajian yang dilakukan oleh Jamilah binti Salleh (2001)¹¹ yang memfokuskan kajian kepada teori gadaian dalam Islam yang meliputi *al-Rahn* dan *al-Qard al-Hasan* yang ditetapkan oleh Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT). MGIT ditubuhkan ekoran daripada masalah riba yang merupakan masalah utama dalam muamalat yang cuba untuk dihapuskan.

Dalam kajian tersebut dijelaskan *al-Rahn* adalah cara untuk mendapatkan pinjaman wang dan pada masa yang sama pihak penggadai meletakkan sesuatu daripada harta sebagai cagaran hutangnya. Manakala *al-Qard al-Hasan* adalah pinjaman tanpa faedah yang diberikan untuk tujuan kebajikan. Terdapat perbezaan antara *al-Rahn* dan *al-Qard al-Hasan*. Jika dalam konsep *al-Rahn*, pemegang gadaian akan mengenakan sedikit bayaran sebagai upah perkhidmatan tetapi *al-Qard al-Hasan* tidak dikenakan sebarang bayaran, namun begitu penggadai digalakkan memberi sumbangan ikhlas yang berpatutan bagi menanggung kos proses gadaian tersebut.

¹¹ Jamilah binti Salleh (2001), "al-Qard Al-Hasan : Teori dan Amalannya di Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT)" (Latihan Ilmiah Sarjana Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya)

Kajian tentang pengurusan dilakukan oleh Muhammad Ridwan (2002)¹² yang mendapati bahawa setiap *Baitul Mal wat Tamwil* mesti mampu mengikuti perkembangan lingkungan usahanya, sehingga tidak ketinggalan. Inovasi produknya terus dilakukan dalam rangka mendapat tempat di pasaran. Secara garis besar Muhammad Ridwan membahagikan fungsi pengurusan itu kepada empat bahagian iaitu; perencanaan, pelaksanaan, pengorganisasian, dan pengawasan.

Kajian turut dibuat oleh MSI Universiti Islam Indonesia (2004)¹³ berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi terhadap profesionalisme pegawai BMT. Daripada kajian tersebut didapati beberapa faktor yang mempengaruhi terhadap pengurusan iaitu : Pemahaman terhadap konsep kewangan syariah, Operasi sistem kewangan syariah, Pentadbiran Sumber Daya Manusia meliputi pembahagian peranan dan fungsi, Penampilan BMT antara persaingan perniagaan perbankan, Ketidaksesuaian antara jumlah tabungan dan pembiayaan, Nisbah perkongsian untung yang kurang menguntungkan pendeposit dan Mudharabah yang kurang menjadi prioriti BMT.

Kemudian Osman Sabran(2001)¹⁴ memberi penjelasan *al-Qard* yang mempunyai makna *al-Qat'u* yang membawa maksud potongan kerana pinjaman itu adalah potongan ke atas harta pemiutang yang diberikan kepada peminjam dengan tujuan untuk menolong menyelesaikan masalah kewangan atau keperluan peminjam. Beliau juga membincangkan perbezaan pendapat pelbagai mazhab mengenai takrifan dan maksud daripada *al-Qard*. Sementara *al-Hasan* yang digandingkan dengan kata *al-Qard* bermakna *yang baik* yang bertujuan untuk menguatkan maksud *al-Qard*. Beliau juga menjelaskan bahawa *al-Qard al-Hasan* adalah satu skim dalam sistem mu'amalah islam di Malaysia dengan tujuan untuk membantu kewangan yang memerlukan dan

¹² Muhammad Ridwan (2004), *Manajemen Baitul Maal Wat Tamwil (BMT)*. Yogyakarta : UII Press.

¹³ Tim peneliti MSI UII (2004), *Profesionalisme Praktisi BMT di Kota Yogyakarta dan Kabupaten Sleman*. Yogyakarta: MSI UII

¹⁴ Osman Sabran (2001), *Urus Niaga al-Qard al-Hasan dalam Pinjaman tanpa Riba*. Johor : UTM.

pinjamannya tidak melibatkan jumlah yang besar. Beliau juga membincangkan pelbagai keutamaan memberi pinjaman *al-Qard al-Hasan* sama ada dilakukan oleh individu mahupun institusi.

b. Amalan dan Pelaksanaan *al-Qard al-Hasan*

Mohd Kamil bin Abu Thalib (2006)¹⁵ mendapati dalam kajian beliau bahawa prinsip *al-Qard al-Hasan* merupakan prinsip yang bermatlamatkan kebajikan untuk membantu individu atau pihak yang mengalami kekurangan dana. Pinjaman tersebut tidak dikenakan sebarang faedah kepada peminjam, sebaliknya terpulang kepada budi bicara peminjam untuk memberikan hadiah kepada pemberi pinjaman kerana perkataan *al-Qard al-Hasan* di dalam al-Quran lebih menjelaskan infak yang diberikan oleh individu yang tidak mengharapkan apa-apa balasan.

Kajian ini turut membahaskan prinsip keusahawanan dalam Islam serta perkembangan usahawan di Malaysia. dalam kajian tersebut, didapati Perbadanan Usahawan Nasional Berhad melaksanakan pembiayaan usahawan berasaskan prinsip *al-Qard al-Hasan* di mana usahawan perlu membayar semula wang pinjaman yang diberikan tanpa dikenakan sebarang faedah. Namun begitu, Usahawan dikehendaki untuk membayar kos perkhidmatan. Prinsip *al-Qard al-Hasan* yang diaplikasikan dalam pembiayaan PUNB cukup berkesan kerana ia mampu menangani kekurangan modal yang dialami oleh usahawan yang rata-ratanya hanya peniaga berskala kecil sahaja.

Kemudian Mohd Fadzil Ismail (2003)¹⁶ mengkaji tentang keberkesanan *al-Qard al-Hasan* dalam membasmi kemiskinan. Kajian tersebut mendapati bahawa *al-Qard al-*

¹⁵ Mohd Kamil bin Abu Thalib (2006), "Pelaksanaan Al-Qard al-Hasan dalam pembiayaan Usahawan : satu kajian di Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)" (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya)

¹⁶ Mohd Fadzil Ismail (2003), "Penguanaan Al-Qard al-Hasan dalam membasmi kemiskinan : satu kajian di Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)" (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya)

Hasan membuahkan hasil yang memberangsangkan kerana golongan isi rumah termiskin mampu keluar dari kepompong kemiskinan dan mampu mengubah taraf kehidupan mereka dengan adanya bantuan modal yang mudah dan tidak menindas.

Sholihin (1999)¹⁷ mengkaji tentang penerimaan masyarakat terhadap kewujudan BMT. Dalam kajian tersebut meskipun terdapat sebahagian kecil masyarakat yang belum boleh menerima sepenuhnya, secara umumnya dapat dinyatakan bahawa penerimaan masyarakat terhadap BMT dianggap baik, sama ada terhadap prinsip yang digunakannya, konsep, mahupun terhadap kemudahan dan layanannya. Didapati pula bahawa BMT mempunyai sumbangan yang besar bagi perkembangan pengusaha kecil.

Pembahasan menarik tentang *al-Qard al-Hasan* oleh Firdaus Furywardhana yang bertajuk Evaluasi Non Performance Loan (NPL) pinjaman *al-Qard al-Hasan*, kajian kes di BNI Syariah Cawangan Yogyakarta, membahaskan masalah-masalah penting iaitu: Paradigma masyarakat yang masih menilai bahawa *al-Qard al-Hasan* merupakan produk pembiayaan sosial yang bersifat bantuan, sehingga pinjaman/pembiayaan *al-Qard al-Hasan* tidak wajib dipulangkan sebagaimana bantuan pemerintah yang diberikan kepada masyarakat. Paradigma ini membawa pengaruh atas keberhasilan usaha yang menggunakan pinjaman *al-Qard al-Hasan* kemudian adanya rekomendasi bahawa pelatihan dan pendampingan untuk mengubah pola kehidupan penerima *al-Qard al-Hasan*, lebih penting di samping pemberian modal.

Di samping itu juga di bahaskan bahawa Institusi kewangan agak sukar untuk melaksanakan prinsip *al-Qard al-Hasan* kerana terpaksa mengekalkan keuntungan yang baik supaya dapat bersaing dengan institusi-institusi kewangan yang lain yang memberikan pinjaman berfaedah dalam menggerakkan tabungan masyarakat. Ini kerana mereka tidak dapat mengenakan sebarang bayaran tambahan atau keuntungan bagi

¹⁷ Sholihin (1999), "Perilaku Konsumen Terhadap Produk BMT (Studi Kasus di BMT Kharisma Magelang Jawa Tengah)" (Tesis MSI UIL, Yogyakarta).

pinjaman yang diberikan sedangkan sumber itu digerakkan daripada dana zakat dan deposit masyarakat yang mengharapkan pulangan daripada deposit mereka.¹⁸

1.8. METODOLOGI KAJIAN

a. Bentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang berbentuk kajian penerokaan dan deskriptif. Ia mengkaji pandangan Islam terhadap prosedur ketetapan *al-Qard al-Hasan* yang dijalankan BMT al-khairat di Pamekasan Indonesia. Sumber maklumat yang diperlukan dalam kajian ini adalah sumber primer yang diperolehi daripada temubual dan juga sumber sekunder yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan.

b. Pengumpulan data

1) Metode perpustakaan

Kajian ini menggunakan metode perpustakaan bagi memperoleh data-data teoritikal mengenai konsep *al-Qard al-Hasan* menurut Islam serta data-data mengenai *al-Qard al-Hasan* dalam pelaksanaannya di institusi kewangan. Sumber-sumber maklumat didapati daripada buku-buku, jurnal, kertas kerja seminar dan majalah. Kesemua sumber diperolehi oleh penulis dari perpustakaan, sama ada di Malaysia atau Indonesia. Kajian perpustakaan dilakukan di beberapa tempat iaitu, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Islam AntarBangsa, Perpustakaan Pusat Islam.

2) Metode Temubual

Penulis juga menggunakan metode lapangan bagi mendapatkan maklumat langsung daripada pihak yang berautoriti dengan cara menemubual pengurus BMT al-Khairat.

¹⁸ Firdaus Furywardhana, Evaluasi Non Performance Loan (NPL) Pinjaman *al-Qard al-Hasan*, Study Kasus BNI Syariah Cawangan Yogyakarta. Tesis MSI UII

Temubual ini digunakan berkait dengan soalan prosedur *al-Qard al-Hasan* yang telah ditetapkan untuk mengenalpasti peranan dan pelaksanaan polisi-polisi BMT al-khairat dalam menjalankan *al-Qard al-Hasan* sebagai salah satu instrumen pembiayaan, serta permasalahan-permasalahan yang dihadapi BMT al-Khairat di lapangan. Temubual ini adalah temubual pakar (*expert interviews*). Temubual ini dilakukan kepada :

- i. En. A. Said Baidawi Kepala pengurus BMT al-Khairat
- ii. En. Abdullah staf Ahli BMT al-khairat.

Temu bual ini juga dilakukan kepada pelanggan yang menerima pembiayaan *al-Qard al-Hasan* sama ada pembiayaan produktif mahupun Pembiayaan Konsumtif, masing-masing 3 orang :

- i. En. Mat Salleh. Pelanggan al-Qard al-Hasan Produktif di BMT al-Khairat
- ii. En. Zubahri bin Abdullah. Pelanggan al-Qard al-Hasan Produktif di BMT al-Khairat
- iii. En. Hasan Basri. Pelanggan al-Qard al-Hasan Produktif di BMT al-Khairat
- iv. En. Mat Tambih. Pelanggan al-Qard al-Hasan Konsumtif di BMT al-Khairat
- v. En. Abdul Hadi. Pelanggan al-Qard al-Hasan Konsumtif di BMT al-Khairat
- vi. Cik. Siti Badriyah. Pelanggan al-Qard al-Hasan Konsumtif di BMT al-Khairat

Soalan temubual yang direka penulis adalah berstruktur dan semi berstruktur. Jawapan yang diperolehi daripada responden adalah berbentuk *open-ended*, yang dimaksudkan untuk mempermudah dan mewujudkan keselesaan dalam menjawab soalan yang dikemukakan. Hasil daripada temubual ini telah dicatat oleh penulis sebagai rujukan dalam melaksanakan kajian ini.

3) Analisa kajian

Data-data yang telah terkumpul dianalisa dengan menggunakan analisa induktif - deduktif. Analisa Induktif adalah satu cara penganalisan data dengan membuat

kesimpulan atau pembuktian dari perkara yang bersifat khusus untuk merumuskan satu kesimpulan yang bersifat umum. Metode ini penting bagi membolehkan data yang diperoleh menjadi lebih jelas dan mudah difahami terutama fakta-fakta serta kajian kes yang terkandung di dalam fail-fail BMT al-Khairat.

Sementara analisis deduktif adalah satu cara penganalisaan data yang berasaskan pada dalil-dalil yang bersifat umum untuk memberi suatu kesimpulan yang bersifat khusus. Analisa ini digunakan untuk menjelaskan fenomena dalam lapangan. Analisa ini dilakukan untuk melihat pelbagai ketetapan pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* yang

dilakukan oleh BMT al-Khairat apakah mampu menjawab permasalahan-permasalahan yang akan datang.

Penulis juga menggunakan analisa komparatif yang digunakan untuk membandingkan antara ketetapan pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* yang dilakukan oleh BMT al-Khairat, dengan konsep pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* menurut Islam.

1.9. SISTEMATIKA PENULISAN

Bab satu, Pendahuluan yang meliputi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian, definisi istilah, kajian lepas, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Bab dua, membincangkan mengenai konsep *al-Qard al-Hasan* sebagai instrumen pembiayaan Islam yang meliputi pengertian *al-Qard al-Hasan*, asas hukum, rukun, barangan yang dapat dijadikan objek *al-Qard al-Hasan* serta dapat menjelaskan bagaimana tata cara pengembalian barangan pinjaman dengan sistem *al-Qard al-Hasan*.

Bab ini juga membincangkan mengenai kadar lebihan bayaran menurut pandangan syariah

Bab tiga, sejarah BMT al-Khairat yang menjelaskan tentang profil BMT yang meliputi sejarah penubuhan, visi dan misi, serta produk-produk yang ditawarkan kepada masyarakat sama ada produk yang berupa perhimpunan dana (funding) ataupun penyaluran dana (financing). Dalam bab ini juga menjelaskan prosedur pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* terdiri daripada tajuk-tajuk yang meliputi pengelolaan dana, sumber-sumber dana, bentuk-bentuk pemberian pinjaman dan golongan pelanggan penerima kemudahan *al-Qard al-Hasan*, peminjaman dana serta pensyaratannya dan mekanisme pengembaliannya. Kemudian juga diuraikan tentang permasalahan yang dihadapi serta langkah yang diambil pihak BMT, faktor kelebihan dan kelemahan dalam keberhasilan pelaksanaan *al-Qard al-Hasan*

Bab empat, adalah mengenai analisis dan pembahasan dari perspektif ekonomi Islam tentang bagaimana pandangan hukum syar'i terhadap pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* yang dilaksanakan oleh BMT al-Khairat

Bab lima, menerangkan tentang kesimpulan dan saranan. Bab ini mengandungi kesimpulan dari hasil kajian dan disertai dengan saranan untuk kajian yang akan datang.

1.10. KESIMPULAN

Konsep BMT di Indonesia sudah lama berjalan dan memiliki dua keutamaan yaitu, *pertama* berfungsi diri sebagai khidmat kewangan yang dapat terus bergerak di sektor riil yang berkemungkinan mengembangkan berbagai jenis usaha; aktiviti Jual Beli melalui akad Murabahah, Ba'i as-Salam, Ba'i al-Istisna; aktiviti pelaburan dengan akad Mudharabah dan Musyarakah atau juga Jasa seperti Ijarah, Rahn, Hawalah dan lain sebagainya. *Kedua* berfungsi memberikan dana bantuan atau tolong menolong antara sesama.

Fungsi yang kedua inilah yang tidak dimiliki oleh institusi kewangan lainnya sehingga konsep tersebut menjadi paling utama dari BMT melalui pengelolaan dana Baitul Maal yang dihimpun melalui dana Zakat, Infaq, sedekah serta Wakaf. Selain itu BMT mengembangkan dana '*tabaru*' yaitu *al-Qard al-Hasan* dengan tujuan membantu bagi mereka yang memerlukan dana sama ada keperluan untuk berniaga mahupun untuk keperluan yang lain sehingga dapat memberikan rasa keadilan dan kesejahteraan pada masyarakat.

Di kalangan masyarakat sendiri masih terjadi anggapan berbeza mengenai keberadaan BMT dan pinjaman *al-Qard al-Hasan* yang dijalankan sehingga dalam aplikasinya BMT masih lagi mengalami permasalahan-permasalahan. Di antaranya adalah kebanyakan calon pelanggan yang datang menganggap bahawa jenis pinjaman tersebut bebas bagi sesiapa saja sehingga ada di antara mereka yang datang tanpa alasan yang kukuh, terdapat juga pelanggan yang tidak mengembalikan pinjamannya atau mampu mengembalikan sebahagian sahaja menganggap bahawa dana tersebut adalah sebahagian dari hak mereka dan tidak perlu dikembalikan.

Fenomena tersebut terjadi disebabkan oleh prosedur yang ditetapkan antara masing-masing BMT berbeza, *al-Qard al-Hasan* sebagai salah instrumen pembiayaan dan merupakan hasil daripada ketetapan prosedur yang dijalankan oleh BMT al-khairat berusaha untuk merealisasikan tujuan mulia tersebut kepada pelanggan. Oleh sebab itu, ketetapan prosedur mesti selaras dengan prinsip-prinsip islam sehingga dalam aplikasinya tidak ada yang rugi dan ia bermanfaat bagi semua.

BAB II

AL-QARD AL-HASAN SEBAGAI INSTRUMEN PEMBIAYAAN ISLAM

2.1. PENDAHULUAN

Manusia merupakan makhluk individu yang memiliki berbagai keperluan hidup yang telah disediakan oleh Allah SWT dengan berbagai benda yang dapat memenuhi keperluannya. Dalam mencapai keperluan hidup, manusia tidak dapat memenuhi keperluannya sendiri sebagai individu, dengan kata lain, ia mesti bekerja sama dan berhubungan dengan orang lain. Hal ini dapat dilakukan dengan dukungan suasana yang tentram. Ketentraman akan dapat dicapai apabila tidak terjadi ketimpangan sosial. Untuk mencapai keseimbangan hidup dalam masyarakat diperlukan aturan-aturan yang dapat mempertemukan kepentingan individu (pribadi) dengan kepentingan masyarakat sehingga diperlukan sikap tolong menolong antara sesama.

Untuk bidang perekonomian, Islam memberikan aturan hukum yang dapat dijadikan sebagai pedoman, baik terdapat dalam Al-Qur'an maupun sunnah Rasulullah. Secara umumnya, prinsip hutang piutang dalam islam adalah semata-mata amal kebajikan antara golongan yang berkemampuan dengan golongan yang tidak mampu.

al-Qard al-Hasan merupakan salah satu daripada konsep tolong menolong dalam Islam dengan mengandungi syarat-syarat dan rukun-rukun yang telah digariskan oleh para *ulama Fiqh* dengan berpandukan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Oleh itu, konsep *al-Qard al-Hasan* adalah terikat dengan ketetapan dalam ruang lingkup syarat dan rukun tersebut. Pemberian ini lebih bertujuan untuk membantu golongan yang sedang dalam kesempitan untuk menguatkan silaturrahi dan kasih sayang diantara golongan berada dengan golongan miskin. Melalui prinsip ini, golongan fakir dan miskin mendapat

kemudahan sumber kewangan untuk membiayai keperluan asas keperluan harian mereka. Dalam bab ini menerangkan dengan jelas mengenai pengertiannya, landasan hukum, konsep pengamalannya serta pelaksanaannya menurut al-Qua'an, al-Sunnah serta pandangan para ulama fiqh.

2.2. PENGERTIAN

2.2.1 Pengertian dari sudut bahasa

Dalam bahasa arab *al-Qard* bererti memotong **القطع** dan harta yang diberikan kepada orang yang meminjam (*muqtarid*) dinamakan *qarad* kerana ia adalah satu potongan dari harta orang yang memberi pinjaman (*muqrid*).¹⁹ Ini adalah kerana harta itu betul-betul dipotong apabila diberikan kepada peminjam. *al-Qard* dalam perkataan arab mengikut penggunaan umum bermaksud keratan sesuatu atau sebahagian wang yang diberikan kepada penghutang oleh pemiutang, kerana ia adalah sebahagian harta yang diambil daripada harta milik pemiutang.²⁰

Menurut Muhammad al-Sharbini al-Khatib, hutang dari pengertian *al-Qard* bermaksud memiliki sesuatu dengan mengembalikan gantiannya. Ibn 'Abidin pula mengertikan *al-Qard* itu dengan maksud sesuatu yang mempunyai persamaan yang diberikan bagi keperluan seseorang.²¹ Manakala Sayyid Sabiq berpendapat sejumlah harta yang diberikan oleh pemiutang kepada si berhutang supaya dipulangkan semula mengikut jumlah asal apabila cukup tempohnya.²²

¹⁹ al-Jaziri, 'Abdurrahman (t.t), *Kitab al-Fiqh 'Ala Madhahib al 'Arba'ah*, j.2, Beirut : Dar al-Kitab al-'Alamiyyah h. 338. Lihat juga Muhammad (2006), *Teknik Perhitungan Bagi Hasil dan Profit Margin pada Bank Syari'ah*, Yogyakarta : UII Pres, h. 40.

²⁰ 'Ali Khafif (1996), *Ahkam al-Mu'amalah al-Syar'iyyah*, Qahirah : Dar al-Fikr al-Arabi, h. 465. Lihat juga Ibnu Mansur al-Afriqi (1956), *Lisan al-'Arab*, Beirut : Dar al-Sadir, h. 216

²¹ Syarbini al-Khatib (1958), *Mughni al-Muhtaj Ma'rifah Ma'ani Alfaz Al-Minhaj*, j. 2. Misr : Mathba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 263.

²² Sayyid Sabiq (1985), *Fiqh Sunnah*, j.3. c.8. Bairut : Dar al-Kitab al-Arabi, h. 185.

Dalam bahasa Malaysia, *al-Qard* telah diartikan dengan dua makna, *Pertama* ialah wang dan lain-lain yang dipinjam dari orang lain. *Kedua* ialah kewajiban membayar balik sesuatu yang diterima,²³ manakala dalam bahasa Inggris, ia disebut sebagai *loan* bermakna barang yang dipinjamkan, khususnya mata wang yang dipinjamkan dengan bayaran faedah untuk suatu tempoh tertentu.²⁴

Al-Quran telah membuktikan lebih dahulu penggunaan istilah *al-Qard* yang bermakna pinjaman, seperti dalam al-Baqarah (2) : 245

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا
كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNya kamu semua dikembalikan.

Kata meminjamkan dan pinjaman pada ayat di atas adalah terjemahan dari kata *al-Qard* yang kemudian masuk dalam pelbagai bahasa dengan makna yang sama dengan *credit*. Oleh karena yang diberi pinjaman adalah Allah, maka Allah SWT tidak akan membuat pinjaman itu hilang bahkan akan mendapat ganti yang wajar.²⁵ Pinjaman itu akan dikembalikan dan dijanjikan bahawa Allah akan melipat gandakan pembayaran pinjaman tersebut kepadanya di dunia dan atau di akhirat, dengan lipat ganda yang banyak seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, dan pada setiap butir seratus biji, seperti firman Allah dalam Al-Baqarah: (1) : 261

²³ Teuku Iskandar (1970), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 877.

²⁴ *Ibid.*, h. 861.

²⁵ M. Quraish Shihab (1999), *Tafsir al-Misbah*, j.1, Jakarta : Lentera Hati, h. 528.

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ
سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ ۗ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ
وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

bandingan (derma) orang-orang Yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih Yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa Yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.

Dalam bahasa arab juga dikenal istilah *al-Dayn* dan *al-Salaf* adalah dua perkataan yang seperti dengan *al-Qard* dan mempunyai maksud yang sama iaitu pinjaman. Ini adalah kerana *al-Qard* merupakan sebahagian daripada *al-Salaf* dan *al-Dayn* tetapi *al-Dayn* itu lebih bersifat umum daripada *al-Qard*.

Perkataan *salaf* itu dari segi bahasa bererti suatu pinjaman yang diambil balik tanpa keuntungan bagi pemiutang.²⁶ Dalam pengertian yang luas ia meliputi pinjaman untuk tempoh yang khusus iaitu pinjaman jangka pendek, pertengahan dan jangka panjang. Tapi sekiranya ia dibayar secara segera maka di panggil *al-Qard*²⁷ atau kena bayar atas tuntutan dan ini sebenarnya sejenis *al-Salaf* yang khusus.

Perkataan *al-Dayn* pula bermaksud memberi sesuatu hutang. Oleh sebab itulah *al-Qard* juga membawa maksud hutang²⁸. Terdapat perkataan *al-Dayn* di dalam al-Qur'an yang menjelaskan tentang urusaniaga yang pembayarannya secara tertangguh, seperti dalam firman Allah al-Baqarah (2) : 282

²⁶ Al-Bustani, Fu'ad 'Arfan (t.t), *Munjid al-Tullab*, c.3, Beirut : Dar-Masyriq

²⁷ al-Khazin al-Baghdadi, 'Ali Ibn Muhammad (1970), *Tafsir al-Qur'an al-Jalil al-Musamma Lubab al-Ta'wil fi ma' anī*, j.1, Beirut : Dar al-Fikr h. 256.

²⁸ Teuku Iskandar (1993), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 969

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمًّى
فَاكْتُبُوهُ

Wahai orang-orang Yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan Dengan hutang piutang Yang diberi tempoh hingga ke suatu masa Yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu

Selain dari kalimah-kalimah diatas yang membawa maksud *al-Qard*, kata *al-ghurm* juga bermakna hutang. Al-Quran didapati lebih awal menggunakan kata *al-ghurm*, seperti yang terdapat dalam firman Allah. Al-furqan (25):65

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ ۚ إِنَّ
عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا

dan juga mereka Yang berdoa Dengan berkata: Wahai Tuhan kami, sisihkanlah azab neraka jahannam dari kami, Sesungguhnya azab seksaNya itu adalah mengertikan

Para Fukaha mengambil perkataan ini untuk digunakan dalam perundangan dengan memberikan pengertian khusus iaitu suatu akad yang memberi pemilikan harta (wang) kepada seseorang supaya dibayar balik sebagaimana yang diberikan²⁹ atau suatu akad yang khusus yang membawa kepada penyerahan harta yang bernilai kepada seseorang dengan permintaan supaya dibayarnya semula seperti apa yang diserahkan.³⁰

²⁹ ‘Ali Khafif (1996), *Ahkam al-Mu’amalah al-Syar’iyyah*, Qahirah : Dar al-Fikr al-Arabi, h. 465.

³⁰ Ibn ‘Abidin, Muhammad Amir ibn ‘Umar, *Hashiyah Radd al-Mukhtar Ala al-Durr al-Mukhtar (Hasyiyah ibn ‘abidin)*, c.2, j.4. Kaherah : Syarikah Maktabah wa Matba’ah Mustofa al-Babi al-Halabi wa Awladih, h.179.

2.2.2 Pengertian dari sudut istilah syara'

Sedangkan secara syara' *al-Qard* bererti harta yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain (peminjam) dan kemudian dikembalikan semula pinjaman kepada pemberi pinjaman sekiranya mampu, sebagaimana dinyatakan oleh Sayyid Sabiq:

القرض هو المال الذى يعطيه المقرض للمقترض ليردّ مثله اليه عند قدرته عليه

al-Qard adalah harta yang oleh pemberi pinjaman (kreditur) dipinjamkan kepada peminjam (debitur) dan akan dikembalikan lagi kepadanya sebesar pinjaman awal manakala ia telah mampu untuk mengembalikannya.³¹

Mengikut istilah fiqh, *al-Qard* bererti akad yang memindahkan hak milik tuan punya hutang kepada pihak yang berhutang ke atas sejumlah wang atau barang yang mempunyai persamaan, yang mana pihak yang berhutang wajib membayar balik jumlah wang atau barang tersebut sama dengan yang diterimanya sebagaimana bentuk asalnya, semasa akad, apabla sampai tempoh pembayarannya.³²

al-Qard al-Hasan dalam istilah asing dikenal dengan istilah “*Benevolent Loan*”, dimana *Benevolent* adalah lunak dan *Loan* adalah pinjaman. *al-Qard al-Hasan* atau *benevolent loan* adalah suatu pinjaman lunak, dikatakan pinjaman lunak karena pinjaman ini bersifat jangka pendek yang diberikan atas dasar kewajiban sosial dimana si peminjam tidak dituntut untuk mengembalikan apapun kecuali modal pinjaman.³³

al-Qard sendiri bererti pinjaman sedangkan *al-Hasan* bermakna kebaikan atau kebajikan (*benevolent*). Dengan demikian *al-Qard al-Hasan* mengisyaratkan kerjasama serta persaudaraan antara pemberi pinjaman dan yang menerima pinjaman, sehingga

³¹ Sayyid Sabiq (1985), *Fiqh Sunnah*, j.3. c.7. Bairut : Dar al-Kitab al-Arabi, h.191

³² Wahbah Zuhaili (2004), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, j. 5, c. 4. Kairo : Dar Al-Fikr, h. 3786

³³ Warkum Sumitro (1996), *Asas-Asas Perbankan Islam dan Lembaga Terkait*, Jakarta : PT. Raja Grafindo Persada, h. 39.

dengan menerima pinjaman tersebut penerima pinjaman dapat memenuhi segala keperluannya disertai kewajiban untuk mengembalikan pokok pinjaman, selanjutnya pemberi pinjaman dapat menghebahkan(*grant gift*) pinjaman dimaksudkan kepada peminjam apabila peminjam tidak mampu mengembalikan dengan cacatan hibah tersebut tidak disebutkan dalam akad.³⁴

Seiring dengan pengertian di atas Muslehuddin menyatakan *al-Qard* sebagai pinjaman dalam jangka waktu pendek dan mesti segera dibayar apabila ada tagihan(tuntutan).³⁵

Dalam pengertian yang lebih luas *al-Qard al-Hasan* diertikan sebagai pinjaman yang tidak terikat, tanpa bunga dan tanpa *commitment fee*.³⁶ Dalam bahasa inggris sering disebut dengan *loan*, yang diertikan *lend* atau *borrowed*(pinjaman).³⁷

Dalam hasanah fikih, transaksi *al-Qard al-Hasan* tergolong transaksi kebajikan atau *tabarru'* atau *ta'awuni*. Dengan kata lain *al-Qard al-Hasan* adalah pemberian pinjaman tanpa mengharapkan imbalan tertentu.³⁸ Muhammad 'Ali al-Sabuni menafsirkan *al-Qard al-Hasan* member dan membelanjakan harta pada jalan kebaikan semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah dan meninggikan kalimah tauhid sama ada untuk medan jihad ataupun sebagainya dari perkara yang baik. Maka balasan yang akan diterimanya ialah Allah akan melipat gandakan ganjaranpahala-Nya.³⁹

Kemudahan *Al-Qard al-Hasan* ini diberikan kepada mereka yang memerlukan pinjaman konsumtif jangka pendek untuk tujuan-tujuan yang sangat penting dan mendesak selain

³⁴ Saiful Azhar Rosly (2005), *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Market*. Malaysia : Dinamas Publishing, h. 161.

³⁵ M. Muslehuddin (1992), *Banking and Islamic Law*, c. 1. New Delhi : Internasional Islamic Publishers, h. 98.

³⁶ Karnaen A. Perwaatmaja dan M. Syafii Antonio (1992), *Apa dan Bagaimana Bank Islam*, c. 1. Yogyakarta: Dana Bakti Wakaf, h. 67.

³⁷ Martin H. Manser (Chief Compiler) (1995), *Oxford Learner's Pocket Dictionary*, c. 5. Oxford : Oxford University Press, h. 247.

³⁸ Muhammad Ridwan (2004), *Manajemen Baitul Maal Wa Tamwil*, Yogyakarta : UII Pers, h. 184.

³⁹ Muhammad 'Ali al-Sabuni (1986), *Safwah al-Tafasir*, c. 5, j. 1. Beirut : Dar al-Qalam, h. 156

itu juga diberikan kepada para pengusaha kecil yang kekurangan dana tetapi memiliki prospek bisnis yang sangat baik.⁴⁰

2.2.3 Pengertian *al-Qard* dari segi istilah syara' mengikut mazhab

a. Mazhab Maliki

Di dalam madhab Maliki, ulama mendefinisikan *al-Qard* dengan perkataan (salaf arab).⁴¹ Menurut al-Qarafi, *al-Qard* bermaksud apa-apa barang yang dipulangkan kepada pemberi pinjaman dalam keadaan yang baik (ihsan arab).⁴² Kontrak *al-Salf* (salaf arab) ini lebih khusus menjelaskan kontrak *al-Qard* yang berkaitan dengan pinjaman barang untuk dimanfaatkan oleh pihak kedua (peminjam)

Manakala Abdurrahman al-Jaziri mengatakan *al-Qard* adalah pinjaman apa benda yang bernilai yang diberikan hanya kerana kasihan belas dan bukan secara bantuan (*Ariyah*) atau pemberian (*Hibah*) tetapi mendapatkan kembali dalam bentuk seperti yang dipinjamkan.⁴³

Perkataan bernilai digunakan dengan sengaja untuk membezakan daripada pengertian *al-Qard*, dengan yang tidak bernilai, dan perkataan kasihan belas bagi menunjukkan bahawa keuntungan bagi peminjam sahaja dan tidak bagi pemberi pinjam. Mengikut pengertian ini, *al-Qard* mungkin meliputi semua barang bernilai iaitu barangan bernilai, binatang atau sama dalam timbangan atau sukatan.

⁴⁰ Muhammad Ridwan (2006), *Sistem dan Prosedur Pendirian BMT*, Yogyakarta : Citra Media, h.66.

⁴¹ al-Qarafi (1285), *al-Zakirah*, j. 5. Beirut : Dar al-Gharb al-Islami. h. 285

⁴² *Ibid.*, h. 285

⁴³ al-Jaziri, 'Abdurrahman (t.t), *Kitab al-Fiqh 'Ala Madhahib al 'Arba'ah*, j.2, Beirut : Dar al-Kitab al-'Alamiyyah, h. 303.

b. Mazhab Hanafi

Madhab Hanafi menggunakan perkataan *al-Qard* bagi menjelaskan kontrak hutang. *al-Qard* bermaksud barang-barang yang diberikan kepada seseorang yang wajib dikembalikan kepada tuannya dalam keadaan, jenis, bilangan dan bentuk yang sama.⁴⁴

c. Mazhab Syafii

Akad mempermilikkan sesuatu harta daripada seseorang kepada seseorang yang lain, untuk membolehkan ia menggunakannya, atas perjanjian bahawa ia akan mengembalikan semula sama sepertinya atau barang ganti yang sama nilainya dengan yang dahulu.⁴⁵

d. Mazhab Hanbali

Akad perjanjian yang dibuat oleh pemiutang untuk memindahkan pemilikan amaun harta kepada peminjam, di mana peminjam berjanji akan mengembalikan semula barang gantinya.⁴⁶

Kesimpulannya:

al-Qard adalah suatu akad yang membawa kepada pemindahan harta milik pemiutang kepada penghutangnya dan hutang itu akan dibayar balik kepada pemiutangnya sebagaimana hutang yang diterimanya. Hutang berlaku pada harta yang bernilai (*mithli*).

al-Hasan adalah kalimah ini digandingkan dengan kalimah *al-Qard* itu mknanya ialah “yang baik”. Kalimah ini digandingkan bertujuan untuk menguatkan maksud *al-Qard*. Kalimah *al-Qard* sebenarnya sudah cukup menggambarkan suatu muamalah yang baik

⁴⁴ *Ibid.*, h. 272.

⁴⁵ Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji (2003), *Fiqh al-Minhaji Ala Mazhab al-Imam al-Syaff'i*. C.5, J.3. Damsyiq : Dar al-Qalam, h. 89. Lihat juga Muhammad Zuhaili (1996), *al-Muhadhab*, j.3. Jiddah : Dar al-Basyir, h. 182.

⁴⁶ al-Jaziri, *op.cit*, h. 304.

yang tidak memerlukan ganjaran faedah atau keuntungan, bahkan setiap faedah atau keuntungan ke atas pinjaman adalah riba yang dilarang oleh Allah.

Kalimah *al-Hasan* yang baik itu bermaksud pinjaman yang diberikan itu adalah semata-mata suatu muamalah yang baik bertujuan untuk berbuat kebajikan kerana Allah dengan membantu seseorang. Bukan untuk tujuan berniaga atau mencari keuntungan atau mengharapkan apa-apa faedah. Segala manfaat yang ada pada pinjaman, semuanya kembali kepada peminjam semata-mata, pemiutang tidak mendapat apa-apa manfaat dari harta yang dipinjamnya itu.⁴⁷

Kemudian dalam aplikasinya pada sistem perbankan syariah atau institusi kewangan mikro Islam, *al-Qard al-Hasan* adalah perjanjian pembiayaan antara bank atau institusi kewangan mikro Islam dengan pelanggan yang dianggap layak menerima, keutamaan kepada pengusaha kecil yang berpotensi atau yang memerlukan tetapi tidak mempunyai modal selain kemampuan berusaha serta perseorangan lainnya yang dalam keadaan terdesak. Penerima pinjaman hanya diwajibkan mengembalikan pokok pembiayaan pada saat jatuh tempoh, dan bank institusi kewangan mikro Islam mewajibkan tambahan biaya administrasi untuk keperluan perjanjian tersebut.

2.3. LANDASAN HUKUM

2.3.1. Al-Qur'an

Beberapa bahagian daripada ayat-ayat dalam al-Qur'an kebanyakannya seruan menginfakkan harta di jalan Allah SWT dengan ihsan dan Allah SWT akan menjanjikan pahala yang berlipat kali ganda di akhirat nanti. Namun begitu, ayat yang menjelaskan

⁴⁷ *Ibid.*, h. 338.

mengenai hutang serta hak yang berhutang, Allah SWT menjelaskan secara lanjut dalam surat al-Baqarah.

Berikut ialah beberapa ayat yang menyebut mengenai *al-Qard al-Hasan* serta ayat-ayat lain yang berkaitan. Dalam al-Baqarah terdapat 3 tempat yang Allah SWT menyebut mengenai *al-Qard al-Hasan* iaitu ayat 245, 280 dan 282.

Dalam surat al-Baqarah (2) : 245

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفَهُ لَهُ

أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

siapakah orangnya Yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah SWT sebagai pinjaman Yang baik (yang ikhlas) supaya Allah SWT melipatgandakan balasannya Dengan berganda-ganda banyaknya? dan (ingatlah), Allah SWT jualah Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNya kamu semua dikembalikan.

Allah SWT menjanjikan pahala yang besar bagi hamba-hambanya yang sanggup menyumbangkan harta mereka di jalan Allah SWT. Di dalam ayat ini, Allah SWT menyebut perkataan قَرْضًا حَسَنًا yang membawa maksud pinjaman yang baik. Menurut

al-Tabari, berdasarkan penafsiran beliau mengenai maksud perkataan قَرْضًا حَسَنًا ialah pemberian dari hamba kepada tuhanNya dengan pemberian yang diredhai Allah.⁴⁸ Allah

⁴⁸al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad ibn Jarir (1968), *Jami' al-bayan 'an ta'wil ayy al-Qur'an*, j.2, c.3. Misr : Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladih, h. 593

SWT menyebut perkataan قرضاً dengan ayat ini kerana orang Arab pada masa itu menyamakan maksud صدق dengan قرض.⁴⁹

Menurut *Ibn Kathir*, قرضاً حسناً dalam ayat ini bermaksud nafkah atau infaq di jalan Allah SWT.⁵⁰ Pandangan beliau menyamai dengan pandangan *al-Qurtubi*. Menurut beliau pula, ayat ini menyeru kepada semua orang-orang yang beriman berjihad di jalan Allah SWT dan syahid kerana ianya merupakan sebahagian dari infaq قرضاً حسناً dari hamba-hambanya kepada tuhanNya.⁵¹ Beliau menjelaskan lagi makna حسناً yang bermaksud pinjaman yang tidak diminta untuk dibalas, yang mana beliau menyandarkan pandangan ini berdasarkan tafsiran yang diberikan oleh Sahal bin Abdullah.⁵²

Sayyid Qutb pula menjelaskan lagi mamfaat yang bakal diterima oleh orang-orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah SWT iaitu Allah SWT menjajikan ganjaran mereka berlipat kali ganda di akhirat nanti.⁵³

Di dalam surat al-Baqarah (2) : 280 pula Allah SWT menyebut :

وَإِنْ كَانَتْ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ
لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

⁴⁹ *Ibid.*, j.3. h. 592

⁵⁰ Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Isma'il (1988), *Tafsir al-Qur'an al-Adzim*, j.2. Misr : Dar al-Misr al-Tiba'ah, h. 299

⁵¹ al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari (1967), *al-Jami' li al-Ahkam al-Qur'an*, j.3. Qahirah: Dar al-Katib al-'Arabi. h.237

⁵² *Ibid.*, h.242

⁵³ Sayyid Qutb (2000), *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an* (di bawah bayangan al-Qur'an) terj. Yusoff Zaky Yaqob, j.2. Kota Bharu : Pustakan Aman Press. h.17-18

dan jika orang Yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) Bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya Yang besar Yang kamu akan dapati kelak).

Mengenai penafsiran ayat ini, *al-Tabari* dan *al-Qurtubi* sepakat mengatakan ayat ini menjelaskan mengenai kesusahan seseorang yang harus dibantu dan tatkala ia tidak mampu membayar hutangnya, hendaklah diberi tangguh ke suatu masa yang dia benar-benar mampu melunaskannya.⁵⁴

Di dalam *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*, Sayyid Qutb menjelaskan ayat ini sebagai galakan supaya menyedekahkan harta tersebut dan jangan mengambil riba kerana membantu orang yang di dalam kesusahan adalah lebih utama. Di samping itu, beliau memperingatkan kepada penghutang supaya tidak membazir dan menggunakan peluang tersebut di jalan yang tidak di redhai Allah SWT.⁵⁵

Dalam surat al-Baqarah (2) : 282 pula Allah SWT menyebutkan :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ
مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ۚ
وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ ۚ فَلْيَكْتُبْ
وَلْيَمْلِكِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسْ
مِنْهُ شَيْئًا ۚ فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ
ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيَمْلِكْ وَلِيَّهُ
بِالْعَدْلِ ۚ

⁵⁴ Lihat dalam *al-Tabari* (1968), *op.cit.*, h.110 dan lihat juga dalam *al-Qurtubi* (1967), *op.cit.*, j.3, h.371

⁵⁵ Sayyid Qutb (2000), *op.cit.*, j.2. h.161-163

Wahai orang-orang Yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan Dengan hutang piutang Yang diberi tempoh hingga ke suatu masa Yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya Dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah SWT telah mengajarkannya. oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang Yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu Dengan jelas). dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah SWT Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. kemudian jika orang Yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya Dengan adil benar);

Dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan kepada umat Islam mengenai etika-etika hutang yang wajib dipatuhi supaya tidak berlakunya kezaliman dan penipuan di antara pihak yang melakukan kontrak ini.

Menurut ulama tafsir, ayat *إلى أجلٍ مسمى* ini menjelaskan penangguhan pelunasan

hutang sehingga waktu yang diketahui oleh kedua-dua belah pihak yang berakad.⁵⁶

Selain itu, terdapat perkataan *فاكتبوه* yang menjelaskan perintah Allah SWT mencatat

perjanjian dalam setiap muamalah hutang yang dilakukan.⁵⁷ Sungguhpun perkataan

فاكتبوه berbentuk perintah, namun ayat ini sebenarnya bersifat membimbing bukan

mewajibkan.⁵⁸ Sayyid Qutb juga turut menegaskan bahawa tugas catatan hutang dalam

⁵⁶ Lihat dalam al-Tabari (1968), *op.cit.*, j.3-4, h.116-117 dan lihat juga dalam al-Qurtubi (1967), *op.cit.*, j.3, h.377-379

⁵⁷ Hamilah bt Mohammad Masri (2003), *Hutang Piutang dalam Al-Qur'an : Kajian Khusus Ayat 282-283 Surah Al-Baqarah*. (Kertas Projek Sarjana Muda Usuluddin, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadist, Akademi Pengajian Islam), Universiti Malaya, h. 75

⁵⁸ *Ibid.*,

ayat ini adalah wajib dengan nas, bahkan meletakkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh orang-orang terlibat dalam kontrak ini iaitu : ⁵⁹

1. Orang yang menulis catatan hutang adalah orang yang adil dan tidak berpihak kepada mana-mana individu yang terlibat dalam kontrak ini
2. Tidak melengah-lengahkan catatan masa atau tempoh berhutang
3. Orang yang berhutang diminta untuk merancang sendiri hutangnya.
4. Orang tidak pandai dan cerdik, hendaklah walinya menjadi wakil untuk merancang hutang bagi pihaknya.

Ibnu Kathir membari penafsiran yang lebih umum mengenai ayat ini. Menurutnya, apa-apa kontrak yang melibatkan penangguhan haruslah ditulis kerana bagi menjaga hak-hak orang yang berakad supaya tiada penyelewengan. ⁶⁰

Selain daripada surat al-Baqarah, terdapat surat-surat lain yang menyebut *al-Qard*. Antaranya ialah surat al-Muzammil ayat 20 dan surat al-Taghabun ayat 17. Dalam surat-surat ini, Allah SWT tidak menyentuh aspek hutang, sebaliknya Allah SWT menjelaskan pengorbanan hamba-hambanya yang bakal mendapat ganjaran yang besar dari padanya.

Dalam surah al-Muzammil (73) : 20, Allah SWT menyebut :

وَأَقِمْوَا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا
حَسَنًا^ج

⁵⁹ Sayyid Qutb (2000), *op.cit.*, j.2. h.167-174

⁶⁰ Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Isma'il (1988), *Tafsir al-Qur'an al-Adzim*, j.2. Misr : Dar al-Misr al-Tiba'ah, h. 371.

dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat; dan berilah pinjaman kepada Allah SWT sebagai pinjaman Yang baik (ikhlas).

Manakala surah al-Taghabun (64) : 17, Allah SWT menyebut

إِنْ تُقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُّضْعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ
وَاللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ⁶¹

dan kalau kamu memberi pinjaman kepada Allah SWT, sebagai pinjaman Yang baik (ikhlas), nescaya Allah SWT akan melipat gandakan balasannya kepada kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu; dan Allah SWT amat memberi penghargaan dan balasan kepada golongan Yang berbuat baik, lagi Maha Penyabar (untuk memberi peluang kepada golongan Yang bersalah supaya bertaubat).

Dalam surah al-Muzammil, Allah SWT menyebut perkataan قَرْضًا حَسَنًا yang bermaksud pinjaman yang baik. Menurut ulama tafsir, semua bersepakat mengatakan yang dimaksudkan dengan perkataan قَرْضًا حَسَنًا dalam ayat ini ialah pemberian harta yang baik untuk diinfakkan diiringi dengan niat yang ihlas bagi mendapat ganjaran kebaikan yang banyak di sisi Allah SWT. Dalam surat al-Taghabun pula Allah SWT menyebut perkataan قَرْضًا حَسَنًا yang mempunyai maksud yang sama dengan surah al-muzammil. Mengenai surah ini, sayyid Qutb menjelaskan maksud ihlas di dalam ayat ini iaitu sifat yang tidak mengharapkan apa-apa balasan apa yang dia infaqkan dan tidak mengambil keuntungan dari harta yang dipinjamkan.⁶¹

Dari beberapa ayat yang telah disebutkan di atas, penjelasan yang menyentuh aspek *al-Qard* secara langsung dalam al-Baqarah (2) : 282. Diantara isi kandungan yang dapat disimpulkan ialah :

⁶¹ Sayyid Qutb (2000), *op.cit*, h. 17-18.

1. Allah SWT memerintahkan pihak yang berhutang mencatat hutangnya dengan jujur dan amanah.
2. Tempoh hutang hendaklah dijelaskan beserta jumlah pulangannya
3. Bagi penghutang yang tidak berkemampuan, hendaklah melantik walinya sebagai wakil bagi menguruskan hartanya
4. Pihak penghutang perlu memahami dengan jelas terhadap dokumen hutang supaya tidak berlaku kekeliruan di masa akan datang

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa قرضاً حسناً adalah infaq atau sedekah serta pinjaman yang diberikan oleh individu yang tidak mengharapkan apa-apa balasan, Secara ringaksnya keihlasan seseorang itu terbukti apabila ia tidak mengharapkan apa-apa manfaat yang perlu dibalas disebabkan jasanya menghulurkan bantuan, namun berharap mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT yang berlipatkali ganda.

2.3.2. Al-Hadith

- i. Hadith dari Ibn Mas'ud

عن ابن مسعود أنّ النبي (ص) ما من مسلم يقرض مسلماً قرضاً مرتين إلا كان

كصدقتها مرة

*Dari Abdullah ibn Mas'ud bahawasanya Nabi Muhammad saw bersabda; tidak seorang muslim pun jika meminjamkan kepada Muslim lainnya dua kali, kecuali yang satunya adalah sedekah.*⁶²

- ii. Hadith dari Anas bin Malik

⁶² Abi Abdullah Muhammad ibn Yazid al-Quzwaini(1998), *Sunan Ibn Majah*, “Kitab Al-saddaqt”. “Bab al-Qard”, no. hadith 2430. j. 2, c. 1. Kairo : Dar Al-Hadith, h. 3640.

عن أنس بن مالك قال رسول الله (ص) رايت ليلة أسري بي على باب الجنة مكتوباً

الصدقة بعشر أمثالها والقرض بثمانية عشر فقلت يا جبريل ما بال القرض أفضل من

الصدقة قال لأن السائل يستل و عنده والمستقرض لا يستقرض الا من حاجة

Rasulullah bersabda : aku melihat pada suatu malam aku diisra'kan, pada pintu syurga tertulis ; sedekah dibalas sepuluh kali lipat dan al-Qard dibalas delapan belas kali. Aku bertanya " wahai Jibrail, mengapa al-Qard lebih utama daripada sedekah? Ia menjawab "kerana peminta itu meminta sesuatu padahal ia punya, sedangkan yang meminjam tidak akan meminjam kecuali kerana keperluan.⁶³

iii. Hadith Abu Hurairah

عن أبي هريرة عن رسول الله (ص) من أخذ أموال الناس يريد أداءها أدى الله عنه ومن

أخذ يريد اتلا فيها اتلفه الله

Dari Abu Hurairah r.a. nabi S.A.W bersabda : siapa yang berhutang dengan maksudnya membayarnya kembali , tuhan akan menolongnya membayar kembali. Siapa yang mengambil harta orang lain dengan maksud ingin menghilangkannya, tuhan akan menghilangkan hartanya.⁶⁴

Maksud (أداء) di sini adalah khusus kepada penghutang wajib memulangkan semula

barang yang dipinjamkan seperti mana asalnya.⁶⁵ Hadis ini menjadi dalil kepada kewajipan pembayaran semula hutangnya kepada pemiutang.

⁶³ *Ibid.*, no. hadith 2431.

⁶⁴ Ibnu Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari(t.t), *Sahih Bukhari*, j.1. Qahirah: Dar al-Hadith. h. 596

⁶⁵ Badruddin abi Mahmud bin Ahmad al-‘aini (t.t), *Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 12, Beirut : Dar al-Fikr, h. 236

Berdasarkan hadist-hadith di atas, jelas bahawa Rasulullah sendiri pernah melakukan kontrak hutang. Bahkan ada di kalangan sahabat-sahabat beliau yang melakukan kontrak ini. Dengan ini kontrak hutang adalah harus dalam Islam

2.3.3. Pandangan Ulama Fiqh

Para ulama telah bersepakat bahawa *al-Qard* boleh dilakukan. Ulama-ulama mazhab *Syafi'i* dan *Hanafi* bersetuju menyatakan kontrak hutang telah diijma'kan oleh para Mujtahid mengenai keharusannya. Di samping itu, seluruh umat Islam telah mengamalkan sistem ini semenjak zaman Rasulullah hinggalah zaman sekarang, bahkan tiada mana-mana ulama menentang akad ini.⁶⁶

Kesepakatan ulama didasari oleh tabiat manusia yang tidak boleh hidup tanpa pertolongan dan bantuan saudaranya. Oleh kerana itu pinjam meminjam sudah menjadi sebahagian dalam kehidupan di dunia ini, sementara Islam adalah agama yang sangat mengutamakan keperluan umatnya.⁶⁷

Secara umumnya, para ulama fiqh telah menghukumi *al-Qard al-Hasan* sebagai sunat kepada pemberi pinjaman dan harus pula kepada yang meminjam.⁶⁸ Imam Abu Ishaq Ibrahim daripada Ulama *Syafi'iyah* menyatakan bahawa *al-Qard al-Hasan* merupakan Qurbah (قربة) iaitu antara perbuatan yang mendekatkan diri kepada Allah SWT.⁶⁹ Hal ini sesuai dengan hadith nabi :

⁶⁶ Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji (2003), *Fiqh al-Minhaji Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. C.5, J.3. Damsyiq : Dar al-Qalam, h. 89

⁶⁷ Syafii Antonio (2001), *Bank Syariah dari Teori ke Praktek*. Jakarta : Gema Insani Press, h. 133.

⁶⁸ Muhammad bin Abd al-Rahman al-Magribi (1978), *Mawāhib al-Jalil Li Syarh Mukhtasar Khalil*, j.4. Beirut : Dar Fikr, h. 545-546. Lihat juga al-Bahuti, Mansur bin Yunus bin Idris (1982), *Kisyaf al-Qina*. Beirut : Dar Fikr, h. 313. Lihat juga al-Hijawi, Syarf al-Din Musa bin Ahmad bin Musa Abu al-Naja (t.t), *al-Iqna' fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut : Dar Ma'rifah, h.147

⁶⁹ Abi Ishaq Ibrahim bin 'Ali (1995), *al-Muhadhab*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyah, h.81.

روي عن أبي هريرة رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : من نَفَسَ

عَنْ مُؤْمِنٍ كَرِبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كَرِبَةً مِنْ كَرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَ مِنْ

يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَ الْآخِرَةِ وَ مَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ عَنْهُ فِي

الدُّنْيَا وَ الْآخِرَةِ وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ⁷⁰

Diriwayatkan oleh abu hurairah RA: barang siapa yang melepaskan seseorang muslim daripada sesuatu kesukaran dunia, allah swt akan melepaskannya salah satu daripada kesukarannya di hari akhirat. Sesiapa yang member kemudahan kepada seseorang yang menghadapi kepayahan maka allah swt akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Sesungguhnya allah membantu hambanya selama mana hamba tersebut membantu saudaranya.

Justru daripada hadith di atas, maka *al-Qard al-Hasan* dihukumkan sebagai sunat diatas faktor-faktor *Usul Fiqh*⁷¹ iaitu lafaz dan kenyataan mengenai konsep *al-Qard al-Hasan* seperti yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Lafaz yang digunakan adalah menunjukkan bahawa ianya adalah sunat seperti tolong-menolong, mendapat ganjaran bagi mereka yang menolong serta kelebihan yang diberikan keatas mereka yang menolong dan ditolong. *Ulama Malikiyah* dan *Hanabilah* juga menyatakan bahawa peminjam tidak akan meminjam melainkan adanya keperluan untuk berbuat demikian.⁷²

Manakala *Ulama Hanabilah* pula menyatakan bahawa :

*“Sedekah adalah lebih baik daripada memberi pinjaman (al-qard) tetapi tidak berdosa bagi sesiapa yang tidak memberikan pinjaman sekiranya diminta”*⁷³

⁷⁰ Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairi(t.t), *Sahih Muslim*, “Bab Fadl Ijtima’ ‘Ala Tilawah al-Qur’an wa ‘Ala al-Dhikr” no. Hadith 7028, j.8. Beirut : Dar al-Jail, h. 71.

⁷¹ ‘Abd Karim Zaidan (1990), *al-Madkhal Li al-Dirasat al-Syariah al-Islamiyah*, c.11. Beirut : Muassasah al-Risalah, h.37-38.

⁷² Muhammad ‘Alaish(1989), *Manh al-Jalil*, j.5. Beirut : Dar Fikr, h.401.

⁷³ al-Bahuti,*op.cit*, h. 313. Lihat juga al-Hijawi,*op.cit*, h.147

Perkara yang paling penting dalam mengkategorikan *al-Qard al-Hasan* ini sebagai sunat adalah mendapat ganjaran bagi mereka yang membantu memberikan pinjaman serta tidak berdosa bagi mereka yang tidak memberikannya. Ini bertepatan dengan konsep sunat iaitu sesuatu yang di tuntutan oleh syara' yang bukan berbentuk tuntutan pasti, sesiapa yang melakukan akan dipuji dan dikurniakan pahala dan siapa yang meninggalkannya tidak dicela dan tidak berdosa.⁷⁴

Namun para *Ulama Syafi'iyah* memperincikan lagi *al-Qard al-Hasan* kepada beberapa hukum dengan melihat kepada keadaan dan situasi kedua-dua pihak. Situasi dan keadaan tersebut adalah seperti berikut :

1. Haram hukumnya apabila seseorang memberi pinjaman dan mengetahui bahawa wang tersebut dipinjam untuk melakukan sesuatu yang haram seperti minum arak.⁷⁵
2. Makruh apabila mengetahui bahawa si peminjam akan menggunakan harta yang dipinjam dalam perkara-perkara yang tidak berfaedah.⁷⁶
3. Wajib apabila si peminjam sangat berhajat dan memerlukan harta tersebut untuk kegunaan yang dibenarkan oleh syara' serta tiada jalan lain melainkan meminjam kepada mereka yang berkemampuan.⁷⁷

Selanjutnya Wahbah Zuhayli menambahkan bahawa dalam akad *al-Qard* dapat dilakukan dengan dua syarat :⁷⁸

1. Tidak boleh mensyaratkan adanya suatu manfaat

⁷⁴ 'Abd Karim Zaidan (1990), *op.cit*, h.37.

⁷⁵ Zain al-Din bin Abd al-'Aziz (t.t), *Fath al-Mu'in*. Beirut : Dar al-Fikr, h. 49. Lihat juga al-Muhalli, Jalal al-Din bin Ahmad (1995), *Hasyiatan Qalyubi wa 'Umairah*. Beirut : Dar al-Fikr, h. 320.

⁷⁶ *Ibid*.

⁷⁷ *Ibid*.

⁷⁸ Wahbah Zuhaili (2004), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, j. 5, c. 4. Kairo : Dar Al-Fikr, h. 3796.

Hal ini mengingat bahwa *al-Qard* adalah akad untuk mengambil manfaat dari barang yang dipinjam dan merupakan akad persaudaraan, sehingga jika disyaratkan satu manfaat lagi di luar manfaat barang yang dipinjamkan, maka hal itu tidak sesuai lagi dengan tujuan *al-Qard*. Sebagaimana yang dimaksudkan dalam hadits Nabi;

قال رسول الله (ص) كل قرض جر منفعة فهو ربا

*Rasulullah bersabda ; setiap peminjam yang mensyaratkan adanya keuntungan bagi pemberi pinjaman adalah sama dengan riba.*⁷⁹

2. Tidak bercampur dengan akad lain

Akad *al-Qard* tidak bercampur dengan akad yang lain misalnya antara akad *al-Qard* dilakukan bersamaan dengan akad jual beli, sebagaimana sabda Nabi SAW dari pada Umr bin Syu'ib;

عن عمرو بن شعيب قال رسول الله (ص) لا يخل سلف و بيع

*Dari Umar bin Syu'ib, Rasulullah bersabda ; tidak sah melakukan akad al-Qard bersamaan dengan akad jual beli.*⁸⁰

Diriwayatkan dari pada Abu Rafi' bahwa Rasulullah SAW pernah meminta seseorang untuk meminjamkan seekor unta, maka diberikannya untuk korban. Setelah beberapa waktu, Rasulullah SAW memerintahkan Abu Rafi' untuk mengembalikan unta tersebut kepada yang punya, tetapi Abu Rafi' kembali berbalik kepada Rasulullah SAW seraya berkata: “Ya Rasulullah, unta yang sepadan tidak kami temukan. Yang ada hanya unta yang lebih besar dan berumur empat tahun. “Rasulullah SAW, bersabda: “Berikanlah

⁷⁹ Ibn Hajar al-Asqalani (t.t), *Bulugh al-Maram*, “Kitab al-Buyu”, bab as-Salam, wa al-Qard, wa ar-Rahn. no. hadits 8, Beirut : Maktabah Tijarah al-Kubra, h. 82.

⁸⁰ *Ibid.*, “Kitab al-Buyu”, bab Syurutuhu wa Ma Naha ‘Anhu”, no. hadits, h. 169.

*itu kerana sesungguhnya sebaik-baik kamu adalah yang terbaik dalam membayar hutangnya.” (H.R. Muslim).*⁸¹

Beberapa kalangan ulama berpendapat bahwa hal itu dilakukan Rasulullah karena unta yang sepadan tidak ditemukan. Bila ada yang sepadan, tentu dikembalikan dengan yang sepadan.⁸²

2.4. RUKUN AL-QARD AL-HASAN

Rukun pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* ada empat iaitu Pemberi pinjaman (*Muqrid*), Peminjam (*Muqtarid*), Dana (*Qard*) dan Serah terima (*Ijab Qabul*). Menurut Syarbini al-Khatib rukun bermaksud sesuatu yang berperanan dalam menentukan perbuatan itu wujud atau tidak.⁸³

1. Pemberi pinjaman (*Muqrid*)

Pemberi pinjaman ialah mereka yang mempunyai harta dan mengeluarkan harta miliknya untuk dipinjamkan kepada orang lain yang memerlukannya. Syarat-syarat tuan punya hutang sama dengan syarat-syarat penjual dalam muamalah jual beli, antaranya ;

1. Ahli *tabarru'* iaitu ianya hendaklah terdiri dari mereka yang mempunyai keahlian dalam menderma iaitu seorang yang *baligh*, tidak berakal dan sebab-sebab yang boleh menghalangnya keatas pengurusan suatu harta.⁸⁴
2. Ianya juga hendaklah terdiri daripada mereka yang memiliki barang itu. Dalam kes ini, barangan itu hendaklah dimiliki olehnya sendiri dalam konteks *zat* itu

⁸¹ Imam Abi Abdullah(1991), *Sahih Al-Bukhari* Vol. 3, Lubnan : Dar al-Aker, h. 223.

⁸² Adiwarman A. Karim (2001), *Ekonomi Islam*, Jakarta : Gema Insani Pers, h.110.

⁸³ Syarbini al-Khatib (1958), *Mughni al-Muhtaj Ma'rifah Ma'anil Alfaz Al-Minhaj*, j. 2. Misr : Mathba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 121.

⁸⁴ 'Abdur Rahman al-Jaziri, *op.cit.*, h. 272.

sendiri,⁸⁵ bukannya dicuri atau dirompak, kerana harta yang diperolehi dengan cara yang tidak halal tidak boleh menjadi hak miliknya yang sah sama ada diperolehi dengan cara yang diharuskan oleh syara', melalui usahanya sendiri atau diperolehi dengan harta pusaka atau melalui hadiah pemberian orang kepadanya atau memang dibelinya sendiri.

3. Pengurusannya adalah secara suka rela. Oleh itu tidak sah sekiranya berlaku pemaksaan dalam proses pemberian itu.⁸⁶

2. Peminjam (*Muqtarid*)

Peminjam iaitu mereka yang meminjam wang atau barang daripada seseorang atau yang memohon daripada seseorang yang lain yang mempunyai harta. Ia mestinya mempunyai kriteria-kriteria yang sempurna sebagai syarat penting untuk melayakkan seseorang untuk membuat pinjaman pada syara'. Antaranya ialah ;⁸⁷

1. Layak mengurusniaga (*ahliyyah mu'amalah*) mereka hendaklah terdiri dari mereka yang *baligh*, berakal dan tidak ditahan pengurusan hartanya.
2. Si berhutang itu hendaklah di kalangan yang diketahui. Oleh itu tidak sah sekiranya dilakukan dalam bentuk yang samar (*gharar*) iaitu tidak jelas siapa penerima sebenarnya.
3. Mampu membayar (*al-qudrah 'ala al-wafa'*). Setiap mereka yang hendak meminjam/berhutang mestilah dipastikan mereka adalah mampu membayar pinjaman. Sekiranya orang yang didapati itu lemah atau tidak mampu membayar

⁸⁵ Syarbini al-Khatib (1958), *Mughni al-Muhtaj Ma'rifah Ma'ani Alfaz Al-Minhaj*, j. 2. Misr : Mathba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 4.

⁸⁶ *Ibid.*,

⁸⁷ 'Abdur Rahman al-Jaziri, *op.cit.*, h. 272.

pinjaman maka tidak harus menunjukkan hartanya itu kepadanya bahkan sebaiknya pemiutang menyembunyikan hartanya itu dari pengetahuan mereka.

3. Dana (*Qard*)

Terdapat beberapa pendapat berkenaan dengan objek *al-Qard al-Hasan* di antaranya adalah jumhur ulama yang berpendapat bahawa semua barang yang dapat sah dijual beli untuk dijadikan objek *al-Qard al-Hasan* akan tetapi tidak sah meminjamkan manfaat, seperti menjaga rumah dengan harapan di lain waktu rumahnya juga dijaga oleh orang yang punya rumah.

Manakala menurut ulama *Hanafiyah*, akad *al-Qard* adalah sah dilakukan terhadap barang-barang yang sejenis iaitu antara barang yang dipinjam dan yang dikembalikan tidak ada perbezaan dari sebelumnya. Manakala menurut ulama *Malikiyah*, *Syafi'iyah* dan *Hanbaliyah*, akad *al-Qard* dapat dilakukan atas semua barang yang berkemungkinan untuk dijadikan barang jaminan baik berdasarkan sistem tukaran, timbangan seperti emas dan perak ataupun berdasarkan pada jumlah seperti barang dagangan, modal usaha dan binatang ternakan.⁸⁸

4. Serah terima (*Ijab Qabul*)

Serah terima merupakan rukun yang terpenting dalam kontrak hutang iaitu adanya penawaran dan penerimaan, yang mengandungi maksud memberi hutang dan menerima hutang. Juga merupakan tindakan memberi keizinan dalam pengurusan terhadap perkara-perkara yang terlibat. Oleh itu mestilah dilakukan melalui pengucapan yang terang dan jelas.

⁸⁸ Wahbah Zuhaili (2004), *op.cit.* h. 3789-3790.

Misalnya A berkata kepada B, “saya memberi hutang RM 100 kepada anda dan akan membayar balik seperti nya”, B berkata, “saya menerima”⁸⁹

2.5. SYARAT-SYARAT AL-QARDAL-HASAN

1. Waktu atau tempoh berhutang

Dalam al-Quran Allah SWT menjelaskan apabila berlakunya penangguhan pembayaran semula hutang kepada suatu tempoh masa tertentu, hendaklah dinyatakan tempoh masanya

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ

Wahai orang-orang Yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu

Dan terdapat hadith Rasulullah S.A.W yang menjelaskan perlunya kepada penentuan tempoh masa berhutang yang diketahui oleh kedua-dua belah pihak.⁹⁰

من أسلف في شيء ففِي كَيْلٍ مَّعْلُومٍ إِلَى أَجَلٍ مَّعْلُومٍ

Sesiapa yang berhutang pada sesuatu, maka hendaklah mengikut sukatan yang tertentu dan timbangan yang tertentu kepada tempoh yang tertentu

Menurut Sayyid Sabiq, Jumhur Fuqaha melarang memberi sebarang syarat dalam hutang kerana ia merupakan sumbangan dari pemiutang⁹¹. Namun begitu bagi Madhab Maliki, tempoh pembayaran semula hutang boleh disyaratkan selagi mana tiada tuntutan

⁸⁹ Ali khafif (1996), *op.cit* h. 401-402. Lihat juga Chairuman Pasaribu(1992), *Hukum Perjanjian Dalam Islam*, Jakarta : Rineka Cipta, h. 137.

⁹⁰ Ibnu Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari(t.t), *Sahih Bukhari*, j.1. Qahirah: Dar al-Hadith, h.596

⁹¹ Sayyid Sabiq (1985), *Fiqh Sunnah*, j.3. c.7. Bairut : Dar al-Kitab al-Arabi. h.146

hutang sebelum habis tempoh hutang tersebut berdasarkan dalil dalam surah al-Baqarah (2) : 282.⁹²

2. Hutang yang mendatangkan manfaat adalah riba

Riba merupakan perkara amat dicegah dalam Islam. Dalam al-Quran, Allah S.W.T menjelaskan

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Padahal Allah S.W.T telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.

Secara ringkasnya, riba bermaksud sebarang pertambahan, lebihan atau manfaat dalam kontrak yang berbentuk hutang dan jual beli terhadap pertukaran barang-barang ribawi⁹³. Tujuan sebenar kontrak hutang dianjurkan adalah atas dasar kemanusiaan bagi mewujudkan suasana yang harmoni, saling tolong menolong antara satu sama lain, bukan bertujuan mengambil keuntungan⁹⁴. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW⁹⁵ iaitu :

قال رسول الله (ص) كل قرضٍ جر منفعة فهو ربا

Semua bentuk hutang yang mendatangkan manfaat adalah riba

Namun begitu, adalah tidak menjadi kesalahan sekiranya pihak penghutang dengan rela hati memberi ganjaran lebihan kepada pemiutang sebagai membalas khidmat baik kerana pemiutang menghulurkan bantuan ketika susah asalkan pemiutang tidak

⁹² *Ibid.*,

⁹³ Sudin Haron (2005), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*. Kuala Lumpur : Business School Sdn Bhd. h.315. dan sila lihat dalam Ab. Mumin Ab.Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM). h.202-203

⁹⁴ Sayyid Sabiq (1985), *op.cit.*, h.147-148

⁹⁵ Ibn Hajar al-Asqalani (t.t), *Bulugh al-Maram*. Beirut : Maktabah Tijarah al-Kubra, “Kitab al-Buyu”, *bab as-Salam, wa al-Qard, wa ar-Rahn*. no. hadith 8, Beirut : Maktabah Tijarah al-Kubra, h. 82.

mengenakan apa-apa syarat lebih atau pemberian manfaat kepadanya. Situasi ini berdasarkan hadits Rasulullah SAW iaitu

.....فإنَّ خيار النَّاسِ أحسنهم قضاءً

.....*Sesungguhnya orang yang paling baik adalah orang yang paling baik membayar hutang*

3. Tidak menundakan bayaran sekiranya mampu

Apabila penghutang itu sudah berkemampuan membayar hutangnya, hendaklah dia lunaskan seberapa segera kerana terdapat hadits Rasulullah SAW menyatakan menangguhkan pembayaran hutang jika berkemampuan adalah zalim⁹⁶:

مطل الغنيّ ظلم فإذا أتبع أحدكم على ملي فليتبّع

menangguhkan pembayaran bagi yang mampu membayar adalah zalim dan jika di antara kamu diikutkan yakni dihawalahkan kepada orang yang mampu, terimalah hawalah itu

4. Adanya perjanjian bertulis

Disyaratkan bagi yang berhutang agar membuat perjanjian bertulis sebagai bukti pinjaman. Bukti perjanjian ini juga akan menjelaskan tempoh hutang yang dibuat dan secara tidak langsung bagi mengelakkan si penghutang tidak membayar semula harta yang dipinjamkan.

5. Membaca dan memahami isi perjanjian

Disyaratkan bagi orang yang berhutang agar memahami segala isi perjanjian bagi mengelakkan kekeliruan di masa akan datang. Di samping itu, perjanjian tersebut tidak

⁹⁶ Al-‘Arbi al-Maliki (t.t), *Sahih al-Tirmizi*. J.6. Dar al-Ilmi li al-Jami’, h. 43-45

berlaku sebarang pindaan, penambahan atau pengurangan segala apa yang sudah tertulis dan dipersetujui⁹⁷.

2.6. MASA PEMBAYARAN DAN KADAR PEMBAYARAN

Hukum membayar hutang adalah wajib. Rasulullah SAW pernah tidak menyembahyangkan jenazah ke atas mayat yang meninggal dunia sebelum menjelaskan hutang sehinggalah mayat itu dijamin oleh sesiapa yang hadir untuk dibayar hutangnya.

Peristiwa ini menggambarkan betapa besar dan bebanan tanggungjawab yang dipikul oleh orang yang berhutang untuk menjelaskan hutang yang ditanggung. Namun begitu, Islam sebagai agama yang sejahtera juga menggalakkan pemberi hutang supaya tidak menuntut pembayaran balik hutang yang telah diberikan. Bahkan sekiranya hutang tersebut disedekahkan terus kepada si penghutang itu adalah lebih baik.⁹⁸

Dalam menjelaskan hutang secara *al-Qard al-Hasan*, apabila dua pihak bersetuju menetapkan masa pembayaran, tidak semestinya pembayaran terikat kepada masa yang dipersetujui. Pihak pemiutang boleh menuntut hutangnya lebih awal, kerana hutang yang diberikan oleh pemiutang tersebut sebagai satu ihsan daripadanya, maka pihak yang menerima ihsannya tidak patut untuk mengikatnya.

Akan tetapi Imam Malik berpendapat bahawa masa yang dipersetujui untuk membayar itu adalah mengikatnya, jadi pihak pemiutang tidak berhak untuk menuntut hutangnya sebelum itu, kerana persetujuan akad itu mestilah dipatuhi sebagaimana perintah al-Quran di mana Allah berfirman :

⁹⁷ Osman Sabran (2001), *Urus Niaga Qard Hasan dalam Pinjaman Tanpa Riba*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia. h. 61

⁹⁸ Fadzila Azni ahmad, “mengurus kemiskinan melalui *al-Qard al-Hasan*” dalam *Dewan Ekonomi*, Ogos 2000, h. 62.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوفُوا بِالْعُقُودِ

*Wahai orang-orang Yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.*⁹⁹

Jumhur Fuqaha sepakat pendapat mengatakan bahawa pembayaran hendaklah dibuat di negeri atau tempat berlakunya kontrak hutang tersebut dan boleh juga dilakukan di tempat lain jika tidak melibatkan perbelanjaan dan keselamatan. Sekiranya ia memerlukan perbelanjaan maka pemiutang tidak wajib menerimanya.¹⁰⁰ Pembayaran hutang kepada pemiutang mestilah jumlahnya mengikut kadar hutang yang diambilnya. Persoalan timbul iaitu bagaimana penghutang itu kalau membayar lebih kepada pemiutang daripada hutangnya.

2.7.1. Pandangan Mazhab tentang lebihan pembayaran dalam *al-Qard al-Hasan*

Menurut jumhur Fuqaha bahawa dalam akad *al-Qard* tidak syarat penetapan waktu untuk mengembalikan barang pinjaman agar terhindar dari melakukan *riba nasyi'ah* ;

Alasan yang diusung oleh jumhur fuqaha adalah ;

Kerana akad *al-Qard* adalah murni akad *tabarru'*, sehingga pemberi pinjaman mempunyai hak untuk meminta kembali barangan tersebut dan sememangnya akad *al-Qard* itu mengkehendaki adanya pengembalian barang pinjaman seperti menggantikan barangan manakala seseorang merosakkan barang milik orang lain.

Prinsip dalam *al-Qard* sesungguhnya sama dengan menjual dirham dengan dirham, maka tidak diperbolehkan adanya tambahan barang pengembalian serta tempoh

⁹⁹ Ali khafif (1996), *op.cit.*, h. 402.

¹⁰⁰ Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abdullah bin Ahmad (1972), *al-Mughni*, j.4, Beirut : Dar al-Kitab al-Arabi, h. 325.

pengembalian.¹⁰¹ Namun menurut Ulama Hanafiyah bahawa dalam *al-Qard* sesungguhnya tetap dibolehkan adanya waktu pengembalian, khususnya kerana salah satu sebab berikut ;

- i. Adanya wasiat, iaitu jika seseorang berwasiat untuk meminjamkan kepada seseorang dalam jangka waktu setahun misalnya, maka ahli waris dilarang mengambilnya sebelum genap setahun.
- ii. Juhud, yakni apabila pinjaman yang diterima itu diingkari, maka pemberi pinjaman berhak menariknya kembali dari si penerima pinjaman, kerana yang sedemikian itu sudah lazim dalam urusan pinjam meminjam
- iii. Adanya keputusan hakim tentang tetapnya barang pinjaman kepada penerima pinjaman, maka tidak diperkenankan bagi pemberi pinjaman untuk mengambil kembali pinjamannya.
- iv. Adanya pemindahan hutang (*hiwalah*)¹⁰²

Berbeza dengan Jumhur Fuqaha dan Ulama Hanafiyah yang hanya membolehkan adanya masa waktu pengembalian barang pinjaman secara terbatas, sebagaimana tersebut di atas. Maka menurut Imam Malik bahawa dalam *al-Qard* diperkenankan adanya batas waktu pengembalian barang pinjaman kerana sesungguhnya cara inilah yang lebih dapat diterima serta lebih sesuai dengan kepentingan kedua belah pihak.¹⁰³

Adapun sandaran pendapatnya adalah sabda Nabi dan ayat al-Quran berikut ini :

عن أبي هُرَيْرَةَ عن رسولِ الله صلعم انه ذكر رجلاً سأل بعضي بني اسرائيل يسلفه

الف دينار فدفعها اليه أجل مسمى

¹⁰¹ Wahbah Zuhaili (2004), *op.cit.* h. 3788.

¹⁰² *Ibid.*,

¹⁰³ Muhammad Sayid Sabiq (1995), *op.cit.* h. 192.

“Dari Abu Hurairah dari Rasulullah SAW bercerita tentang orang yang memohon kepada seseorang dari Bani Israil untuk meminjamkan seribu dinar yang akan dibayar pada waktu yang akan datang”¹⁰⁴

عَنْ عُمَرَ بْنِ عَوْفٍ الْمَزْنِيِّ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمُسْلِمُونَ عِنْدَ

شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا أَحَلَّ حَرَامًا أَوْ حَرَّمَ حَالًا

“Dari ‘Umar Ibn ‘Auf al-Mazani dari ayahandanya dari datuknya, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda : orang-orang Islam itu terikat kepada syarat-syarat yang telah dibuatnya, kecuali syarat-syarat yang akan menghalalkan yang haram dan sebaliknya mengharamkan yang telah halal”¹⁰⁵

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Dan jika (orang yang berhutang itu) dalam kesukaran, Maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. dan menyedekahkan (sebahagian atau semua utang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.

Setiap pinjaman haram mengambil faedah atau keuntungan. Dalam menjelaskan hutang atas pinjaman secara *al-Qard al-Hasan* ini, adalah sangat baik sekiranya peminjam membuat pembayaran balik lebih daripada jumlah yang dihutang dengan syarat bukan merupakan syarat atau perjanjian yang dikenakan dalam akad hutang. Lebihan atau saguhati mesti merupakan pemberian ihsan daripada penerima hutang sebagai tanda penghargaan kepada pemberi hutang. Saguhati tersebut halal dan bukan merupakan riba kerana tidak disyaratkan dalam akad oleh pemberi hutang.¹⁰⁶

Akan tetapi sekiranya peminjam itu memberi lebihan atau saguhati atau hadiah itu kepada pemiutang lebih dahulu, sebelum ia mendapatkan pinjaman, maka ia tetap dilarang, kerana ia dianggap riba yang diharamkan ke atas peminjam dan pemiutang.

¹⁰⁴ Imam Abi Abdullah(1991), *Sahih Al-Bukhari* Vol. 3, ,” Kitab asy-Syurut”, “Bab asy-Syurut fi al-Qard”, j. 3. Lubnan : Dar al-Aker, h. 148.

¹⁰⁵ Ibn Hajar al-Asqalani, *op.cit*, “Kitab al-Buyu”, “Bab as-Sulh, no. hadith 1, Beirut : Maktabah Tijarah Al-Kubra, h.185.

¹⁰⁶ Fadzila Azni Ahmad, *op.cit.*, h. 62.

Melainkan jika sekiranya hadiah tersebut diberikannya pada ketika ia membayar pinjamannya yang terakhir, maka tidaklah dianggap riba, bahkan dianggap perbuatan yang sangat baik.

Mazhab Hanafi berpendapat bahwa hutang yang mendatangkan manfaat lebih kepada pemiutang adalah haram jika ia disyaratkan, tetapi sekiranya ia tidak disyaratkan dan tidak juga menjadi amalan *'uruf* maka boleh diterima lebihan itu.

Mazhab Maliki pula berpendapat bahawa haram sama sekali mendapatkan lebihan daripada harta penghutang seperti menunggang kenderaannya, atau memberi hadiah kepada pemiutang sekiranya hadiah yang diberikan itu untuk tujuan boleh melewati bayaran hutang. Jika penghutang membayar hutang itu lebih daripada hutang pembelian barang maka bayaran lebih itu harus, tetapi jika pembayaran lebih itu daripada kontrak hutang yang bersyarat bayaran lebih maka lebihan bayaran itu adalah haram. Tetapi jika ia tidak bersyarat maka bayaran lebih itu diharuskan.¹⁰⁷

2.7. APLIKASI *AL-QARD AL-HASAN*

Aplikasi *al-Qard al-Hasan* biasanya diterapkan sebagai berikut:

1. Sebagai produk pelengkap kepada pelanggan yang mempunyai prestasi kerja yang baik, yang memerlukan dana pinjaman untuk masa pendek. Pelanggan tersebut akan mengembalikan secepatnya sejumlah wang yang dipinjamnya itu.
2. Sebagai fasiliti pelanggan yang memerlukan dana cepat, sedangkan ia tidak boleh menarik wang disebabkan alasan tertentu misalnya, simpana dalam bentuk deposit.
3. Sebagai produk untuk menyumbang usaha yang kecil atau membantu sector sosial yang dikenal suatu produk khusus yaitu *al-Qard al-Hasan*.¹⁰⁸


¹⁰⁷ Wahbah Zuhaili (2004), *op.cit.* h. 724.

¹⁰⁸ Syafii Antonio (2001), *Bank Syari'ah dari Teori ke Prak tek*, Jakarta : Gema Insani Pers, h. 133.

Manakala aplikasi *al-Qard al-Hasan* dalam perbankan biasanya dalam empat hal, iaitu:

1. Sebagai pinjaman dana haji, dimana pelanggan calon haji diberikan pinjaman sementara untuk memenuhi syarat pendaftaran biaya perjalanan haji. Pelanggan akan membayarnya sebelum keberangkatan haji.
2. Sebagai pinjaman tunai (*cash advanced*) dari produk kartu kredit syari'ah, dimana pelanggan diberi kebebasan untuk mengambil wang melalui ATM.
3. Sebagai pinjaman kepada pengusaha kecil, dimana menurut kajian kelayakan akan menyusahkan pengusaha apabila diberikan pembiayaan dengan skema jual beli, *ijarah*, atau bahagi hasil.
4. Sebagai pinjaman kepada staf bank, dimana bank menyediakan fasiliti ini untuk memastikan bahawa keperluan staf bank dipenuhi. Staf bank akan mengembalikan dana pinjaman itu secara beransur melalui potongan gajinya.¹⁰⁹

Rajah 2.1 : Kerja Prinsip *Al-Qard Hasan*.¹¹⁰



Sumber : Heri Sudarsono(2003), *Bank Dan Lembaga Keuangan Syari'ah*, Yogyakarta : Ekonisia

¹⁰⁹ Adi Warman, A. Karim (2001), *Bank Islam*, Jakarta : Gema Insani Pers, h. 106.

¹¹⁰ Heri Sudarsono (2003), *Bank Dan Lembaga Keuangan Syari'ah*, Yogyakarta : Ekonisia, h. 75.

2.7.2. Karakteristik al-Qard al-Hasan

1. *al-Qard* dimiliki dengan serah terima, kerana ia diterima oleh *muqtari'd* maka telah menjadi miliknya dan berada dalam tanggung jawabnya.
2. *al-Qard* biasanya dalam batas masa tertentu, tapi apabila tempo pembayarannya diberikan maka akan lebih baik, kerana telah memudahkan lagi.
3. Apabila barang yang dipinjamkan masih ada seperti semula maka mesti dikembalikan dan apabila telah berubah maka dikembalikan semisalnya atau sehargaanya.
4. Diharapkan persyaratan yang ditetapkan tidak mengambil keuntungan apapun bagi *muqrid* dalam *al-Qard*, kerana menyerupai bahkan termasuk dari macam *riba*.¹¹¹

2.7.3. Sifat pemberian pinjaman kebajikan *al-Qard al-Hasan*.

Pada dasarnya pinjaman *al-Qard al-Hasan* diberikan kepada:

1. Mereka yang memerlukan pinjaman konsumtif jangka pendek untuk tujuan yang sangat mustahak.
2. Para pengusaha (kecil) yang kekurangan dana tetapi mempunyai rancangan usaha yang sangat baik.¹¹²

2.7.4. Perbezaan *al-Qard al-Hasan* :

1. *Qirad* adalah suatu macam syarikat, sedangkan *al-Qard* adalah bentuk amal kebajikan dengan peminjaman wang.
2. Pada prinsipnya dalam *Qirad* orang yang menerimanya tidak berkewajiban untuk menjamin kerugian atau kehilangan daripada harta modal *Qirad* bila tidak ada unsur kesengajaan kerana ini menjadi orang yang dipercayai (*Mu'taman*),

¹¹¹ Muhammad (2006), *Tehnik Perhitungan Bagi Hasil dan Profit Margin Pada Bank Syari'ah*, Yogyakarta : UII Pres, h. 40.

¹¹² Kamoen Poewatmadja (1992), *Apa dan Bagaimana Bank Islam*, Yogyakarta : Dana Bhakti Wakaf, h. 34.

sementara dalam *al-Qard* menjadi tanggungannya dan berkewajiban mengembalikannya bagaimanapun keadaanya.

3. Dalam *Qirad*, orang yang menyerahkannya (pemilik modal harta tersebut) berhak mendapatkan bahagiannya dalam keuntungan yang dihasilkan dari *Qirad*, sedangkan dalam *al-Qard* pemberi *al-Qard* tidak boleh menarik keuntungan atau manfaat sekalipun dari *al-Qard* di balik persyaratan akad *al-Qard*.
4. Hukum ketentuan dan persyaratan keabsahan *al-Qard* berbeza dari hukum persyaratan *Qirad* kerana hakikat dasar keduanya adalah berbeza.¹¹³

2.8. MANFAAT AL-QARDAL-HASAN

2.8.1. Secara umum manfaat *al-Qard al-Hasan* antara lain adalah :

1. Transaksi *al-Qard al-Hasan* bersifat mendidik, orang yang meminjam wajib mengembalikannya, sehingga dana terus berkembang dan terus bertambah dan diharapkan peminjam dapat mengeluarkan zakat, infak dan sedekah atas hasil usahanya sendiri
2. Dana zakat, infak dan sedekah sebagai dana sosial akan selalu dapat dimanfaatkan lagi untuk peminjam berikutnya
3. Adanya misi sosial kemasyarakatan melalui skim *al-Qard* hasan untuk meningkatkan nama baik dan kesetiaan masyarakat terhadap ekonomi syariah serta kesedaran masyarakat untuk membayarkan zakat, infak dan sedekah melalui institusi yang dipercayainya, sehingga dana tersebut tidak hanya menjadi sekadar dana bantuan yang sifatnya.
4. Kemajuan pembangunan ekonomi rakyat melalui usaha mikro yang berlandaskan syariah Islam dapat diwujudkan menjadi sebuah kenyataan.¹¹⁴

¹¹³ Muhammad (2006), *op.cit.*, h. 42.

2.8.2. Adapun manfaat khusus bagi bank syariah adalah :

1. *al-Qard al-Hasan* merupakan ciri pembeza antara bank syariah dengan bank konvensional yang di dalamnya terkandung misi sosial di samping misi komersial
2. Adanya misi sosial ini tentunya akan dapat meningkatkan prestasi baik dan meningkatkan kesetiaan masyarakat terhadap bank syariah.¹¹⁵

2.8.3. Kelebihan memberi pinjaman *al-Qard al-Hasan* dari segi syar'i

1. Hartanya dipinjamakan kepada Allah

Orang yang sanggup memberikan pinjaman kepada seseorang yang berhajat, sebenarnya ia telah memberikan pinjaman kepada Allah. Seseorang pemiutang memang sedar dia tidak mendapat apa-apa faedah material ke atas harta yang dipinjamkannya, bahkan ia sedar betapa tingginya risiko yang bakal dihadapinya, sekiranya harta itu ditipu oleh peminjam atau tidak dapat dibayar oleh peminjam atau sebagainya.

Allah sendiri menjelaskan bahawa sikap melunaskan hutang oleh pemiutang kepada peminjam yang tidak dapat membayar hutangnya kerana terlalu miskin itu adalah satu sikap yang lebih baik, sebagaimana firman Allah dalam al-Baqarah (2) : 280

وَإِنْ كَانَتْ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) Bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik

¹¹⁴ Merza Gamal, "Mengenal Pinjaman *al-Qard al-Hasan*", <http://www.mailarchive.com/jamaah@arroyan.com/msg03249.html-15k>, 12 juli 2007

¹¹⁵ Syafii Antonio (2001), *op.cit.*, h. 134.

untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).

2. Hartanya diberkati oleh Allah

Seseorang yang sanggup meminjamkan hartanya tanpa mengharapkan apa-apa faedah bukan hanya sekadar dapat menundukkan nafsu kebendaan yang ada pada dirinya sahaja, bahkan dapat membina keyakinan yang mantap dari segi akidahnya kepada Allah, bahwa hakikat yang sebenarnya memberikan kekayaan, keuntungan, kesenangan kepadanya itu bukannya benda dunia tetapi sebenarnya hanyalah Allah Yang Maha Kaya.

Allah tidak akan melupakan hidup hambanya di dunia yang sanggup berkorban memberikan pinjaman kepada mereka yang memerlukannya dengan memberkati harta yang masih ada pada dirinya, di tambahkan rezekinya tanpa disedari dan dilihat dengan mata kepala, urus niaga bertambah maju, wangnya bertambah berkat dan sebagainya tanpa meninggalkan solat, tidak lupa membayar zakat hartanya. Allah berfirman dalam surah an-Nur (24) : 38

لِيَجْزِيَهُمُ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ يَرْزُقُ
مَن يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

(Mereka mengerjakan semuanya itu) supaya Allah membalas mereka Dengan sebaik-baik balasan bagi apa yang mereka kerjakan, dan menambahi mereka lagi dari limpah kurniaNya; dan sememangnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa Yang dikehendakiNya Dengan tidak terhitung.

3. Pahalaya digandakan oleh Allah

Allah sudah menjanjikan bahawa yang sanggup meminjamkan hartanya kepada Allah, Allah akan memberikan ganjarana pahalanya yang berlipat kali ganda banyaknya di hari

akhirat kelak bahkan memberi pinjaman dengan pinjaman yang baik kerana Allah, boleh menghapuskan dosa-dosa yang telah dilakukannya dengan keampunan dari Allah.

Firman Allah al-Taghabun (64) : 17

إِنْ تُقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُّضْعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ وَاللَّهُ
شَكُورٌ حَلِيمٌ

Dan kalau kamu memberi pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas), nescaya Allah akan melipat gandakan balasannya kepada kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu; dan Allah amat memberi penghargaan dan balasan kepada golongan yang berbuat baik, lagi Maha Penyabar (untuk memberi peluang kepada golongan yang bersalah supaya bertaubat).

2.9. KESIMPULAN

al-Qard al-Hasan adalah salah satu cara muamalah yang di anjurkan oleh Islam bagi umatnya dalam kehidupan sosial kerana ianya mampu menenangkan jiwa orang yang memberi pinjaman dan peminjam.

al-Qard al-Hasan adalah kemudahan bagi masyarakat tertentu berupa pinjaman kebajikan, iaitu pinjaman tanpa mensyaratkan kelebihan atau faedah pada masa pengembaliannya, yang lebih merupakan kemudahan sosial namun merupakan dana berkembang untuk meningkatkan kesejahteraan umat bukan untuk tujuan berniaga atau mencari keuntungan dan mengharap apa-apa faedah. Di mana segala manfaat yang ada pada pinjaman, semuanya kembali kepada peminjam semata-mata, manakala pemiutang tidak mendapat apa-apa manfaat dari harta yang dipinjamnya itu kecuali harapan pahala yang berlipat kali ganda yang diberikan oleh Allah SWT di akhirat.

Kemudian dalam aplikasinya pada sistem kewangan syariah atau institusi kewangan mikro Islam, *al-Qard al-Hasan* adalah perjanjian pembiayaan antara institusi kewangan Islam dengan pelanggan yang dianggap layak menerima, keutamaan kepada mereka yang memerlukan, baik pengusaha kecil yang berpotensi dalam keusahawanan tetapi tidak mempunyai modal selain kemampuan berusaha mahupun perseorangan lainnya yang dalam keadaan terdesak. Penerima pinjaman hanya diwajibkan mengembalikan pokok pembiayaan pada saat tempoh ditentukan, dan institusi kewangan Islam hanya memerlukan tambahan biaya administrasi untuk keperluan perjanjian tersebut.

al-Qard al-Hasan di anjurkan bagi orang yang amat memerlukan kerana bersifat mendidik iaitu orang yang meminjam wajib mengembalikannya, sehingga dana tersebut terus berkembang dan terus bertambah dan diharapkan peminjam dapat mengeluarkan zakat, infak dan sedekah atas hasil usahanya sendiri.

BAB III

SEJARAH BMT DAN PROSEDUR PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN

BMT AL-KHAIRAT PAMEKASAN

3.1 PENDAHULUAN

Institusi kewangan sangat diperlukan dalam mendukung perekonomian umat Islam yang berprinsip syariah sehingga dapat bermuamalah dengan sempurna sesuai dengan aturan syariah. Keberadaan perbankan konvensional secara teknis di lapangan belum menyentuh terhadap usaha kecil dari pedagang kaki lima sampai pedagang-pedagang yang berada di pasar tradisional yang biasanya disebut sebagai ekonomi rakyat kecil, hal ini disebabkan karena keterbatasan jenis usaha mereka.

Keberadaan usaha kecil menengah telah diyakni merupakan salah satu motor penggerak yang penting bagi pertumbuhan ekonomi nasional. BMT al-Khairat adalah salah satu Institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan pribadi bagi membantu mereka yang mengalami masalah kewangan.

Pembiayaan pribadi yang ditawarkan oleh BMT al-Khairat kepada pelanggan sama ada pembiayaan produktif ataupun pembiayaan konsumtif adalah dengan mengaplikasikan prinsip *al-Qard al-Hasan* sepertimana yang yang tercatat dalam dokumen perjanjian pelanggan. Produk pembiayaan *al-Qard al-Hasan* ini mempunyai syarat-syarat tertentu serta prosedur yang perlu dipatuhi sepanjang tempoh perjanjian dilakukan. Dalam bab ini akan menjelaskan mengenai sejarah perkembangan BMT al-Khairat, produk-produk yang ditawarkan kepada pelanggan, syarat-syarat yang melayakkan para pelanggan menikmati produk pembiayaan *al-Qard al-Hasan* serta prosedur-prosedur yang digunakan oleh BMT al-Khairat.

3.2 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN BMT AL-KHAIRAT

3.2.1. Pengenalan

Indonesia adalah sebuah negara yang memiliki sumber alam yang kaya dan mempunyai geografi yang strategik. Namun keadaan itu belum mampu memberikan kesejahteraan penuh dan menyeluruh kepada rakyatnya kerana banyak dasar ekonomi yang tidak berpihak kepada rakyat dan menempatkannya sebagai sasaran pasar (*marketing target*). Institusi kewangan yang ada hanya memperhatikan kalangan tertentu yang bermodal besar sehingga masyarakat bawah mengalami kerugian dalam mengakses permodalan.

Institusi kewangan dan perbankan kemudian menjadi keperluan asas dalam aktiviti ekonomi masyarakat dimana institusi kewangan merupakan institusi yang dapat menyediakan modal bagi pelaku ekonomi, baik pelaku ekonomi yang berskala kecil mahupun berskala besar.

Dalam keadaan tersebut diperlukan adanya sistem kewangan yang di dalam operasinya menerapkan prinsip kebersamaan dalam menanggung risiko usaha pelanggannya dan pembahagian keuntungan dan kerugian secara adil.¹¹⁶

Fenomena ini menimbulkan keinginan yang sangat besar bagi kalangan masyarakat Islam untuk bertekad menciptakan sistem ekonomi yang lebih adil dan sesuai dengan syariah, sehingga pada era sembilan puluhan banyak ditubuhkan institusi-institusi kewangan syariah yang mengutamakan pelayanan kepada masyarakat kecil, termasuk *Baitul Mal Wat Tamwil* (BMT).¹¹⁷

¹¹⁶ Warkum Sumitro (1996), *Asas-asas Perbankan Islam dan Lembaga-lembaga terkait di Indonesia*. c. 1. Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 51.

¹¹⁷ Istilah *Baitul Mal Wat Tamwil* (BMT) merupakan perpaduan dari *Bait Mal* dan *Bait Tamwil*. *Bait Mal* (perbendaharaan publik) itu sendiri, sudah dikenal pada awal hijrahnya Rasul sampai dengan saat ini yang berfungsi untuk mendistribusikan dana sosial. Manakala *Bait Tamwil* merupakan institusi kewangan dan bisnis yang bermotif keuntungan. Kedua istilah tersebut kemudian di padukan menjadi *Baitul Mal Wat Tamwil*. Di Indonesia BMT juga diistilahkan sebagai Balai Usaha Mandiri Terpadu. Lihat Muhammad (2000), *Lembaga-Lembaga Keuangan Umat Terpadu*. Yogyakarta : UII Press, h.106. lihat

Baitul Mal Wat Tamwil (BMT) adalah penyedia pembiayaan mikro (usaha kecil) di Indonesia yang cukup berkembang. BMT-BMT merupakan upaya perbezaan masyarakat lapisan bawah yang didukung oleh dana-dana dari para anggota komuniti Islam. Organisasi pembiayaan usaha kecil ini biasanya beroperasi berdasarkan prinsip pembahagian hasil (termasuk perbahagian kerugian) dan menggunakan nilai-nilai moral Islam dan perpaduan kelompok sebagai modal sosial untuk mendorong pembayaran pinjaman. juga memberi pinjaman untuk mendukung skema pembiayaan usaha kecil.

Beberapa produk pembiayaan dan jasa yang ditawarkan BMT mirip dengan yang ada di bank-bank Islam dan Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS). Namun perbezaan adalah para pelanggannya. Bank-bank Islam biasanya menarik minat umat Islam pekerja pejabat yang berasal dari kelas menengah, sementara Bank Penkreditan Rakyat (BPRS) sebahagian besar melayani para muslim dari kelompok penghasilan menengah dan bawah. Perkembangan pembiayaan syariah dalam sistem kewangan modern Indonesia ditubuhkan sejak tertubuhnya Bank Islam yang pertama, Bank Muamalat, tahun 1991. Namun, sebahagian besar penduduk Muslim tidak memahami atau tidak percaya pada sistem ini, akibatnya bank-bank Islam tetap kecil. Namun demikian, penyelidikan memperlihatkan bahawa gerakan BMT telah berkembang sampai saat ini meski tanpa mendapat banyak sokongan, pengawasan atau pengaturan sistem daripada Pemerintah Indonesia.¹¹⁸

Daripada data Kompilasi Data Gema PKM-Oktober 2004¹¹⁹ menyatakan jumlah BMT di Indonesia adalah sebanyak 3.038 unit. Sedangkan kandungan infrastruktur dan

juga Muhammad Ridwan (2004), *Manajemen Baitul Maal Wa Tamwil (BMT)*. Yogyakarta : UII Press, h. 126.

¹¹⁸ Syafii Antonio (2008), 'Islamic Micro-finance Initiatives to Enhance Small and Medium-sized Enterprises', in Greg Fealy and Sally White (eds), *Expressing Islam: Religious Life and Politics in Indonesia*. ISEAS, Singapore, pp. 251-266. Lihat juga Fadhil Lubis (2004), 'Financial Activism among Indonesian Muslims,' in Virginia Hooker and Amil Saikal (eds), *Islamic Perspectives on the New Millenium*. ISEAS, Singapore, pp. 91-112

¹¹⁹ Bambang Ismawan dan Setyo Budiantoro (2004), Mapping Microfinance in Indonesia, Jurnal Ekonomi Rakyat, Edisi Maret 2005

institusi kewangan mikro secara regulasi sampai 2004 belum ada yang memberikan sokongan kuat untuk membangunkan lembaga kewangan mikro yang termasuk di dalamnya BMT.

Rajah 3.1 : Kandungan Infrastruktur dan Institusi Kewangan Mikro

Aspek	BPR & BRI Unit	Koperasi	Lembaga Keuangan Mikro Lainnya
Regulasi	UU tentang Perbankan	UU tentang Koperasi	Tidak ada
Regulator	Bank Indonesia	Menteri Koperasi & UKM	Tidak ada
Pembinaan	Bank Indonesia	Menteri Koperasi & UKM	Tidak ada
Penjaminan	Pemerintah	Tidak ada	Tidak ada
Likuiditas	Bank Indonesia	Tidak ada	Tidak ada
Rating	Bank Indonesia – Tingkat Kesehatan	Menteri Koperasi & UKM	Tidak ada
Asosiasi	Perbarindo – Asbisindo	Induk Koperasi Pusat Koperasi	PINBUK/Credit Union

Sumber: Didin Wahyudin, *Key Success Factors In MicroFinancing*, paper pada Diskusi Panel *Microfinance Revolution: "Future Perspective for Indonesian Market"*, Jakarta, 7 Desember 2004

Daripada kandungan Infrastruktur dan Institusi Kewangan Mikro dari sisi regulasi, regulator, pembinaan, penjaminan dan likuiditas belum terpenuhi, sehingga masih terdapat beberapa kendala yang semestinya harus perbaiki oleh pemerintah guna optimalisasi BMT.

Namun demikian, Penelitian yang dilakukan Minako Sakai dan Kacung Marijan dalam Policy Briefs : Mencurahkan pembiayaan mikro Islami menemukan keadaan yang lebih beragama berkaitan dengan kewujudan BMT : beberapa BMT berkembang pesat dan terus memperluas perniagaanya sementara beberapa BMT lain terancam *muflis* kerana kegagalan para pelanggan untuk membayar kembali pinjamannya.

Penemuan utama dalam penyelidikan tersebut adalah sebagai berikut:¹²⁰

1. Sebahagian besar BMT dijalankan oleh para pengusaha sosial dengan komitmen kuat untuk membangun keadilan sosial berdasarkan prinsip-prinsip Islam.

¹²⁰ Minako Sakai dan Kacung Marijan (2008), *Policy Briefs : Mendayagunakan pembiayaan mikro Islami*, Australia : Crawford School of Economics and Government.

Kepimpinan dan komitmen ini sangat mempengaruhi keberhasilan operasi sama halnya dengan kewujudan peraturan-peraturan.

2. Dalam rangka mencapai tujuan keadilan sosial ini, sebahagian besar BMT menawarkan tiga macam jasa (pembiayaan usaha kecil, zakat dan program-program kesejahteraan sosial, serta pelatihan perniagaan/keusahawanan) kepada para anggotanya dan masyarakat. Pada dasarnya, BMT-BMT ini merupakan usaha-usaha sosial yang sangat berbeza dengan usaha-usaha yang berorientasi perniagaan.
3. Pelbagai persatuan dan lembaga BMT (BMT Center, PINBUK dan persatuan-persatuan BMT daerah dan nasional) selalu membuat peraturan-peraturan pelaksanaan sendiri dan prosedur operasinya.

Bertitik tolak daripada keterangan di atas, maka penulis ingin mengkaji terhadap salah satu produk pembiayaan *al-Qard al-Hasan* yang dilaksanakan oleh BMT al-Khairat ditinjau dari perspektif hukum Islam.

3.2.2. Sejarah Penubuhan

Krisis kewangan yang berterusan menjadi krisis ekonomi berpanjangan tahun 1998 telah membuktikan bahawa ekonomi rakyat lebih mampu bertahan dari hempasan badai krisis. Dan ekonomi syariah telah memberi inspirasi kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan besar untuk menerapkan Sistem Syariah.

BMT Al-Khairat dibentuk oleh Yayasan al-Khairat pada tahun 1997 di Pamekasan. Dengan modal awal Rp. 6000.000 yang dikumpul daripada enam anggota yayasan daerah.¹²¹

¹²¹ Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Kepala pengurus BMT al-Khairat pada 11 Oktober 2008 di BMT al-Khairat Pamekasan

BMT Al-Khairat secara geografik berada sekitar tujuh kilometer dari pusat bandar namun demikian tidak menjatuhkan niat yayasan al-Khairat untuk membangun intitusi kewangan yang adil dan sesuai dengan syariah.

BMT Al-Khairat Pamekasan berada di di tempat yang cukup strategik kerana sebelahny ada Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI)¹²² al-Khairat dan juga berada di simpang tiga jalan lalu lintas, yakni dari Kecamatan Pegantenan, Kecamatan Palengaan dan Kecamatan Kota.¹²³ Keadaan yang demikian memberi kemudahan bagi pelanggan untuk mendatangi BMT sama ada yang bertempat tinggal di bandar mahupun yang di luar bandar.

Berkat ketekunan, keyakinan dan kemampuannya berkomunikasi dengan masyarakat dan berbagai-bagai pihak, BMT Al-Khairat kini memiliki lebih dari tiga ribu anggota yang terdiri dari berbagai-bagai latar belakang ekonomi dan pendidikan serta mampu menubuhkan modal usaha untuk pembangunan usaha-usaha kecil seperti kedai kitab, kedai telefon bimbit, dan alat-alat bangunan demi memenuhi permintaan pasaran¹²⁴.

3.2.3. Badan hukum BMT

Bank-bank Islam dan BPR Syariah diatur oleh Hukum Perbankan dan diawasi oleh Bank Indonesia. Namun peraturan-peraturan hukum bagi sektor BMT terdiri dari pengaturan sebagai berikut¹²⁵ :

1. Daripada perspektif kelembagaan, pendirian BMT didasarkan pada Surat Keputusan Menteri Dalam Negeri nomor 538/PPK/IV/1997 yang dikeluarkan

¹²² Kolej

¹²³ Bandar

¹²⁴ Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Kepala pengurus BMT al-Khairat pada 11 Oktober 2008 di BMT al-Khairat Pamekasan

¹²⁵ Minako Sakai dan Kacung Marijan (2008), *Policy Briefs : Mendayagunakan pembiayaan mikro Islami*, Australia : Crawford School of Economics and Government, h.2

tanggal 14 April 1997 tentang Status Badan Hukum Lembaga Keuangan Syariah.

2. Norma-norma yang mengatur keanggotaan BMT diatur oleh Hukum Islam dalam Kitab Undang-undang Hukum Dagang
3. Pengaturan tentang modal awal dan simpanan anggota diatur oleh Undang-Undang (UU) nomor 26 tahun 1992 tentang Koperasi.
4. Fungsi Baitul Mal diawasi oleh UU nomor 38/1999 tentang Pengelolaan Zakat.

3.2.4. Visi dan Misi

1.3.1. Visi BMT Al-Khairat Pamekasan

Menjadi institusi kewangan mikro syariah utama, terbaik dan dipercayai.

1.3.2. Misi BMT Al-Khairat Pamekasan

- i. Mendidik masyarakat untuk jujur, bertanggung jawab, profesional dan bermartabat
- ii. membantu dan memudahkan masyarakat mengembangkan kegiatan ekonomi produktifnya
- iii. menjaga kesucian umat dari praktik riba yang menindas dan dilarang agama
- iv. membangun dan mengembangkan sistem ekonomi yang adil, sehat dan bersih sesuai dengan syariah Islam.¹²⁶
- v. menciptakan sistem kerja yang cekap dan inovatif

¹²⁶ Data Internal BMT dalam Buku Panduan Pelaksanaan Kerja BMT al-Khairat di BMT al-Khairat Pamekasan, tidak diterbitkan.

3.2.5. Struktur Organisasi

Struktur Baitul Mal Wat Tamwil Al-Khairat adalah sebagai berikut¹²⁷ :

a. Rapat Umum Pemegang Saham

RUPS merupakan kekuasaan tertinggi dalam Baitul Mal Wat Tamwil Al-Khairat, di mana setiap anggota wajib menghadirinya.

b. Dewan Komite, tugasnya:

- i. Mewakili pendiri, Dewan Komite berkuasa membuat dasar umum serta pengawasan kegiatan Baitul Mal Wat Tamwil Al-Khairat sehingga sesuai dengan tujuan.
- ii. Melakukan pengawasan dalam bentuk:
 - a. Persetujuan pembiayaan untuk suatu jumlah tertentu.
 - b. Pengawasan tugas pengarah.
 - c. Memberikan persetujuan terhadap produk-produk yang akan dikeluarkan.

c. Dewan Syariah

Memberikan nasihat baik diminta maupun tidak kepada pengurus untuk kemajuan Baitul Mal Wat Tamwil Al-Khairat

d. Pengarah/ketua tugasnya :

- i. Memimpin jalannya Baitul Mal Wat Tamwil Al-Khairat sesuai dengan tujuan dan dasar umum yang ditetapkan dewan komisariat
- ii. Membuat rencana kerja secara bertahap, meliputi : rencana pemasaran, rencana pembiayaan, rencana biaya operasional, rencana keuangan.

¹²⁷ Data Internal BMT al-Khairat Pamekasan, tidak diterbitkan

iii. Membuat dasar khusus sesuai dengan dasar umum yang digariskan dewan komisariat

iv. Membuat laporan secara bertahap kepada Dewan Komisariat seperti :
Laporan Perubahan Baru, Laporan Perkembangan Perubahan, Laporan Kewangan,

e. Ketua Bidang Pemasaran

Melaksanakan kegiatan pelaksanaan kepada anggota serta melakukan pembinaan agar pembiayaan yang diberikan tetap berjalan dengan lancar

a. Pentadbiran Pembiayaan, bertugas :

Melakukan pentadbiran pembiayaan dan membuat laporan perkembangan pembiayaan

f. Penyelia Akauntan, Tugasnya :

- i. Melakukan pemeriksaan kepada pelanggan
- ii. Menganalisis proposal pembiayaan

g. Penyelia Pembiayaan, Tugasnya :

- i. Menerima usulan dan melakukan temubual analisis pembiayaan
- ii. Mengajukan persetujuan perubahan kepada pengarah.

h. Ketua Bidang Operasional

- i. Menangani administrasi kewangan
- ii. Menghitung bagi hasil
- iii. Menyusun laporan

i. Akauntan

- i. Mengerjakan jurnal dan buku besar
- ii. Melakukan perhitungan bagi hasil simpanan dan bagi hasil pembiayaan

- iii. menyusun laporan keuangan
- j. Juru keuangan
 - i. Bertindak sebagai penerima wang dan membuat bukti penerimaan
 - ii. Melayani dan membayar pengambilan simpanan
 - iii. Melakukan pembayaran sesuai dengan perintah pengarah

3.2.6. Produk-Produk yang ditawarkan BMT¹²⁸

Sesuai dengan tujuan utama dibentuknya BMT al-Khairat yaitu upaya untuk menyelamatkan umat dari bentuk transaksi dengan sistem ekonomi kapitalis dan riba, maka operasional BMT al-Khairat adalah dengan menggunakan pola syariah, sesuai dengan apa yang dilakukan oleh masyarakat Pamekasan. Artinya bahwa semua produk dan transaksi serta akad-akad yang ditawarkannya sesuai dengan ketentuan-ketentuan syariah Islam, namun dalam penerapannya dilakukan seperti pengembangan sebagai suatu upaya inovasi dalam memenuhi permintaan pasaran yang masih dalam batas-batas kewajaran, sehingga tetap tidak menyimpang dari garis-garis Sistem Ekonomi Syariah.

3.2.6.1. Pola Tabungan/Penghimpunan Dana (Funding)

Tabungan atau simpanan dengan prinsip *al-wadi'ah* yang merupakan simpanan murni adalah kemudahan yang ditawarkan oleh Bank Islam dan BMT untuk memberikan kesempatan pada pihak yang memiliki dana untuk menyimpan dana dalam bentuk *al-wadi'ah*. Di samping itu kemudahan ini juga diberikan kepada pihak pelanggan untuk tujuan investasi yang berorientasi kepada keuntungan bagi kedua belah pihak.¹²⁹

¹²⁸ Data Internal BMT dalam Buku Panduan Pelaksanaan Kerja BMT al-Khairat di BMT al-Khairat Pamekasan, tidak diterbitkan.

¹²⁹ Muhammad (2003), *Bank Syariah, Analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman*. Yogyakarta : Ekonisia, h..85

Oleh demikian, BMT sebagai penerima titipan sekaligus juga sebagai pihak yang telah memanfaatkan dana tersebut, tidak dilarang untuk memberikan insentif berupa hadiah dengan catatan tidak disyaratkan sebelumnya dan jumlahnya tidak ditetapkan dalam nominal, tetapi betul-betul merupakan kebijakan dari manajemen BMT.¹³⁰ Hal ini untuk saling menjaga kepercayaan yang telah terjadi antara penyimpan dana dengan institusi keuangan sebagaimana dengan firman Allah dalam al-Baqarah 283, al-Nisa' 58

فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي أُؤْتِمِنَ أَمْنَتَهُ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ

“akan tetapi jika sebagian kamu mempercayai sebagian yang lain, Maka hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanatnya (hutangnya) dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya”

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya”

Jenis-jenis tabungan/simpanan adalah sebagai berikut:

- 1) Tabungan al-Mudārabah
- 2) Tabungan al-Wadi'ah
- 3) Tabungan persiapan walimah
- 4) Tabungan menuaikan haji/umrah
- 5) Tabungan persiapan korban
- 6) Tabungan pendidikan

3.2.6..2. Pola Pembiayaan/ Penyaluran Dana (Financing)

Pola pembiayaan terdiri dari *bagi hasil* dan jual beli dengan *mark up* (tambahan atas modal) serta pembiayaan non profit.

¹³⁰ Syafii Antonio (2001), *Bank Syariah dari Teori ke Praktek*. Jakarta : Gema Insani Press, h. 87

1) Perkongsian Untung

Bagi hasil dilakukan antara BMT dengan pengelola dana dan antara BMT dengan penyedia dana (penyimpan/penabung). Bagi hasil ini dibezakan atas:

a) *Musyarakah*, adalah suatu perkongsian antara dua pihak atau lebih dalam suatu projek dimana masing-masing pihak berhak atas segala keuntungan dan bertanggungjawab atas segala kerugian yang terjadi sesuai dengan penyertaannya masing-masing.¹³¹ *Musyarakah* merupakan instrumen penting yang digunakan BMT untuk menyediakan pembiayaan selain *mudharabah*.

b) *al-Mudharabah*, adalah perkongsian antara dua pihak dimana pihak pertama (صاحب العمل) menyediakan dana dan pihak kedua (مضارب) bertanggung jawab atas pengurusan usaha. Keuntungan dibahagikan sesuai dengan nisbah keuntungan yang telah disepakati bersama terlebih dahulu ketika bersemuka. Manakala rugi, (صاحب العمل) akan kehilangan sebagian imbalan dari kerja keras dan pengurusan skill selama projek berlangsung selama kerugian itu bukan akibat dari kelalaian pengurus. Seandainya kerugian itu diakibatkan kecurangan dan kelalaian pengurus maka kerugian ditanggung oleh pengurus.¹³²

c) *al-Muzara'ah*, adalah kerjasama pemprosesan pertanian antara pemilik lahan dan orang yang menggarap, di mana pemilik lahan memberikan lahan kepada orang yang menggarap untuk ditanami dan dipelihara dengan imbalan bahagian tertentu dari hasil panen.¹³³

¹³¹ Sa'ad Al-Harran, dalam Heri Sudarsono (2004), *Bank dan Lembaga Keuangan Syariah Deskripsi dan Ilustrasi*, Yogyakarta : Ekonisia h. 67

¹³² Syafii Antonio (2001), *op.cit.*, h. 96.

¹³³ Syafii Antonio (2001), *op.cit.*, h. 98

d) *al-Musaqat*, adalah bentuk yang lebih sederhana dari *al-Muzara'ah* di mana sienggarapnya bertanggung jawab atas penyiraman dan pemeliharaan. Dan sebagai imbalannya orang yang menggarap berhak atas nisbah hasil lahan yang digarap.¹³⁴

2) Jual beli (*al-Bay'*) / Pengembangan Modal

Jual beli dengan mark up merupakan tatacara jual beli yang dalam pelaksanaannya, BMT mengangkat Pelanggan sebagai agen (yang diberi kuasa) melakukan pembelian barang atas nama BMT, kemudian BMT bertindak sebagai penjual kepada Pelanggan dengan harga sejumlah harga beli tambah keuntungan bagi BMT atau sering disebut margin/mark up.¹³⁵

Keuntungan yang diperoleh BMT akan dibahagi kepada penyedia dan penyimpan dana. Jenis-jenisnya adalah:

a) *al-Murabahah*, adalah pola jual beli barangan pada harga asal dengan tambahan keuntungan yang disepakati antara pihak Institusi Kewangan Syariah, dalam hal ini BMT dengan pelanggan.¹³⁶ Dalam praktiknya, pembayarannya dilakukan secara cicilan/sekali bayar setelah barang diserahkan kepada pelanggan.

b) *al-Bay' Bi Tsaman Ajil (BBA)*, adalah proses jual beli dimana pembayaran dilakukan secara lebih dahulu dan penyerahan barang dilakukan kemudian.

¹³⁴ *Ibid.*,

¹³⁵ Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Kepala pengurus BMT al-Khairat pada 11 Oktober 2008 di BMT al-Khairat Pamekasan

¹³⁶ Heri Sudarsono (2004), *op.cit.*, h. 62. Lihat juga Ataul Haque, dalam Syafi'I Antonio(2001), *op.cit.*, h. 101. Dan Umer Chapra (1997), *Al Quran Menuju Sistem Moneter Yang Adil*, Yogyakarta : Dana Bhakti Prima Yasa, h. 147.

c) *al-Bay' Al-Salam*, proses jual beli dimana pembayaran dilakukan terlebih dahulu dan penyerahan barang dilakukan kemudian.

d) *al-Istisna*, adalah kontrak tempah yang ditandatangani bersamaan antara pemesan dengan produsen untuk pembuatan jenis barang tertentu.

3) Sewa (*al-Ijarah*) dan Perkhidmatan (*al-Ajr*)

al-Ijarah adalah akad pemindahan hak guna atas barang atau jasa, melalui pembayaran upah sewa, tanpa diikuti dengan pemindahan kepemilikan (*ownership/milkiyyah*) atas barang itu sendiri.¹³⁷ Pada prinsipnya prinsip *al- al-Ijarah* sama dengan prinsip jual beli, namun perbedaannya terletak pada obyek transaksinya, dalam hal ini obyek transaksinya adalah perkhidmatan.¹³⁸

Dalam prinsip *al-Ijarah* ini terbahagi pada dua jenis¹³⁹ iaitu :

1. *al-Ijarah al-Mutlaqah*

Adalah akad pemindahan hak guna pemanfaatan barang atau jasa melalui pembayaran upah sewa, tanpa diikuti dengan pemindahan hak ke pemilikan atas barang tersebut.

2. *al-Ijarah al-Muntahiah bi al-Tamlik*

Adalah perpaduan antara jual beli dan sewa yakni akad sewa atas satu barang yang diakhiri dengan ke pemilikan atas barang tersebut di tangan penyewa.

Kemudian *al-Ajr* / perkhidmatan (pengambilan bayaran). Dalam prinsip *al-Ajr* ini ada lima macam akad¹⁴⁰ iaitu :

¹³⁷ Muhammad Rawas Qal'aji, dalam Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Bank Syariah Dari Teori Ke Praktek*, cetakan pertama, Jakarta : Gema Insani Press, h. 117.

¹³⁸ Muhammad, *op.cit.*, h. 93.

¹³⁹ Syafii Antonio (1999), *op.cit.* h.117

¹⁴⁰ *Ibid.*, h.120

1. *al-Kafalah* bererti jaminan yang diberikan oleh penanggung kepada pihak lain untuk memenuhi kewajibannya kepada pihak yang ditanggung, dengan kata lain, mengalihkan tanggungjawab seseorang yang dijamin kepada orang lain yang menjamin.¹⁴¹

2. *al-Wakalah* bererti penyerahan, pendelegasian mahupun pemberian amanah. Secara istilah *wakalah* yaitu pelimpahan kekuasaan oleh seseorang kepada yang lain dalam hal-hal yang diwakilkan.¹⁴² Dalam hal ini, BMT sebagai pemberi kuasa memberikan kuasa kepada pihak lain yang ditunjuk untuk mewakilinya dalam melaksanakan suatu tugas/kerja atas nama pemberi kuasa yakni BMT

3. *al-Hawalah* adalah suatu bentuk perjanjian pengalihan hak atau kewajiban dari pihak yang memilikinya/BMT kepada pihak lain yang menanggungnya. Dengan istilah lain *al-Hawalah* adalah pemindahan beban hutang dari *muhi* (orang yang berhutang) menjadi tanggungan *muhal alaihi* (orang yang berkewajiban membayar hutang).¹⁴³

4. *al-Rahn* adalah menahan suatu barang milik peminjam sebagai jaminan atas pinjaman yang diterimanya dan barang tersebut memiliki nilai ekonomi. Dengan demikian pihak yang menahan barang tersebut memperoleh jaminan untuk dapat mengambil kembali piutangnya.¹⁴⁴

5. *al-Qard* adalah pemberian harta kepada orang lain yang dapat dituntut atau diminta kembali, dengan kata lain *qard* adalah pemberian pinjaman tanpa mengharapkan ganjaran.¹⁴⁵

4) Pembiayaan Kebajikan (*Non Profit*)

¹⁴¹ Abu Bakar Ibnu Mas'ud al-Kasani, dalam Syafi'i Antonio. *Op.cit.*, h. 123.

¹⁴² Sayyid Sabiq (1985), *Fiqh Sunnah*, j.3. c.7. Bairut : Dar al-Kitab al-Arabi, h. 157.

¹⁴³ Syarbini al-Khatib, dalam Syafi'i Antonio, *op.,cit.* h. 126

¹⁴⁴ Wahbah Zuhaili (1984), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, j. 5, c. 4. Kairo : Dar Al-Fikr. h. 180

¹⁴⁵ *Ibid.*, h. 126. h. 820

Sistem ini disebut juga pembiayaan kebajikan. Sistem ini lebih bersifat sosial dan tidak bertujuan keuntungan. Dalam BMT pembiayaan ini sering dikenal dengan *Qard* yang bertujuan untuk kegiatan produktif yang secara aplikatif peminjam dana hanya perlu mengembalikan modal yang dipinjam dari BMT apabila sudah sampai masanya, yang tentu dengan beberapa syarat yang harus dipenuhi.¹⁴⁶

Pembiayaan *al-Qard al-Hasan* di BMT al-Khairat Pamekasan merupakan kemudahan pembiayaan dari pihak BMT kepada pelanggan atas dasar kemanusiaan dan rasa tanggungjawab antara sesama dalam erti kata, bahawa pihak BMT tidak mengharapkan keuntungan mahupun faedah dari pelanggan. Maka kemudahan ini tidak diberikan kepada semua pelanggan akan tetapi biasanya diberikan kepada pelanggan yang betul-betul memerlukan dan berhak menerimanya, membantu pelanggan yang betul-betul dalam keadaan kesusahan atau memerlukan sokongan kewangan dalam rangka meningkatkan ekonominya,¹⁴⁷ akan tetapi pihak BMT tidak menutup menerima tambahan pembayaran secara suka rela dari pelanggan yang bersangkutan sesuai kesepakatan dengan tidak mengikat dan besarnya pun tidak dibatasi sesuai dengan kerelaan pelanggan.

Pada prinsipnya *al-Qard al-Hasan* diberikan kepada orang-orang tertentu :

1. Mereka yang memerlukan pinjaman konsumtif tapi dalam jangka waktu yang relatif singkat untuk tujuan yang sangat penting dan mendesak.
2. Para pengusaha kecil yang mempunyai prospek perniagaan yang sangat baik dan kekurangan dana dalam mengembangkan kegiatan

¹⁴⁶ Muhammad Sayid Sabiq, *op.cit*, h.191. Lihat juga di Warkum Sumitro (1996), *Asas-Asas Perbankan Islam dan Lembaga Terkait*, Jakarta : PT. Raja Grafindo Persada, h. 39.

¹⁴⁷ Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Kepala pengurus dan En. Abdullah staff ahli BMT al-Khairat pada 11 Oktober 2008 di BMT al-Khairat Pamekasan

perniagaanya,¹⁴⁸ seperti modal untuk mengusaha kedai kopi, kedai pengisian kad, modal untuk pembiayaan penanaman tembakau, dan lai-lain lagi.¹⁴⁹

Adapun satu hal yang perlu diberi perhatian bahawa pinjaman *al-Qard al-Hasan* merupakan pinjaman lunak, maka konsekuensinya BMT al-Khairat tidak akan mendapatkan keuntungan sedikit pun dari pembiayaan jenis pembiayaan ini, sesuai dengan tujuannya yakni semata-mata hanya untuk membantu sesama. Dengan demikian, semakin banyak dana BMT al-Khairat Pamekasan tersebut di berikan untuk pinjaman *al-Qard al-Hasan*, maka akan semakin sedikit pula profitability BMT tersebut.

Mengingat *al-Qard al-Hasan* merupakan kemudahan untuk pengusaha kecil, maka dana diambil daripada dana zakat, infak dan sedekah yang dihimpun oleh BMT.

3.3 PROSEDUR PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN SEBAGAI INSTRUMEN PEMBIAYAAN

3.3.1. Pengelolaan Dana al-Qard al-Hasan


Dana *al-Qard al-Hasan* adalah dana sosial yang merupakan amanah dari masyarakat kepada BMT untuk dikelola. Oleh karena itu, pengelolaannya sangat diperhatikan dan sedaya upaya dioptimumkan untuk membantu kesejahteraan masyarakat sebagai bukti tanggungjawab selaku institusi kewangan Islam yang telah menawarkan pengelolaan dana zakat (infak dan sedekah) dan bertindak sebagai institusi amil dana tersebut.

Rajah 3.2 : pengelolaan dana zakat oleh BMT al-Khairat Pamekasan.¹⁵⁰

¹⁴⁸ *Ibid.*,

¹⁴⁹ Encik Mat Salleh, Zubahahri bin Abdullah, Hasan Basri. Pelanggan dana al-Qard al-Hasan untuk keperluan Produktif di BMT al-Khairat. Temubual pada 21-22 September 2010 di rumahnya.

Rajah Pengelolaan Dana al-Qard al-Hasan oleh BMT al-Khairat



3.3.1.1 Sumber-sumber Dana al-Qard al-Hasan

Konsep *al-Qard al-Hasan* diterapkan pada institusi kewangan BMT yang sebahagian dananya dihimpun dari dana zakat, infaq dan sedekah (ZIS) masyarakat melalui kerjasama pihak BMT dengan Lembaga Badan Amil Zakat, Infaq, dan sedekah (BAZIS) yang di mana penyalurannya digunakan untuk pemberian pembiayaan yang sifatnya hanya membantu, pemberian biasiswa bagi peserta yang berprestasi atau kurang mampu dalam membayar SPP dan membantu masyarakat yang perlu pengubatan dan keperluan konsumtif lainnya bagi mereka yang tidak mampu.¹⁵¹

Selain itu, dana bagi *al-Qard al-Hasan* adalah dana yang diberikan dari hasil keuntungan atau insentif dari jenis kemudahan lain seperti tabung mudarabah, tabung haji, wadiah, dan jenis produk perhimpunan dana sebagaimana yang ditawarkan BMT. Dengan kata lain pihak penabung hanya mengambil asasnya sahaja, sedangkan lebih sebagai hasil dari tabungan diserahkan sepenuhnya pada BMT untuk dikelola sebagai dana *al-Qard al-Hasan*.¹⁵²

¹⁵⁰ Rajah dibentuk berdasarkan temubual dengan En. A. Said Baidawi Ketua Pengerusi dan En. Abdullah staf ahli BMT al-Khairat

¹⁵¹ *Ibid.*,

¹⁵² *Ibid.*,

Pemberian dana zakat, infak dan sedekah ataupun keuntungan hasil dari pihak penabung, adalah tanggungjawab sepenuhnya oleh pihak BMT untuk menjadikan dana sosial yang dikelola dan untuk disalurkan kepada yang berhak.

3.3.1.2 Bentuk-bentuk pemberian kemudahan *al-Qard al-Hasan*

Adapun bentuk pemberian kemudahan *al-Qard al-Hasan* pada BMT, tidak jauh berbeza dari ketentuan yang pada umumnya diterapkan bagi jenis kemudahan ini, iaitu untuk pembiayaan konsumtif atau produktif.¹⁵³

i. Pembiayaan konsumtif

Pembiayaan konsumtif ini dimaksudkan bagi jenis pembiayaan yang bersifat langsung dan biasanya bersifat sangat mendesak untuk keperluan sementara, seperti ;

- a. Pembiayaan perubatan yang memerlukan pembiayaan tinggi, atau rendah tapi tidak mampu menanggung beban pembiayaan dari hospital tersebut.
- b. Pembiayaan dari sudut pendidikan.

Kebanyakan anggota masyarakat yang mampu menyekolahkan anaknya, tetapi memerlukan bantuan pinjaman untuk membiayai perbelanjaan pendidikan anaknya.

- c. Pinjaman untuk mencukupi keperluan asas sehari-hari.

ii. Pembiayaan produktif.

Pembiayaan ini merupakan pembiayaan yang memberi bantuan modal dalam sektor produksi, yang berupa ;

¹⁵³ *Ibid.*,

- a. Pemberian modal diberikan kepada pengusaha yang mengusahakan keusahawanan berskala kecil atau besar yang berpotensi untuk berkembang. Pengusaha ini memerlukan modal kerana mereka tidak mempunyai modal atau kekurangan modal seperti modal untuk membuka usaha kedai kopi, kedai pengisian kad, modal untuk pembiayaan penanaman tembakau, dan lain-lain..¹⁵⁴.
- b. Pemberian pinjaman untuk membeli alat kemudahan-kemudahan asas dalam rumah tangga.¹⁵⁵


Al-Qard al-Hasan merupakan kemudahan yang di dalamnya terdapat misi sosial. Misi sosial kemasyarakatan ini akan meningkatkan citra intitusi kewangan Islam dan meningkatkan kesetiaan pengguna terhadap bank syariah atau intitusi kewangan Islam. Akan tetapi risiko pembiayaan *al-Qard al-Hasan* tinggi kerana merupakan produk pembiayaan yang tidak diikat dengan jaminan.

Pada pengelolaan pinjaman *al-Qard al-Hasan* di BMT al-Khairat mengalami fluktuasi dalam pengembaliannya. Hal ini disebabkan banyaknya pelanggan pinjaman *al-Qard al-Hasan* bergantung pada musim tanaman yang digarap dan banyaknya keperluan keluarga pada masa itu, Hal ini dapat dilihat pada Rajah 3.3 Perkembangan *al-Qard al-Hasan* BMT al-Khairat tahun 2007-2009.

¹⁵⁴ Encik Mat Salleh, Zubahahri bin Abdullah, Hasan Basri. Pelanggan dana al-Qard al-Hasan untuk keperluan Konsumtif di BMT al-Khairat. Temubual pada 21-22 September 2010 di rumahnya.

¹⁵⁵ Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Ketua Pengurusi BMT al-Khairat pada 11 Oktober 2008 di BMT al-Khairat

Rajah 3.3 : Perkembangan *al-Qard al-Hasan* BMT al-Khairat (2007-2009)¹⁵⁶



Sumber : Data Internal BMT al-Khairat Pamekasan, diubahsuai dari temubual dan data BMT.

Pada laporan akhir tahun 2007 jumlah pinjaman *al-Qard al-Hasan* BMT al-Khairat telah dikeluarkan sebanyak Rp.7,543,000 dan pembayaran Rp. 9,011,000. Ini bererti pinjaman yang dikeluarkan mendapat keuntungan Rp.1,468,000 (19%). Manakala laporan akhir tahun 2008 jumlah pengeluaran *al-Qard al-Hasan* BMT al-Khairat mengalami peningkatan sebanyak Rp.10,250,000 (22%) dan pembayaran mencapai Rp.8,700,000, ini bererti terdapat tunggakan Rp.1,543,000 (15%). Begitu juga pada akhir tahun 2009 *al-Qard al-Hasan* yang dikeluarkan mengalami peningkatan sebanyak Rp. 11,900,000 (14%) dan pembayaran mencapai Rp.9,670,000, ini bererti terdapat tunggakan Rp.2,230,000 (18%).

Dari keterangan pengurusan pinjaman *al-Qard al-Hasan* di atas dapatlah disimpulkan bahawa pinjaman *al-Qard al-Hasan* yang dikawal dari sudut pengeluaran mengalami peningkatan manakala pembayarannya masih lagi mempunyai masalah dari pihak pelanggan.

Melalui hasil temu bual dengan Pengerusi BMT al-Khairat,¹⁵⁷ keuntungan yang didapati pada laporan akhir 2007 adalah kerana musim tanaman pada tahun tersebut mengalami

¹⁵⁶ Data Internal BMT al-Khairat Pamekasan, tidak diterbitkan dan Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Ketua Pengerusi BMT al-Khairat pada 20 September 2010 di BMT al-Khairat Pamekasan

keuntungan, jadi transaksi pinjaman sama ada produktif ataupun konsumtif hanya sedikit sahaja dilakukan. Pada tahun 2008 dan 2009 musim tanaman masyarakat telah banyak mengalami kerugian, sehingga transaksi pinjaman banyak dilakukan, namun pada tahun 2009 banyak transaksi dilakukan di pertengahan tahun dan musim tanaman banyak mengalami keuntungan dan kemungkinan besar juga akan terus mengalami keuntungan pada laporan akhir 2010.

3.3.2. Golongan Pelanggan Penerima Kemudahan Al-Qard Al-Hasan

Dalam pembahagian ini, pihak BMT tidak mewajibkan salah satu dari lapan golongan “*asnaf*”, atau mengutamakan satu golongan dengan membiarkan golongan lain sedangkan mereka sangat memerlukan pinjaman dana.

Adapun anggota masyarakat yang diutamakan oleh BMT adalah :

1. Golongan pengusaha kecil yang mempunyai potensi baik, namun terbatas dengan modal atau golongan yang berpotensi untuk maju tetapi akan jatuh muflis kerana kehabisan modal. Diharapkan dengan adanya pinjaman tersebut, perniagaannya beroperasi dengan lebih maju dan akan menyerap tenaga kerja baru. Maka secara tidak langsung pihak BMT juga akan memberikan peluang pekerjaan dan dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat sekaligus dapat membantu mereka.¹⁵⁸
2. Anggota masyarakat yang terjatuh hutang rentenir(along) yang berusaha untuk melepaskan diri.

¹⁵⁷ *Ibid.*,

¹⁵⁸ Encik Mat Salleh, Zubahahri bin Abdullah, Hasan Basri. Pelanggan dana al-Qard al-Hasan untuk keperluan Produktif di BMT al-Khairat. Temubual pada 21-22 September 2010 di rumahnya.

3. Anggota masyarakat yang memerlukan pinjaman dana untuk keperluan pendidikan anak, pembiayaan perubatan atau keperluan lain yang sangat diperlukan.¹⁵⁹
4. Golongan masyarakat yang tidak mampu membiayai keperluan asas keluarga seharian. Golongan ini termasuk fakir miskin.¹⁶⁰

3.3.3. Peminjaman Dana Al-Qard Al-Hasan Pada BMT

3.3.3.1 Persyaratan dan prosedur peminjaman al-Qard al-Hasan

BMT al-Khairat adalah institusi kewangan yang berfungsi untuk menyalurkan kembali dana yang dihimpun dari zakat, infaq dan sedekah. Oleh kerana itu, peranan BMT al-Khairat adalah sebagai badan yang berfungsi dalam menghimpun, menyalurkan dana tersebut di mana dalam pembiayaan *al-Qard al-Hasan*, BMT al-Khairat hanya akan mengenakan yuran pengurusan..

Syarat pinjaman bagi kemudahan *al-Qard al-Hasan* pada BMT tidak menyusahkan, pihak BMT hanya meletakkan syarat sekiranya ada kemahuan dari pihak pelanggan dan untuk kepentingan amanah. Ini kerana dana *al-Qard al-Hasan* dikhususkan pada pihak yang memerlukan pinjaman dana.

Walau bagaimanapun syarat umumnya tetap dalam bentuk ikatan atau perjanjian, kerana BMT merupakan satu institusi yang masih memerlukan setiap keputusannya berdasarkan ketetapan yang berlaku.

Di antara syaratnya adalah :

¹⁵⁹ Data Internal BMT al-Khairat dan Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Ketua Pengerusi BMT al-Khairat pada 11 Oktober 2008 di BMT al-Khairat

¹⁶⁰ Puan Siti Badriyah. Pelanggan dana al-Qard al-Hasan untuk keperluan Konsumtif di BMT al-Khairat. Temubual pada 22 September 2010 di rumahnya.

1. Calon pelanggan adalah seorang dewasa dan mampu memahami syarat yang telah ditetapkan.
2. Calon pelanggan adalah seorang yang sihat akal.
3. Calon pelanggan tidak muflis.¹⁶¹

3.3.3.2 Mengkaji kelayakan¹⁶² dan pembiayaan pengurusan penyaluran dana al-Qard al-Hasan

Kemudahan *al-Qard al-Hasan* diberikan pada anggota yang memohon pinjaman setelah diadakan observasi terhadap keperluan mengenai layak atau tidaknya menerima pinjaman tersebut. Pihak BMT telah memiliki anggota yang khusus untuk melakukan penyelidikan bagi menilai dan menentukan seseorang pelanggan tersebut dan yang paling penting adalah mengadakan bimbingan dan nasihat untuk bakal pelanggannya.

Cara tersebut sangat efektif, namun tidak banyak pihak yang benar-benar layak atau memerlukan kemudahan ini. Di samping itu, pihak BMT bertanggungjawab atas segalanya kerana kepercayaan pihak-pihak yang telah melabur dana untuk dikendali oleh pihak BMT agar dana tersebut tidak menjadi dana mati.

Setelah segala syarat dipenuhi, maka calon pelanggan akan menjalani prosedur yang telah ditetapkan pihak BMT :

1. Mengisi borang yang telah disediakan oleh pihak BMT.
2. Usahanya boleh dianalisis (dinilai dari sudut kelayakan).
3. Menyerahkan rujukan dari tokoh masyarakat, ulama setempat, ta'mir masjid, mahupun masyarakat sekitar.

¹⁶¹ Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Ketua Pengerusi BMT al-Khairat pada 09 mei 2008 di BMT al-Khairat Pamekasan.

¹⁶² Mengkajikelayakan (*a Feasibility Study*) adalah penelitian yang mendalam terhadap suatu idea bisnis tentang layak atau tidaknya idea tersebut untuk dilaksanakan sehingga menghasilkan cara yg efektif untuk mengurangi dampak negatif dari investasi seperti tidak tercapainya pengembalian modal keuntungan (*return of investment*).

4. Menyerahkan salinan fotostat kad pengenalan suami/isteri atau kad pengenalan keluarga.
5. Membayar wang pengurusan

Pada jenis ini pinjaman ini oleh BMT, calon pelanggan hanya akan dikenakan bayaran pengurusan bersifat sukarela, sebanyak 1000,- sampai 2000,- dan kemudian akan masuk kembali ke dalam dana *al-Qard al-Hasan*.¹⁶³

Kemudian pada akad perjanjian, pihak BMT menentukan jumlah yang akan diberikan setelah dan sebelumnya terjadi tawar menawar jumlah pinjaman, dan kesanggupan cara pembayaran yang akan dibayar oleh pelanggan ketika pada waktu pembayaran kembali pinjaman.

Khusus pada pelanggan yang mengambil pinjaman Produktif, ketentuan jumlah pinjaman dan waktu pengembalian wajib ditetapkan sebelumnya dengan tujuan untuk mendisiplinkan mereka dalam menjalankan usaha membayar sehingga mereka dapat membiasakan diri membayar tepat pada waktu pengembalian pinjaman tersebut.¹⁶⁴

Kemudian BMT al-Khairat akan melakukan analisis dari aspek usaha, dan keperluan pelanggan. Jika persyaratan telah dipenuhi maka BMT al-Khairat akan merealisasikan pembiayaan sesuai dengan persetujuan bersama dengan pelanggan dan dengan itu terjadilah akad *al-Qard al-Hasan*.

Khusus pada pelanggan yang mengambil pinjaman konsumsif, kajian kelayakan diadakan mengikut keadaan dan keterangan-keterangan dari sumber yang dipercayai sehingga pemberian pinjaman *al-Qard al-Hasan* yang diberikan adakalanya tidak akan

¹⁶³ Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Ketua Pengerusi dan En. Abdullah staff ahli BMT al-Khairat pada 11 di BMT al-Khairat Pamekasan

¹⁶⁴ Encik Mat Salleh, Zubahahri bin Abdullah, Hasan Basri. Pelanggan dana al-Qard al-Hasan untuk keperluan Produktif di BMT al-Khairat. Temubual pada 21-22 September 2010 di rumahnya.

ditetapkan tempoh waktu pengembalian pinjaman tersebut tetapi hanya dimaklumkan supaya membayar jika mempunyai lebih wang dari keperluan keluarga.¹⁶⁵

Anggota masyarakat yang memperoleh pinjaman *al-Qard al-Hasan* yang diwakili anggota BMT, kebiasaannya prosedurnya lebih mudah, kerana kebiasaannya pihak BMT akan mendapat maklumat terlebih dahulu dari tokoh masyarakat atau tokoh agama setempat. Dengan itu, sedikit banyak perusahaannya telah diketahui dan dianalisis sama ada layak atau tidak.¹⁶⁶ Bahkan tanpa persyaratan sekalipun, pinjaman *al-Qard al-Hasan* dapat diberikan jika keadaan pelanggan memang sangat memerlukan dan sememangnya layak untuk menerimanya.¹⁶⁷

3.3.3.3 Jumlah Pembiayaan *al-Qard al-Hasan*

3.3.4.1 Dalam pembiayaan *al-Qard al-Hasan* di BMT al-Khairat, jumlah wang yang diberikan adalah; maksimum Rp. 1.000.000 dan minimum Rp. 500.000,-, jumlah wang yang diberikan dalam pembiayaan ini tidak sama dengan pembiayaan-pembiayaan yang lain misalnya: (*Mudarabah*, *Murabahah* dan *Musyarakah*) kerana tidak semua orang boleh mendapatkan pembiayaan *Al-Qard al-Hasan*.

Jenis perusahaan yang mendapatkan pinjaman pembiayaan *Al-Qard al-Hasan* adalah jenis perusahaan peringkat pertengahan ke bawah contohnya jenis perusahaan warung kopi sederhana, jenis perusahaan tanaman dan perusahaan-perusahaan lainnya yang tergolong dalam peringkat pertengahan ke bawah.

Selain usaha, pinjaman pembiayaan *al-Qard al-Hasan* juga diberikan kepada orang yang memerlukan (tidak berkemampuan) untuk membiayai keperluan asas keluarga,

¹⁶⁵ Encik Mat Tambih. Pelanggan dana al-Qard al-Hasan untuk keperluan Konsumtif di BMT al-Khairat. Temubual pada 22 September 2010 di rumahnya.

¹⁶⁶ Hasil temubual dengan En. Abdullah staf ahli BMT al-Khairat pada 11 mei 2008 di BMT al-Khairat Pamekasan.

¹⁶⁷ Encik Abdul Hadi. Pelanggan dana al-Qard al-Hasan untuk keperluan Konsumtif di BMT al-Khairat. Temubual pada 22 September 2010 di rumahnya.

perubatan, pendidikan, dan juga diberikan kepada institusi-institusi sosial yang memerlukan.

3.3.4. Sistem Pengembalian al-Qard Al-Hasan

Pembayaran kembali pinjaman *al-Qard al-Hasan* disesuaikan dengan akad seperti mana yang terdapat di dalam perjanjian sebelumnya, di mana pelanggan sendiri yang menentukan kesanggupan mengembalikan pinjaman tersebut dan dipersetujui oleh pihak BMT.

Dalam pembayaran balik, pihak BMT menyarankan agar para pelanggan(dengan kerelaannya) memberikan imbalan (infak) sebagai ucapan terima kasih atas dana pinjamannya, dan kemudian pihak BMT menggunakan wang tambahan tersebut untuk dimasukkan ke dalam modal dana *al-Qard al-Hasan*. Namun demikian, saranan tersebut bukan

merupakan perjanjian rasmi dan tidak dianggap mutlak oleh BMT.¹⁶⁸

3.3.4.2 Jaminan dalam Pembiayaan

BMT al-Khairat dalam memberikan pembiayaan menggunakan prinsip jaminan untuk menentukan kebijaksanaan penilaian permohonan pembiayaan yang akan diberikan, iaitu harus mempunyai keyakinan terlebih dahulu terhadap kemampuan dan kesanggupan bakal pelanggan dalam mengembalikan pinjaman. Hal ini sesuai dengan, pasal 8 ayat 1 Undang-Undang Perbankan yang berbunyi “*Dalam pemberian kredit pembiayaan berdasarkan analisis yang mendalam atas itikad dan kemampuan serta kesanggupan Pelanggan / debitur untuk melunasi hutangnya.*”¹⁶⁹

¹⁶⁸ Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Ketua Pengerusi BMT al-Khairat pada 09 mei 2008 di BMT al-Khairat Pamekasan.

¹⁶⁹ Undang-Undang Perbankan No 10 Tahun 1998, *Tentang Bank Indonesia*, h.18.

Untuk menjamin pembayaran kembali hutang oleh pelanggan kepada BMT al-Khairat, maka pelanggan memberikan jaminan yang dibuat pada surat perjanjian atau kesepakatan pada realisasi pembiayaan. BMT al-Khairat. Dalam hal ini hanya satu jenis jaminan diterapkan untuk pembiayaan *al-Qard al-Hasan*.

Jaminan Pelanggan koperasi yang berupa kepercayaan. Pelanggan BMT al-Khairat adalah orang Muslim yang setiap perilakunya tidak hanya terkesan terhadap sesama manusia tetapi juga memiliki tanggungjawab moral kepada Allah, oleh karena itu, pihak BMT percaya bahwa mereka akan bersifat jujur untuk melunasi pembiayaan tersebut dengan kesepakatan yang dibuat.¹⁷⁰

Karena sifat pembiayaan *al-Qard al-Hasan* adalah pinjaman kebajikan yang bersifat sosial, maka jaminan berupa material harta atau benda berharga tidak diterapkan dalam pembiayaan ini.

3.3.4.3 Ingkar janji yang dilakukan oleh Pelanggan

Pelanggan dinyatakan ingkar janji jika :

- a. Pelanggan tidak melaksanakan kewajiban pembayaran tepat pada waktu sesuai dengan perjanjian yang disepakati.
- b. Pelanggan telah memberikan dokumen dan keterangan yang tidak benar.

Apabila terjadi hal- hal tersebut di atas, meskipun dalam akadnya pelanggan berjanji akan mengembalikan pada waktu yang telah sepakati tetapi karena atas alasan tertentu tidak dapat memenuhi perjanjian tersebut, pihak BMT al-Khairat masih memberikan

¹⁷⁰ Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Ketua Pengerusi BMT al-Khairat pada 09 mei 2008 di BMT al-Khairat Pamekasan.

kelonggaran waktu dan kesempatan kepada pelanggan untuk mengembalikan pinjaman tersebut selama 30 hari, dimulai sejak diterimanya pemberitahuan.¹⁷¹

Jika dengan peringatan tersebut tidak dihiraukan lagi oleh pelanggan, maka pihak BMT al-Khairat akan datang ke tempat kediaman pelanggan dengan melihat alasan kenapa pelanggan tersebut tidak menunaikan perjanjian, jika pelanggan tersebut mengalami kesusahan dalam perusahaannya dan menyatakan mereka tidak mampu lagi membayar sejumlah pinjaman itu maka pihak BMT al-Khairat akan ikhlas menganggapnya sebagai sedekah. Bahkan bagi pelanggan *al-Qard al-Hasan* yang membuat pinjaman keperluan perubatan dan keperluan asas keluarga yang memang tidak mempunyai kemampuan untuk membayar dan pihak BMT mempunyai keyakinan mereka memang tidak berkemampuan membayar dengan melihat kondisi keluarganya, hanya memberikan penjelasan untuk membayar jika sudah ada wang lebihan dari keperluan asas keluarga.¹⁷²

Terdapat beberapa kes, di mana dana *al-Qard al-Hasan* tidak dibayar kembali sepenuhnya. Bahkan ada yang 100% tidak mengembalikan pinjaman tersebut. Maka bagi kes ini, pihak BMT tidak dapat mengambil tindakan kerana dana tersebut berasal dari dana zakat, infak dan sedekah. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pelanggan yang tidak dapat mengembalikan pinjaman atas sebab-sebab tertentu seperti ditimpa musibah di luar kemampuan manusia maka pihak BMT memberi kelonggaran kepada pelanggan tersebut supaya tidak mengembalikan wang yang dipinjam. Kerana tidak ada jaminan dalam pembiayaan ini maka tidak ada penyitaan terhadap jaminan seperti pembiayaan-pembiayaan yang lain¹⁷³

¹⁷¹ Hasil temubual dengan En. A. Said Baidawi Ketua Pengerusi BMT al-Khairat pada 09 Mei 2008 di BMT al-Khairat Pamekasan.

¹⁷² Encik Abdul Hadi, Mat Tambih dan Siti Badriyah. Pelanggan dana al-Qard al-Hasan untuk keperluan Konsumtif di BMT al-Khairat. Temubual pada 22 September 2010 di rumahnya.

¹⁷³ Data Internal BMT dan Hasil wawancara dengan En. A. Said Baidawi Ketua Pengerusi BMT al-Khairat pada 09 Mei 2008

Berikut adalah profil pembiayaan *al-Qard al-Hasan* oleh pelanggan BMT al-Khairat, Temu bual ini dilakukan terhadap 6 orang pelanggan yang terbagi kepada 3 orang pelanggan yang mengambil pembiayaan produktif dan 3 orang mengambil pembiayaan konsumtif. Temu bual ini bertujuan mengetahui sebahagian maklumat dari pelanggan *al-Qard al-Hasan* di BMT al-Khairat.

Jadual 3.1 : Profil pembiayaan *al-Qard al-Hasan* oleh Pelanggan BMT al-Khairat¹⁷⁴

No	N a m a	Pekerjaan dan Pendapatan	Model pembiayaan dan keperluan	Jumlah pinjaman (Rupiah)	Tempoh & cara pembayaran	Kefahaman terhadap al-Qard al-Hasan
01	Mat Salleh	Petani, Rp. 35,000 setiap hari	Produktif , Buka usaha kedai kopi	1,000,000	6 bulan dan dapat membayar pada masa 5 bulan	Dana al-Qard al-Hasan hanya untuk orang yang memerlukan dan tidak berada
02	Zubahri bin Abdullah	Petani, Rp. 20-30,000 setiap hari	Produktif , Buka usaha kedai isi ulang kad	800,000	9 bulan dan hanya dapat membayar Rp. 400,000, kekurangannya belum	Tidak memahami tentang Dana al-Qard al-Hasan dan diberitahu kawan tentang pinjaman tersebut
03	Hasan Basri	Petani, Rp. 10-20,000 setiap hari	Produktif , Biaya tanaman tembakau	1,000,000	6 bulan dan hanya dapat membayar Rp. 750,000, kekurangannya belum	Tidak memahami tentang Dana al-Qard al-Hasan dan hanya tahu bahwa pinjaman tersebut hanya untuk orang miskin
04	Mat Tambih	Petani, Pendapatan tak pasti	Konsumtif Perubatan istri sakit malaria atau demam denggi	750,000	Tidak terikat waktu, dibayar jika sudah ada wang lebih dari keperluan	Tidak memahami tentang Dana al-Qard al-Hasan dan diberitahu kawan tentang pinjaman tersebut
05	Abdul Hadi	Petani, Pendapatan tak pasti	Konsumtif , Perubatan istri sakit tyfus	450,000	Tidak terikat waktu, dibayar jika sudah ada wang lebih dari keperluan	Sedikit sebanyak memahami Dana al-Qard al-Hasan dari penjelasan pengurus BMT al-Khairat yang mendatangi
06	Siti Badriyah	Petani, Pendapatan tak pasti	Konsumtif , Keperluan asas keluarga	200,000	Tidak terikat waktu, dibayar jika sudah ada wang lebih dari keperluan	Tidak memahami Dana al-Qard al-Hasan. Pihak BMT yang mendatangi atas laporan masyarakat

¹⁷⁴ Jadual diubahsuai dari hasil temu bual terhadap enam pelanggan al-Qard al-Hasan, pada tarikh 21-22 September 2009

Dari jadual profil di atas dapat diambil kesimpulan bahwa majoriti pelanggan yang menggunakan kemudahan *al-Qard al-Hasan* adalah petani yang berpenghasilan 10,000 – 35,000. Bahkan sebahagian mereka tidak mempunyai penghasilan tetap dalam setiap harinya bergantung pada kesempatan kerja yang diberikan orang lain. Pembiayaan produktif yang diajukan untuk pembiayaan keusahawanan berskala kecil seperti kedai kopi, kedai pengisian pulsa/kad. Manakala pembiayaan konsumtif diajukan untuk keperluan mendesak dalam keluarga seperti pembiayaan perubatan orang sakit, keperluan asas keluarga seharian.

Kemudian dari segi tempoh dan jumlah pinjaman, didapati berbeza-beza mengikut kepada keperluan yang diajukan, untuk kepentingan produktif atau keusahawanan wang yang diberikan maksimum Rp. 1,000,000 dan waktu pembayaran mesti ditentukan dalam perjanjian dengan tujuan untuk mewujudkan disiplin yang tinggi dalam perusahaannya, kebiasaannya 6 bulan sampai 12 bulan atau mengikut perjanjian yang dibuat sebelumnya. Manakala untuk keperluan konsumtif atau asas keluarga terpulang pada kajian kelayakan yang dilakukan oleh pihak BMT dan ada yang tidak terikat dengan perjanjian dengan waktu pengembalian, hanya diberi arahan supaya membayar wang pinjaman jika memperoleh wang lebih dari keperluan bahkan ada sebahagian yang terus dibebaskan dari pembayaran.

Dari segi eksistensi *al-Qard al-Hasan*, sebahagian daripada mereka tidak mengetahui adanya kemudahan ini, mereka mengetahui setelah diberitahu orang lain dan sebahagian menganggap bahawa jenis pinjaman tersebut bebas bagi sesiapa saja terutama orang yang tidak mampu dan ada juga yang didatangi terus oleh pihak BMT atas laporan masyarakat bahawa orang tersebut sedang memerlukan bantuan kewangan, biasanya ini terjadi kepada mereka yang mempunyai keperluan mendesak seperti perubatan, dan keperluan asas keluarga yang lain.

3.4 PERMASALAHAN YANG DI HADAPI SERTA POLISI YANG DIAMBIL PIHAK BMT AL-KHAIRAT

Banyak permasalahan muncul bersamaan dengan pengelolaan *al-Qard al-Hasan* yang dilaksanakan oleh BMT, iaitu :

1. Kebanyakan calon pelanggan yang datang sendiri, menganggap bahawa jenis pinjaman tersebut bebas bagi sesiapa saja sehingga ada di antara mereka yang datang tanpa alasan yang kukuh.
2. Terdapat juga pelanggan yang tidak mengembalikan pinjamannya atau mampu mengembalikan sebahagian sahaja menganggap bahwa dana tersebut adalah sebahagian dari hak mereka dan tidak perlu dikembalikan.
3. Berpindah tempat tinggal,¹⁷⁵ sementara perjanjian dengan BMT masih berlangsung yang mengakibatkan terputus hubungan antara keduanya.

Di antara langkah yang diambil oleh pihak BMT untuk menyelesaikan permasalahan yang terjadi adalah;

1. Memberikan pengertian akan hakikat *al-Qard al-Hasan* kepada pelanggan yang kurang mengetahui akan tujuan kemudahan tersebut, agar mereka mengetahui dan memahami prosedurnya.
2. Memberikan kelonggaran waktu kepada pelanggan yang berpindah tempat tinggal tanpa memberitahu pihak BMT, atau pelanggan yang mengalami masalah dalam mengembalikan pinjamannya.

¹⁷⁵ Berpindah tempat tinggal tanpa memberitahukan kepada pihak BMT, tidak memberikan alamat barunya sehingga tidak berhubung lagi dengan pihak BMT.

3. Memberi penerangan kepada pelanggan yang tidak mahu membayar pinjaman, melalui tokoh masyarakat, ataupun ulama setempat, bahwa dana tersebut adalah dana bertukar ganti yang diperlukan juga oleh anggota masyarakat yang lain.¹⁷⁶

3.5 FAKTOR PENYOKONG DAN PENGHALANG KEBERHASILAN PENGELOLAAN AL-QARD AL-HASAN

Faktor penyokong keberhasilan adalah segala faktor yang sedikit banyak akan membantu dan memberi pengaruh terhadap keberhasilan pengelolaan *al-Qard al-Hasan*, baik dari pihak BMT, pelanggan atau yang lain dari dua pihak tersebut.

Adapun yang menjadi faktor penyokong keberhasilan adalah :

- i. Majoriti penduduk terutama di daerah operasinya adalah Muslim. Hal ini sangat menguntungkan, bahkan menjadi faktor utama, kerana sumber utama *al-Qard al-Hasan* adalah dana ZIS yang menjadi salah satu kewajipan bagi umat Islam.
- ii. Kesedaran beragama dalam masyarakat semakin meningkat, di mana ia menjadi modal utama atas kelancaran pengelolaan *al-Qard al-Hasan*.
- iii. Lokasi BMT al-Khairat yang strategik di mana berhampiran dengan jalan raya yang sentiasa dilalui oleh masyarakat.

Faktor penghalang keberhasilan adalah segala faktor yang menghalang terhadap keberhasilan pengelolaan *al-Qard al-Hasan*, baik dari pihak BMT, pelanggan atau pihak yang lain.

Adapun faktor penghalang keberhasilan *al-Qard al-Hasan* adalah :

¹⁷⁶ Hasil temubual dengan A. Said Baidawi, Ketua Pengerusi BMT al-Khairat di pamekasan, dan Abdullah staf Ahli pada 23 juni 2008 di BMT al-Khairat Pamekasan

- i. Produk pembiayaan jenis kemudahan *al-Qard al-Hasan* masih belum dikenali di kalangan masyarakat secara meluas, bahkan sebahagian pelanggan ada yang belum mengetahui wujudnya pembiayaan jenis *al-Qard al-Hasan*. Mereka hanya mengetahui setelah memerlukan pembiayaan atas saranan yang diberikan oleh masyarakat.¹⁷⁷
- ii. Terdapat anggapan masyarakat menyatakan bahwa kemudahan tersebut merupakan jenis kemudahan sosial yang tidak perlu dikembalikan.
- iii. Belum adanya sosialisasi pembayaran zakat secara meluas, sehingga banyak masyarakat yang belum mengetahui dan sedar kewajipan membayar zakat.
- iv. Kebanyakan masyarakat yang telah membaya zakatnya, hanya sekadar memenuhi kewajipannya dan seolah-olah tidak peduli dengan hakikat pembahagian dana tersebut.
- v. Kebanyakan pelanggan menganggap bahawa jenis pinjaman tersebut adalah pinjaman yang bebas untuk sesiapa sahaja sehingga ada di antara mereka datang tanpa sebarang alasan yang kukuh untuk membuat pinjaman, kecuali hanya kepentingan imitatif sahaja.¹⁷⁸

3.6 KESIMPULAN

BMT ialah merupakan institusi kewangan yang menggunakan prinsip syariah. Oleh yang demikian agama Islam yang berteraskan al-Quran dan Hadith mementingkan juga kehidupan duniawi yang baik dengan mengajarkan kepada umatnya bagaimana

¹⁷⁷ Encik Abdul Hadi, Mat Tambih dan Siti Badriyah. Pelanggan dana al-Qard al-Hasan untuk keperluan Konsumtif di BMT al-Khairat. Temubual pada 22 September 2010 di rumahnya.

¹⁷⁸ Wawancara dengan A. Said Baidawi, Ketua Pengerusi BMT al-Khairat di Pamekasan, dan Abdullah staf Ahli pada 23 juni 2008

menangani ekonomi yang baik untuk mencapai kehidupan dunia yang baik pula di samping mendapatkan kehidupan yang baik di akhirat. Islam menghendaki adanya keseimbangan antara kehidupan dunia dan akhirat, kerana dengan memperoleh kehidupan yang baik di dunia dan akhirat akan dapat menjamin kesejahteraan zahir dan batin.

Al-Qard al-Hasan merupakan produk pembiayaan relatif yang baru diperkenalkan kepada masyarakat. Mulai dari pengelolaan dana, pentadbiran, kelayakan pemberian pinjaman, kadar lebihan yang dikenakan kepada peminjam dengan alasan kos perkhidmatan, sistem pengembalian, serta kriteria calon pelanggan untuk kemudahan tersebut.

Pembiayaan *al-Qard al-Hasan* di BMT al-Khairat Pamekasan merupakan kemudahan pembiayaan dari pihak BMT kepada pelanggan atas dasar kemanusiaan dan khidmat tanggungjawab antara sesama dalam erti bahwa pihak BMT tanpa mengharapkan keuntungan mahupun faedah dari pelanggan. Maka kemudahan ini tidak diberikan kepada semua pelanggan akan tetapi biasanya diberikan kepada pelanggan yang benar-benar memerlukan dan berhak menerimanya, supaya dapat menolong pelanggan yang berada dalam kesusahan atau memerlukan sekongan bantuan kewangan dalam rangka meningkatkan ekonominya.

Maka dalam hal ini pelanggan hanya diwajibkan untuk membayar kembali hutang asasnya sesuai dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan yang pada prinsipnya *al-Qard al-Hasan* diberikan kepada orang-orang tertentu. Mereka yang memerlukan pinjaman konsumtif tapi dalam jangka waktu yang relatif singkat untuk tujuan yang sangat penting dan mendesak dan juga para pengusaha kecil yang mempunyai prospek keusahawanan yang baik tapi tidak mempunyai modal untuk menguruskannya.

BAB IV

ANALISIS TERHADAP AL-QARD AL-HASAN SEBAGAI INSTRUMEN PEMBIAYAAN BMT AL-KHAIRAT

4.1. PENDAHULUAN

Institusi kewangan syariah seperti BMT adalah sebagai penghubung dari bank Syariah untuk menjangkau sektor usaha mikro dan kecil sehingga pelanggan dapat mengatasi masalah kewangan yang dihadapi dengan adanya institusi kewangan yang berbasis kerakyatan ini. *al-Qard al-Hasan* merupakan pinjaman yang dikelola oleh BMT al-Khairat untuk membantu masyarakat yang mengalami masalah kewangan sehingga diperlukan pengelolaan yang baik.

Dapatan dalam kajian ini adalah berpandukan kepada hasil mendapat maklumat melalui sumber-sumber primer dan sumber skunder. Hasil dapatan daripada sumber-sumber primer akan dianalisa dengan hasil dapatan daripada sumber-sumber skunder sama ada ia mempunyai kaitan dan hubungan antara satu sama lain ataupun sebaliknya. Oleh itu, bab ini akan menganalisis terhadap institusi kewangan syariah iaitu BMT al-khairat dan analisis terhadap pembiayaan *al-Qard al-Hasan* serta hubungkait antara prosedur yang ditetapkan dan pelaksanaan pembiayaan *al-Qard al-Hasan* di BMT al-Khairat dengan konsep dan amalannya menurut perspektif fiqh.

Dalam bab ini pula analisis dilakukan dengan menggunakan maklumat yang didapati dari sumber-sumber primer dan sumber-sumber sekunder mengenai pelaksanaan prosedur *al-Qard al-Hasan* di lapangan sebagai instrumen pembiayaan oleh BMT Al-Khairat dari perspektif syariah sama ada dari segi institusi kewangan yang mengelola mahupun ketepatan prosedur yang ditetapkan.

4.2. ANALISIS TERHADAP PENUBUHAN BMT

4.2.1 Pengenalan

Definisi BMT Secara garis besar memiliki 2 fungsi utama¹⁷⁹ *Bayt al-Mal* institusi yang mengarah pada usaha-usaha pengumpulan dan penyaluran dana yang non profit, iaitu seperti zakat, infaq, dan sedekah. *Bayt al-Tamwil* : institusi yang mengarah pada usaha pengumpulan dan penyaluran dana komersial.

Dari definisi Sudarsono di atas dapat disimpulkan bahawa BMT mempunyai dua fungsi, iaitu fungsi non profit institusi sebagai landasan sejarah bahawa *Bayt al Mal* pada masa Islam klasik adalah berfungsi sebagai dana umat dan pengimbang perekonomian, manakala fungsi kedua yaitu fungsi keuntungan institusi kerana sebagai penghubung dari bank Syariah untuk menjangkau sektor usaha mikro dan kecil sehingga diperlukan institusi kewangan seperti bank sehingga dapat menjangkau sektor tersebut.

Menurut Makhalul 'Ilmi, secara istilah pengertian *Baitul Mal* adalah institusi kewangan berorientasikan sosial keagamaan yang kegiatan utamanya menampung serta menyalurkan harta masyarakat berupa zakat, infak, sedekah (ZIS) berdasarkan ketentuan yang telah ditetapkan al-Quran dan sunah Rasul-Nya, dan pengertian dari *Baitul Tamwil* adalah, institusi kewangan yang kegiatannya menghimpun dana masyarakat dalam bentuk tabungan (simpanan) mahupun deposit dan menyalurkan kembali ke masyarakat dalam bentuk pembiayaan berdasarkan prinsip syariah melalui sistem yang lazim dalam dunia perbankan.¹⁸⁰

Sebagai institusi kewangan, BMT lebih mengembangkan usahanya pada sektor kewangan, yakni simpanan dan pinjaman. Usaha ini seperti usaha perbankan yakni

¹⁷⁹ Heri Sudarsono (2007), *Bank dan Lembaga Keuangan Syariah: Deskripsi dan Ilustrasi*, c.4., Yogyakarta : Ekonosia., h. 43.

¹⁸⁰ Makhalul Ilmi (2002), *Teori dan Praktek Lembaga Mikro Keuangan Syariah*, c. 1, Yogyakarta : UII Press, h. 64.

menghimpun dana anggota dan ahli anggota (pelanggan) serta menyalurkan kepada sektor ekonomi yang halal dan menguntungkan. Namun demikian, terbuka luas bagi BMT untuk mengembangkan perniagaannya pada sektor kewangan lain yang dilarang dilakukan oleh institusi kewangan bank kerana BMT bukan Bank, maka ia tidak patuh pada aturan bank.

Dari sudut hukum Indonesia, badan hukum yang paling baik untuk BMT adalah koperasi, baik Koperasi Serba Usaha (KSU) mahupun Koperasi Simpan Pinjam (KSP). Hal ini, memungkinkan untuk membentuk perundangan tersendiri, kerana sistem operasional BMT tidak sama seperti pengkoperasian, contohnya institusi Kewangan Mikro (LKM) syariah yang lain.¹⁸¹

BMT biasanya berada di lingkungan masjid, Pondok Pesantren, Majlis Taklim, pasar mahupun di lingkungan pendidikan. Biasanya yang menyumbang penubuhan BMT adalah para *aghniya'* (dermawan), pemuka agama, pengurus masjid, pengurus majlis taklim, pimpinan pondok pesantren, cendekiawan, tokoh masyarakat, pensyarah dan pendidik. Peranan serta kelompok masyarakat tersebut adalah berupa sumbangan pemikiran, penyediaan modal awal, bantuan penggunaan tanah dan gedung ataupun kantor. Untuk menunjang permodalan, BMT membuka kesempatan untuk mendapatkan sumber permodalan yang berasal dari zakat, infaq, dan sedekah dari orang-orang tersebut. Hasil kajian Pusat Inkubasi Bisnis Usaha Kecil 1998 menunjukkan bahawa institusi pendanaan yang saat ini berkembang memiliki kekuatan antaranya ialah¹⁸²:

- a. Mandiri dan mengakar di masyarakat,
- b. Bentuk organisasinya sederhana,
- c. Sistem dan prosedur pembiayaan mudah,
- d. Memiliki jangkauan pelayanan kepada pengusaha mikro.

¹⁸¹ Muhammad Ridwan (2004), *Manajemen Baitul Maal Wat Tamwil*. Yogyakarta : UII Press, h. 124

¹⁸² Hasil kajian Pusat Inkubasi Bisnis Usaha Kecil (1998)

Adapun kelemahannya adalah :

- a. Skala usaha kecil,
- b. Permodalan terbatas,
- c. Sumber daya manusia lemah,
- d. Sistem dan prosedur belum baku.

Untuk mengembangkan institusi tersebut dari kelemahannya perlu ditempuh cara-cara pembinaan sebagaimana berikut:

- a) Pemberian bantuan pengurusan, peningkatan kualiti Sumber Daya Manusia dalam bentuk pelatihan, standarisasi sistem dan prosedur,
- b) Kerjasama dalam penyaluran dana,
- c) Bantuan dalam inkubasi bisnis

Pengembangan ini diharapkan BMT mampu memberi gambaran kepada umat Islam bagaimana mengusahakan ekonomi yang baik untuk mencapai kehidupan dunia yang baik di samping mendapatkan kehidupan yang baik pula di akhirat. Sehingga nanti akan terbentuk keseimbangan kerana dengan memperoleh kehidupan yang baik di dunia dan akhirat, sebagaimana dalam al-Quran surah Al-Baqarah (02) : 201

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي
الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

*dan di antara mereka pula ada Yang (berdoa dengan) berkata:
"Wahai Tuhan kami, berilah Kami kebaikan di dunia dan
kebaikan di akhirat, dan peliharalah Kami dari azab neraka".*

Oleh sebab itu Islam mengatur aqidah, akhlak, ubudiyah serta hakam-hukumnya kepada umat Islam untuk menjadikan manusia yang taat kepada Allah SWT. Aqidah segala sesuatu yang menyangkut keyakinan atas kepercayaan dan iman akan ada

keyakinan wujudnya Allah SWT. Akhlak adalah sikap mental yang diaplikasikan dalam bentuk berfikir, cara berbicara, cara bertingkah laku dan sebagainya sebagai tanda manusia yang beriman kepada Allah SWT. Hukum adalah aturan-aturan syariah yang mengatur tentang undang-undang serta peraturan yang harus diterapkan oleh manusia dalam konteks kehidupan bermasyarakat dengan maksud untuk menjaga kestabilan kehidupan sosial.

Di samping itu, Islam mengatur juga masalah muamalah dengan berlandaskan ketentuan aturan syariah yang mengatur tata cara transaksi yang tidak mungkin lepas dari kehidupan antara sesama umat manusia sebagai makhluk sosial, seperti jual beli, perkongsian, sewa, pinjam dan lain-lain.

Jadi manusia yang beriman dituntut untuk tidak melepaskan diri dari syariat Allah SWT dalam pola kehidupan masyarakat, termasuk dalam pola kehidupan ekonomi, Allah SWT berfirman dalam al-Quran surah Al-Jathiyat (45): 18

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ
أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Kesudahannya Kami jadikan Engkau (Wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah syariat itu, dan janganlah Engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).

Dengan demikian kesejahteraan zahir batin tidak akan diperoleh kecuali dengan amal soleh dengan melakukan kegiatan ibadah dan muamalah yang berasas dari ketentuan syariah yang dijiwai oleh aqidah Islamiah dan akhlak yang luhur.

4.2.2 Posisi dan Fungsi *Bayt al-Mal* dan *Bayt al-Tamwil*

Fungsi *Bayt al-Mal* pada masa dulu, yaitu pada zaman Rasulullah dan pemerintahan-pemerintahan negara Islam selanjutnya (*Khilafah Islamiyah*), *Bayt al-Mal* merupakan institusi khusus yang menangani harta yang diterima negara yang kemudian diagihkan kepada kaum muslim yang berhak menerimanya. Tugas utama *Bayt al-Mal* adalah mengelola segala pemasukan dan pengeluaran Negara. Selanjutnya, *Bayt al-Mal* juga yang mengelola masalah keuangan (moneter), baik pengadaan atau menjamin keseimbangan peredarannya. Sebagai Institusi keuangan negara, *Bayt al-Mal* mempunyai hubungan yang kuat dengan keberadaan umat Islam sebagai sebuah komunitas sosial di mana Islam tidak hanya mengatur persoalan ibadah, tapi juga mengatur segala hubungan antara manusia (*mu'amalah*), baik secara individual maupun kolektif. Karena itu ia memerlukan basis teritorial dan komunitas (*ummah*) di mana aturan-aturannya disempurnakan dalam wahyu yang diturunkan¹⁸³

Mengenai hal ini, Dr. Yusuf Qardawi memaparkan pandangannya, bahwa *Bayt al-Mal* dalam Negara Islam terbagi menjadi empat, yaitu:

1. *Bayt al-Mal* khusus untuk zakat. *Bayt al-Mal* ini mempunyai sistem kerja sendiri dan bertugas mengumpulkan dan menyalurkan zakat kepada beberapa sektor yang sudah dibatasi sesuai dengan tingkat keperluan.¹⁸⁴
2. *Bayt al-Mal* khusus untuk menghimpun hasil *jizyah* (upeti) dan *kharaj* (pajak hasil bumi) yang diambil dari kalangan bukan muslim yang hidup bersama dengan umat Islam. Imbalannya, mereka diperlakukan seperti warga muslim biasa. Baik *jizyah* maupun *kharaj*, dipungut dari mereka sebagai padanan zakat dan berbagai sedekah

¹⁸³ Akram Diya' al-'Umari (1994), *Masyarakat Madinah pada Masa Rasulullah*, Alih bahasa Asmara Hadi Usman, Jakarta: Media Da'wah, h. 69.

¹⁸⁴ Dr. Yusuf Qardhawi (1995), *Kiat Islam Mengentaskan Kemiskinan*, Alih bahasa Syafril Halim, Jakarta, Gema Insani Press, h. 112.

yang diambil dari umat Islam, seperti derma, zakat fitrah, dan denda akibat ketidaksempurnaan melakukan ibadah. Atas pajak yang mereka keluarkan, kaum muslimin wajib menjaga dan melayani mereka tanpa dibebani dengan kewajiban ketenteraan. *Kharaj* adalah pajak hasil bumi tahunan seperti yang diterapkan Umar terhadap tanah pertanian di Irak dan lainnya.¹⁸⁵

3. *Bayt al-Mal* khusus untuk hasil rampasan perang (*al-Ghanimah*) dan barang temuan (*al-Luqatahah*). Kebijaksanaan ini diterapkan bagi mereka yang berpendapat bahawa kedua hal ini tidak dikenakan zakat dan tidak pula wajib kepada mereka yang berhak.¹⁸⁶
4. *Bayt al-Mal* khusus untuk barang-barang tidak bertuan, yaitu harta benda yang tidak berhak pemiliknya. Termasuk juga harta yang tidak ada ahli warisnya.¹⁸⁷

Konsep *Bayt al-Mal* pada masa kini agak berbeza daripada apa yang diamalkan pada zaman awal Islam, Pada hari ini, institusi *Bayt al-Mal* dilihat mempunyai fungsi yang agak kecil dan terhad dengan wujudnya pelbagai agensi atau badan lain yang juga diiktiraf sebagai institusi kewangan Islam bukan perbankan yang mempunyai peranan sebagai institusi untuk menghimpun dan menyalurkan dana masyarakat berupa zakat, infak, sedekah (ZIS) sahaja. Manakala *Bayt Tamwil* adalah institusi kewangan yang kegiatannya menghimpun dana masyarakat dalam bentuk tabungan (simpanan) mahupun deposit dan menyalurkan kembali kepada masyarakat dalam bentuk pembiayaan berdasarkan prinsip syariah melalui sistem yang lazim dalam dunia perbankan.¹⁸⁸

¹⁸⁵*Ibid*, h. 113.

¹⁸⁶*Ibid*.

¹⁸⁷*Ibid*.

¹⁸⁸ Makhalul Ilmi, *op.cit.*, h. 64.

Berdasarkan keterangan di atas dapat diambil pengertian secara menyeluruh bahwa BMT merupakan institusi bisnis yang bertujuan sosial dalam operasional kegiatannya berdasarkan ketentuan-ketentuan syariah.

Dengan demii peranannya sebagai institusi sosial dan juga sebagai institusi bisnis. Dalam hal ini ketika suatu institusi menamakan dirinya sebagai BMT maka secara pasti memiliki dua unit usaha sekaligus, yaitu usaha dalam bidang pengelolaan zakat, infaq, sedekah (ZIS) yang mewakili peranannya sebagai institusi sosial dan usaha dalam bidang perbankan syariah yang mewakili peranannya sebagai institusi bisnis, apabila salah satunya tidak ada maka tidak dapat dinamakan sebagai BMT tetapi *Bayt al-Mal* sahaja atau *Bayt Tamwil* sahaja.

4.2.3 Analisis terhadap Produk Penghimpunan Dana/Tabungan (*Funding*)

Salah satu fungsi utama BMT sebagai institusi kewangan syariah adalah sebagai institusi perantara kewangan (*financial intermediary*) antara pihak yang mempunyai dana dengan pihak yang memerlukan dana. Untuk melaksanakan fungsi tersebut BMT dituntut dapat melakukan pengurusan dengan baik,¹⁸⁹ di antaranya adalah pengurusan penghimpunan dana.

Penghimpunan dana dalam BMT al-Khairat tidak jauh berbeza dengan bank syariah yang juga salah satu fungsinya sebagai institusi perantara (*financial intermediary*). Jenis-jenis tabungan di BMT al-Khairat adalah sebagai berikut: Tabungan *al-Mudarabah*, Tabungan *al-Wad'ah*, Tabungan persiapan walimah, Tabungan naik haji/umrah, Tabungan persiapan qurban, Tabungan pendidikan.

¹⁸⁹ Muhammad (1998), *Manajemen Baitul Maal wa Tamwil*, Yogyakarta : STIS, h. 16.

Jenis-jenis penghimpunan dana yang ditawarkan oleh BMT al-Khairat, jika dibedakan berdasarkan prinsip akad yang diterapkan, terdapat dua jenis penghimpunan dana, yaitu berdasarkan prinsip/akad *al-Wadiah* dan akad *al-Mudharabah*.

4.2.3.1. Penghimpunan dengan akad *al-Wadiah*

Penghimpunan dengan akad *al-Wadiah* dikembangkan berdasarkan ketentuan-ketentuan, yaitu:¹⁹⁰

- 1) Keuntungan atau kerugian dari penyaluran dana menjadi hak milik atau ditanggung BMT (bank), sedang pemilik dana tidak dijanjikan imbalan dan tidak menanggung kerugian. BMT dimungkinkan memberikan bonus atau hadiah kepada pemilik dana sebagai suatu intensif.
- 2) BMT harus membuat akad pembukuan rekening yang isinya mencakup izin penyaluran dana yang disimpan dan persyaratan lain yang disepakati selama tidak bertentangan dengan prinsip syariah.
- 3) Terhadap pembukaan rekening ini, BMT dapat mengenakan pengganti biaya administrasi untuk sekedar menutupi biaya yang benar-benar terjadi.
- 4) Keuntungan lain yang berkaitan dengan rekening tabungan tetap berlaku selama tidak bertentangan dengan prinsip syariah.

Al-Wadiah sebagai suatu akad dalam Islam telah dimodifikasikan dalam kegiatan ekonomi kewangan Islam menjadi pola tabungan *al-Wadiah*, walaupun pada prinsipnya akad *al-Wadiah* merupakan tabungan murni di mana pihak BMT sebagai penerima titipan dan tidak memiliki wewenang apapun terhadap tabungan tersebut, namun dengan

¹⁹⁰ Anonimus (2002), *Produk-produk Bank Islam*, Jakarta: Karim Consulting bekerjasama dengan Bank Indonesia.

atas izin daripada penitip atau pelanggan boleh dipergunakan dan dikembangkan dalam kegiatan bisnes oleh BMT.

Proses yang dijalankan oleh BMT dengan tabungan tersebut merupakan dana yang dipercayai oleh pihak pelanggan dalam bentuk tabungan atau simpanan untuk dikelola atas izin dari pihak penabung. Oleh itu, BMT sebagai pengelola dana tersebut memberikan hasil atas dana tabungan yang ditiptikan.

Pada prinsipnya *al-Wadiah* adalah titipan murni, di mana seorang penabung tidak akan menerima keuntungan yang berupa nisbah atau pembahagian keuntungan yang dijanjikan pada awal akad. Akan tetapi penabung akan menerima sesuatu yang berbentuk bonus atau hadiah dari pihak BMT sebagai penerima titipan tersebut. Namun demikian, praktikal yang dijalankan oleh BMT berbeza, yakni menentukan nisbah dan keuntungan pada awal akad. Hal ini dilakukan disebabkan faktor-faktor berikut :

1. Penentuan nisbah dan keuntungan pada awal akad adalah suatu tuntutan kerana hal itu merupakan suatu bentuk transparansi dalam kontrak ekonomi. Dengan adanya transparansi pembahagian nisbah keuntungan yang jelas pada awal akad akan lebih memberikan ketenangan bagi pihak pelanggan.

Penentuan nisbah keuntungan pada awal akad dianggap tiada masalah selama nisbah kerugiannya ditentukan juga dan ada tawar menawar antara kedua-dua pihak dalam menentukan nisbah tersebut. Hal ini dilakukan kerana jika tidak ada transparansi, masyarakat akan enggan menabung dananya di BMT dan mereka akan lebih memilih menyimpan dananya di bank-bank konvensional. Di samping itu pula akad ini sudah tidak semurni akad *al-Wadiah*, kerana pihak penabung sudah memberi kebebasan sepenuhnya kepada pihak BMT untuk mengelola dan mengembangkan dana simpanannya.

2. Penentuan nisbah keuntungan pada awal akad sebagai satu bentuk promosi untuk menarik minat masyarakat menabung di BMT.

Promosi jika dilakukan dalam batas-batas tertentu dan dengan tujuan positif dan tiada masalah, kerana BMT sememangnya memerlukan upaya sosialisasi kepada masyarakat untuk lebih dikenali di mana sebahagian masyarakat masih meragukan sistem pengelolaannya, manakala bank-bank konvensional sudahpun mampu meraih minat masyarakat dengan sistem pola ekonomi yang baik dan sumber daya manusia yang baik pula. Hal ini diperlukan cara-cara khusus dalam melayani jasa pinjaman sehingga mampu bersaing dengan institusi kewangan yang lain supaya pelanggan tertarik kepada institusi kewangan syariah dan mempunyai motivasi untuk selalu mengembangkan dan meningkatkan prestasi kerja pada masa kini dan masa yang akan datang.¹⁹¹

3. Setiap pelanggan akan dapat melihat baki tabungan setiap saat. Hal ini akan menambah kepercayaan pelanggan juga memberi gambaran pola kerja yang sistematik.

Akad *al-Wadiah* yang diterapkan BMT sebagaimana keterangan di atas sebenarnya masih sesuai dengan kaedah-kaedah prinsip kewangan Islam. Akad *al-Wadiah* seperti ini adalah perluasan dari prinsip *al-Wadiah* yang dipadukan dengan prinsip *al-Syarikah* yakni kombinasi prinsip *al-Wadiah* dengan *al-Mudarabah*.

Hal sesuai dengan penjelasan tokoh perbankan syariah, Darmansyah yang menyatakan :


“Dewasa ini banyak bank Islam yang sudah berhasil mengembangkan prinsip al-Wadiah dengan prinsip al-Mudarabah. Dalam kombinasi ini dewan direksi menentukan

¹⁹¹ Muhammad (2002), *Manajemen Bank Syariah*. Yogyakarta: UPP AMP YKPN, h. 201.

besarnya bonus dengan menetapkan prosentase dari keuntungan yang dihasilkan dari dana *al-Wadiah* tersebut dalam suatu period tertentu”¹⁹²

Aplikasinya dapat dilihat pada rajah berikut ini;

Rajah 4.1 : Aplikasi kombinasi prinsip *al-Wad'ah* dan prinsip *al-Mud'arabah*¹⁹³



Sumber : Darmansyah " Wadi`Ah dalam Perbankan Syariah"

Maka dengan melihat praktiknya, sistem *al-Mud'arabah* yang diterapkan oleh BMT merupakan kombinasi antara *al-Wadiah* dengan prinsip *al-Mud'arabah* dan bukan merupakan titipan murni.

4.2.3.2. Penghimpunan Dana dengan akad *al-Mud'arabah*

Aplikasi prinsip ini adalah bahwa penyimpan dana bertindak sebagai (صاحب المال) dan

BMT sebagai (مضارب). Dana ini digunakan bank atau BMT untuk melakukan

pembiayaan akad jual beli maupun *syirkah*. Jika terjadi kerugian maka BMT bertanggungjawab atas kerugian yang terjadi.

¹⁹² Darmansyah " Wadi`Ah dalam Perbankan Syariah", http://panduan.net/index.php?view=article&catid=39%3Ahotnews&id=65%3Awdps&format=html&option=com_content&Itemid=61, 31 Ogos 2010

¹⁹³ Darmansyah., *op.cit.*,

Prinsip-prinsip tersebut di atas sebenarnya merupakan prinsip-prinsip perhimpunan dana dalam bank syariah, namun hal ini boleh juga diterapkan dalam institusi kewangan syariah lain seperti halnya BMT. Berdasarkan pada kesepakatan hasil musyawarah (*ijma' internasonal*) para ahli ekonomi muslim beserta para ahli fikih dari *Academi Fiqh* di Mekah pada tahun 1973, menyimpulkan bahwa konsep dasar hubungan ekonomi berdasarkan syariah Islam dalam sistem ekonomi Islam dapat diterapkan dalam operasional bukan hanya institusi kewangan bank tetapi dapat juga diterapkan dalam institusi kewangan bukan bank.¹⁹⁴

Jadi manusia yang beriman dituntut untuk tidak melepaskan diri dari syariat Allah dalam pola kehidupan masyarakat, termasuk dalam pola kehidupan ekonomi, Allah berfirman dalam al-Quran : Al-Jathiyat (45): 18

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ
الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Kesudahannya Kami jadikan Engkau (Wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka Turutlah syariat itu, dan janganlah Engkau menurut hawa nafsu orang-orang Yang tidak mengetahui (perkara Yang benar).

Dengan demikian kesejahteraan zahir batin tidak akan didapati kecuali dengan amal soleh dengan melakukan kegiatan ibadah dan muamalah yang berasas dari ketentuan syariah yang dijiwai oleh aqidah Islamiah dan ahlak yang luhur kerana dengan mengikuti aturan yang digariskan agama hasilnya akan lebih berkah yang dengan demikian memungkinkan bagi umat Islam untuk mempunyai sisa dana yang dapat dipergunakan untuk kegiatan perekonomian.

¹⁹⁴ *Ibid*, h. 83.

Sebagaimana yang disebutkan dalam ayat al-Quran yang menerangkan ketentuan tentang pola simpanan dan penanaman modal antara lain al-Quran : al-Baqarah (02): 275-276

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا^ج ﴿٢٧٥﴾ يَمْحَقُ اللَّهُ
الرِّبَا وَيُزَيِّدُ الصَّدَقَاتِ^ط وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ
﴿٢٧٦﴾

Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.. Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa.

Dan al-Quran : al-Imran (03): 130

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا
مُّضَاعَفَةً^ط وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.

Juga al-Quran : al-Nisa (04): 161

وَأَخَذِهِمُ الرِّبَا وَقَدْ هُمُوا عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَالَ النَّاسِ
بِالْبَطْلِ^ج

dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya, dan (disebabkan) mereka memakan harta orang dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya).

Ketentuan ini memberikan dorongan kepada umat Islam yang memiliki kelebihan dana untuk berinvestasi secara syariah yang menghasilkan produk baru dan kesempatan kerja serta perdagangan yang dapat melancarkan arus barangan dan jasa. Dengan demikian akan mengurangi kegiatan-kegiatan perekonomian secara riba yang diterapkan oleh bank-bank konvensional.

Umat Islam yang memiliki kelebihan dana diperintahkan untuk melakukan investasi dan perdagangan dalam erti yang sebenarnya menurut syariah dengan tujuan keserataan bersama secara luas, al-Quran menjelaskan dalam Al-hashr (59): 7

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

(Ketetapan Yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu.

Maka dengan itu, anjuran al-Quran dalam hal keserataan, maka mereka yang tidak memiliki peluang dalam membuka perusahaan sudah tersedia pelbagai alternatif, antara lain penitipan dana kepada seorang pengusaha dengan sistem bagi hasil (*al-Mudarabah*), pembiayaan bersama suatu usaha dengan sistem bagi hasil sesuai dengan penyertaannya (*al-Musharakah*), dan lain-lain

Dengan dilaksanakannya bentuk ekonomi yang sesuai dengan syariah dan jauh dari unsur riba, telah membawa umat Islam pada zaman kegemilangannya dalam waktu yang relatif singkat. Hal ini kerana falsafah ekonomi yang dianuti oleh umat Islam pada masa itu mendorong terjadinya kebersamaan diantara mereka dalam mencapai kesejahteraan zahir batin

4.2.4 Analisis Terhadap Produk Penyaluran Dana (*Financing*)

Kegiatan selanjutnya setelah BMT melakukan penghimpunan dana pada pihak-pihak pemilik dana, maka BMT dituntut harus mengembangkan dana tersebut ke sektor pembiayaan untuk disalurkan ke masyarakat yang memerlukan. Hal demikian dilakukan terkait dengan fungsi BMT sebagai institusi perantara keuangan, dan dengan melakukan pembiayaan itulah BMT akan memperoleh pendapatan.

Definisi pembiayaan secara luas menurut Muhammad berarti *financing* atau pembelanjaan, yaitu pendanaan yang dikeluarkan untuk mendukung investasi yang direncanakan, baik dilakukan sendiri maupun oleh orang lain, manakala dalam erti sempit pembiayaan dipakai untuk mendefinisikan pendanaan yang dilakukan oleh institusi pembiayaan seperti bank syariah atau BMT kepada pelanggan.¹⁹⁵

Salah satu hal yang membezakan antara Lembaga Keuangan Syariah (LKS) dengan institusi Keuangan Konvensional adalah tidak mengakui riba atau bunga sebagai sarana untuk memperoleh keuntungan, oleh karena itu sebagai solusi alternatif dari meninggalkan riba yaitu dengan menerapkan prinsip-prinsip yang tidak bertentangan dengan syariah baik bagi prinsip jual beli, bagi hasil, sewa, dan sebagainya, di mana prinsip-prinsip tersebut ditentukan oleh akad atau perjanjian di antara institusi tersebut dengan pelanggan.¹⁹⁶

Dalam Penyaluran Dana di BMT al-Khairat kepada pelanggan, secara garis besar terdapat empat bahagian prinsip syari'ah, yaitu prinsip Bagi Hasil (*al-Syirkah*), Jual Beli (*al-Bay'*), Sewa Beli (*al-Ijarah*), dan Pembiayaan Kebijakan (*al-Qard al-Hasan*).

¹⁹⁵ Muhammad, *op.cit.*, hal . 260.

¹⁹⁶ *Ibid*, h. 90.

4.2.4.1. Prinsip Bagi Hasil (*Profit-Sharing*)

Secara prinsip dalam perbankan syariah atau BMT, yang paling banyak digunakan adalah akad utama : *al-Musyarakah* dan *al-Mud'arabah*, manakala *al-Muzara'ah* dan *al-Musaqah* dipergunakan khusus untuk atau pembiayaan pertanian (*Plantation Financing*).

al-Musyarakah, adalah suatu perkongsian antara dua pihak atau lebih dalam suatu projek di mana masing-masing pihak berhak atas segala keuntungan dan bertanggung jawab atas segala kerugian yang terjadi sesuai dengan penyertaannya masing-masing.¹⁹⁷

Al-Musyarakah merupakan kemudahan penyertaan modal (*equity participation*). Istilah lain yang digunakan untuk musyarakah adalah syarikah atau syirkah. Musyarakah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan “*partner ship*”, sedangkan institusi-institusi kewangan Islam menterjemahkan ke dalam *participation financing* dan diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia dengan kemitraan atau persekutuan atau perkongsian.

Dalam Pelaksanaan produk *al-Musyarakah* dalam perbankan atau institusi kewangan seperti BMT, pada umumnya untuk pembiayaan usaha di mana pelanggan dan bank sama-sama menyediakan dana untuk membiayai projek tersebut. Semua modal dicampur untuk dijadikan modal usaha, dan pengurusannya pun dikelola bersama-sama.

Al-Mud'arabah, adalah perkongsian antara dua pihak di mana pihak pertama (صاحب العمل) menyediakan dana dan pihak kedua (مضارب) bertanggung jawab atas pengelolaan perusahaan. Keuntungan dibahagikan sesuai dengan rasio laba yang telah disepakati bersama terlebih dahulu sebelum ini. Manakala rugi, (صاحب العمل) akan kehilangan sebahagian imbalan dari kerja keras dan managerial skill selama projek berlangsung

¹⁹⁷ Sa'ad Al-Harran, dalam Heri Sudarsono (2004), *Bank dan Lembaga Keuangan Syariah Deskripsi dan Ilustrasi*, Yogyakarta : Ekonisia h. 67

selama kerugian itu bukan akibat dari kelalaian pengelola. Seandainya kerugian itu diakibatkan kecurangan dan kelalaian pengelola maka kerugian tersebut ditanggung pengelola.¹⁹⁸.

Dalam Pelaksanaan produk *al-Mudharabah Muthlaqah*, jumlah modal yang diserahkan kepada nasabah selaku pengelola modal harus berupa wang tunai dan apabila modal diserahkan secara bertahap diperhitungkan dengan cara perhitungan dari pendapatan proyek (*revenue sharing*) dan dari perhitungan keuntungan proyek (*profit sharing*). Karakteristik *al-Mudharabah Muqayyadah* pada dasarnya sama dengan persyaratan *al-Mudharabah Mutlaqah*, bezanya adalah pada penyediaan modal yang hanya untuk kegiatan tertentu dan dengan syarat yang sepenuhnya ditetapkan oleh bank atau institusi keuangan.

Al-Muzara'ah dan *al-Musaqah* dipergunakan khusus untuk atau pembiayaan pertanian (*Plantation Financing*). Secara umum dapat diartikan dengan memberikan bahan pertanian kepada si penggarap untuk ditanami dan dipelihara dengan imbalan bahagian tertentu (prosentase) dari hasil penuaian. *Al-Muzara'ah* adalah kerjasama pengolahan pertanian antara pemilik lahan dan orang yang menggarap, di mana pemilik lahan memberikan bahan kepada orang yang menggarap untuk ditanami dan dipelihara dengan imbalan bagian tertentu dari hasil panen.

Pelaksanaan produk *al-Musyarakah* dan *al-Mudharabah*, *al-Muzara'ah* dan *al-Musaqah* adalah sah dilakukan selama akad dan pelaksanaannya sesuai dengan aturan-aturan syariah yang ditetapkan.

¹⁹⁸ Syafii Antonio (2001), *Bank Syariah dari Teori ke Praktek*. Jakarta : Gema Insani Press, h. 96.

4.2.4.2. Prinsip Jual Beli (*al-Bay'*)

Prinsip jual beli meliputi *murabahah*, *salam* dan *istishna'*. Prinsip *murabahah* umumnya diterapkan dalam pembiayaan pengadaan barang investasi. Skim *murabahah* sangat berguna bagi seseorang yang memerlukan barang secara mendesak tetapi kekurangan dana. Ia kemudian meminta kepada bank agar membiayai pembelian barang tersebut dan bersedia menebusnya pada saat barang diterima. *Salam* adalah pembelian barang untuk pengantaran (*delivery*) yang ditangguhkan dengan pembayaran muka. *Salam* dalam perbankan biasanya diaplikasikan pada pembiayaan berjangka pendek untuk produksi agribisnis atau industri sejenis lainnya. Jika hasil produksi yang diterima rusak atau tidak sesuai dengan akad, maka produser harus bertanggungjawab dengan cara antara lain mengembalikan dana yang telah diterimanya atau mengganti dengan barang yang sesuai dengan pesanan. Menganggap bank atau institusi keuangan tidak menjadikan barang yang dibeli atau dipesannya sebagai persediaan (*inventory*). *Istishna'* menyerupai *salam*, namun *istishna'* pembayarannya adalah pembayaran muka, beransur-ansur atau kemudian. Skim *istishna'* dalam bank syariah umumnya diaplikasikan pada pembiayaan pembuatan industri kecil dan konstruksi.

4.2.4.3. Prinsip Sewa (*Ijarah*)

Secara etimologi, *al-Ijarah* adalah (البيع المنفعة) yang berarti menjual manfaat. Pengertian *Al-Ijarah*. Secara istilah menurut ulama mazhab antara lain :¹⁹⁹ Pertama, menurut mazhab Hanafi *al-Ijarah* adalah akad atas suatu kemanfaatan dengan pengganti. Kedua, menurut mazhab Syafi'i *al-Ijarah* adalah akad atas suatu kemanfaatan yang mengandung maksud tertentu dan *mubah*, serta menerima pengganti atau kebolehan dengan pengganti tertentu. Ketiga, menurut mazhab Maliki dan Hambali *al-Ijarah*

¹⁹⁹ Rachmat Syafei, *op.cit.*, h. 121-122.

adalah menjadikan milik suatu kemanfaatan yang mubah dalam waktu tertentu dengan pengganti.

Sedangkan menurut pendapat lain, *al-Ijarah* adalah akad pemindahan hak guna atas barang atau jasa, melalui pembayaran upah sewa, tanpa diikuti dengan pemindahan kepemilikan (*ownership/milkiyyah*) atas barang itu sendiri.²⁰⁰ Pada prinsipnya prinsip *al-Ijarah* sama dengan prinsip jual beli, namun perbedaannya terletak pada objek transaksinya, dalam hal ini objek transaksinya adalah jasa.²⁰¹ Lain halnya dengan *Al-Ijarah Al-Muntahia bi al-Tamlik*, adalah sejenis perpaduan antara kontrak jual beli dan sewa atau lebih tepatnya akad sewa yang diakhiri dengan kepemilikan barang di tangan si penyewa.²⁰² Landasan syariah untuk transaksi *al-Ijarah*, antara lain:

وَأِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَدَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا
سَلَّمْتُمْ مَا ءَاتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ
بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) Yang kamu mahu beri itu Dengan cara yang patut. dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, Sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.

4.2.4.4. Pinjaman Kebajikan (*al-Qard al-Hasan*)

Pemberian harta kepada orang lain yang dapat ditagih atau diminta kembali, dengan kata lain *qard* adalah pemberian pinjaman tanpa mengharapkan imbalan.²⁰³ Di mana *al-Qard al-Hasan* dalam pelaksanaannya di BMT mempunyai tiga fungsi, iaitu sebagai

²⁰⁰ Muhammad Rawas Qal'aji, dalam Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Bank Syariah Dari Teori Ke Praktek*, cetakan pertama, Jakarta : Gema Insani Press, h. 117.

²⁰¹ Muhammad, *op.cit.*, h. 93.

²⁰² Syafi'i Antonio, *op.cit.*, h. 118.

²⁰³ *Ibid*, h. 131.

produk pelengkap, sebagai pembiayaan bagi asnaf dan pengembangan produk baitul mal. Secara ringkas di sini dapat dikemukakan produk-produk bank yang ditawarkan bank syariah atau institusi kewangan Islam lainnya.

Jadual 4.1 : Produk yang ditawarkan bank syariah atau institusi kewangan Islam²⁰⁴

No	PRODUK / JASA	PRINSIP SYARIAH
01	Giro	<i>Wad'ah Dhamanah</i>
02	Tabungan	<i>Wad'ah Dhamanah</i> dan <i>Mudarabah</i>
03	Deposit	<i>Mudarabah</i>
04	Simpanan Khusus	<i>Mudarabah Muqayyadah</i>
05	Dana Talangan	<i>Qardh</i>
06	Penyertaan	<i>Musyarakah</i>
07	Sewa Beli	<i>Ijarah Muntahiyyah bi al-Tamlik (Ijarah wa Iqtina')</i>
08	Pembiayaan Modal Kerja	<i>Mudarabah</i> atau <i>Murabahah</i>
09	Pembiayaan Projek	<i>Mudarabah</i> atau <i>Musyara</i>
10	Pembiayaan Sektor Pertanian	<i>Bai' al-Salam</i>
11	Pembiayaan Akuisisi Aset	<i>Ijarah Muntahiyyah bittamlik</i>
12	Pembiayaan Eksport	<i>Mudarabah</i> , <i>Musyarakah</i> dan <i>Murabahah</i>
13	Anjak Piutang	<i>Hiwalah</i>
14	<i>Letter Of Credit (L/C)</i>	<i>Wakalah</i>
15	Garansi Bank	<i>Kafalah</i>
16	Inkaso Transfer	<i>Wakalah</i> dan <i>Hawalah</i>
17	Pinjaman Sosial	<i>Qardh al-Hasan</i>
18	Surat Berharga	<i>Mudarabah</i> , <i>Qardh</i> , <i>Bai' al-Dayn</i>
19	IV. Save Deposit Box	<i>Wad'ah Amanah</i>
20	Jual Beli Valas	<i>Sharf</i>
21	Pergadaian	<i>Rahn</i>


4.3. ANALISIS TERHADAP PELAKSAN -QARD AL-HASAN

al-Qard al-Hasan merupakan pinjaman yang dapat membantu masyarakat yang mengalami masalah kewangan sehingga diperlukan pengelolaan yang baik.

Untuk memudahkan pembaca, analisis pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* oleh BMT al-Khairat dapat dijelaskan dalam rajah 4.2²⁰⁵

²⁰⁴ *Ibid*, h. 90-116

Rajah 4.2 : Analisis pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* oleh BMT al-Khairat



4.3.1 Posisi dan Fungsi al-Qard al-Hasan

Al-Qard al-Hasan merupakan pinjaman kebajikan yang diaplikasikan dalam sistem institusi kewangan syariah adalah perjanjian pembiayaan antara bank atau institusi kewangan dan pelanggan yang dianggap layak menerima, dengan keutamaan untuk pengusaha kecil yang berpotensi tetapi tidak mempunyai modal tetapi mereka mampu

²⁰⁵ Rajah dibentuk berdasarkan temubual dengan En. A. Said Baidawi Kepala pengerusi dan En. Abdullah staff ahli BMT al-Khairat